

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 14	Selasa	4 April 2006
----------------	---------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (Halaman 24)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 4 April 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Perdana Menteri menyatakan kemungkinan pelajar-pelajar perubatan dihantar ke negara Eropah seperti Poland dan adakah taraf khususnya setanding dengan universiti-universiti lain di Eropah yang telah diiktiraf oleh kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang di Pengerusi oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dan juga Majlis Perubatan Malaysia sedang meneliti dan mempertimbangkan penggubalan satu dasar pengiktirafan program-program pengajian perubatan dari luar negara secara menyeluruh termasuk dari negara-negara bukan tradisi seperti Poland, Russia, Moldova dan sebagainya. Kerajaan belum bercadang untuk menghantar pelajar-pelajar Malaysia mengikuti pengajian dalam bidang perubatan ke Negara Poland atau negara-negara lain yang berkenaan sehingga satu kajian atau penilaian tentang kesesuaian dan kelayakan perubatan dari negara-negara berkenaan yang dibuat.

Untuk makluman faktor-faktor yang diambil kira dalam proses penggubalan dasar pengiktirafan menyeluruh ini adalah dari segi kualiti pendidikan, kesesuaian program dengan keperluan negara, penjimatan dari segi kos pengajian, kesesuaian persekitaran dan sosiobudaya termasuk keselamatan serta kemudahan yang disediakan oleh universiti-universiti berkenaan. Sekiranya kerajaan ini menunjukkan aspek yang diperlukan di atas adalah positif barulah kerajaan pertimbangkan untuk menjalankan proses pengiktirafan ke atas kelayakan bidang perubatan dari negara berkenaan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita belum berhasrat menghantar pelajar perubatan ke Poland dan negara-negara yang

berdekatan tapi saya kira bilangan pelajar-pelajar mengikuti khusus perubatan tidak berkurangan yang kita hantar ke luar negara. Dan kita juga tahu bahawa beberapa universiti tempatan IPTA seperti UM, UKM, USM, UPM, UIA, Uni Kuala Lumpur, dan beberapa lagi ada menawarkan khusus-khusus perubatan.

Jadi dalam kita menuju wawasan 2020 dan menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara industri, berapa lamakah kita terus menerus terpaksa bergantung latihan untuk doktor-doktor kita keluar negara menghantar mereka keluar negara seperti Mesir, seperti ke Jordan dan juga Indonesia yang merupakan negara-negara yang mundur dibandingkan dengan kita. Jadi tidakkah ada perancangan kerajaan untuk sampai ke satu tahun di mana kita sendiri akan melatih pakar-pakar perubatan ataupun doktor kita dan tidakkah mungkin kita akan membina sebuah universiti, universiti penuhnya universiti *medical*, universiti perubatan dan juga universiti yang berkaitan dengannya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat sebut sebentar tadi, iaitu kerajaan juga dalam kita menghantar pelajar ke luar negara, kita juga mengadakan apa yang dikatakan kolej-kolej perubatan kita sendiri di universiti-universiti tetapi oleh sebab keperluan yang begitu besar permintaannya disabitkan kerana jurang, orang kata kuota di antara rakyat dengan satu doktor itu masih lagi orang kata besar, maka kerajaan terpaksa untuk mendapatkan doktor secepat mungkin menghantar para pelajar ke luar negara, kerana hantar mereka ke luar negara itu masih lagi merupakan satu perbelanjaan yang agak murah.

Walau bagaimanapun, kerajaan setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu pada jangka panjangnya, akhirnya kita tidak boleh terlalu bergantung kepada universiti-universiti di luar negara untuk menampung pelajar kita kerana mungkin datang satu ketika kos terlalu tinggi, keduanya mungkin disabitkan oleh sebab hubungan tidak baik ia tidak akan menerima pelajar kita dan sememangnya ialah untuk jangka panjang memang kerajaan mempunyai rancangan untuk akhirnya nanti hanya bergantung pada universiti tempatan sahaja.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya adakah terdapat koordinasi di antara Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun MARA yang mengeluarkan biasiswa dengan MMC ataupun Malaysian Medical Council. Kerana kita dapati bahawa, setengah-setengah biasiswa diberikan kepada pelajar yang belajar di universiti yang tidak diiktiraf. Contohnya kita tahu ada beberapa pelajar yang dihantar dengan biasiswa Jabatan

Perkhidmatan Awam ataupun MARA ke Jepun, apabila mereka balik mereka tidak boleh bekerja ataupun praktis kerana universiti itu tidak diiktiraf oleh Malaysian Medical Council. Itu soalan saya yang pertama.

Soalan saya yang kedua Yang Berhormat Menteri ialah kita dapati bahawa universiti-universiti perubatan sama ada tempatan ataupun luar negara harus dilihat *ranking* ataupun status dari segi meritnya. Didapati contoh Universiti Malaya ataupun Universiti Kebangsaan Malaysia mahupun Universiti Sains. Dari segi statusnya, meritnya lebih tinggi daripada setengah universiti di luar negara. Tetapi pelajar-pelajar kita yang mempunyai keputusan yang cemerlang contohnya, kebanyakan mereka itu yang cemerlang di hantar ke Russia, Indonesia sebagai *reward* ataupun ganjaran kerana kecemerlangan mereka.

Walhal mereka dihantar ke universiti ataupun fakulti perubatan yang lebih rendah mutunya dibandingkan Universiti Malaya ataupun Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun Universiti Sains Malaysia. Bukankah ini satu kerugian dan pelajar-pelajar yang demikian apabila, walaupun keputusan dia baik boleh dihantar ke universiti yang kurang dari segi merit akademiknya, jadi saya rasa itu satu kerugian dan walhal mereka ini sepatutnya belajar di Universiti Malaya ataupun Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun Universiti Sains Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak jawab soalan yang kedua iaitu untuk makluman Yang Berhormat khusus di dalam negara masih lagi jadi keutamaan kepada ramai pelajar. Sebenarnya mereka yang mendapat keputusan yang cemerlang memang diberi keutamaan memasuki universiti tempatan terlebih dahulu. Saya belum lagi dengar kita memberi *reward* kepada mereka yang cemerlang dengan hantar ke Indonesia.

Waktu saya menjadi Menteri di Pembangunan Usahawan dahulu di mana MARA di bawah saya, di Indonesia dan India itu dan negara-negara lain yang dianggap lebih rendah mereka itu merupakan orang kata lebih daripada pelajar yang tidak dapat masuk ke universiti tempatan, itu yang saya tahu. Tapi kalau ini Yang Berhormat dapat tahu fakta yang baru ini, kita akan perbetulkan apa sekali pun sememangnya pelajar yang cemerlang keutamaan kita hantar ke universiti tempatan.

Nombor dua, apabila kita hantar pelajar ke luar negara, sudah tentu kita mengambil kira universiti-universiti yang di iktiraf kan oleh MMC (Malaysian Medical Council). Saya tidak tahu macam mana boleh berlaku seorang yang dihantar ke Jepun kemudian tidak diiktiraf oleh kerajaan kita. Tapi sememangnya memang ada koordinasi

di antara JPA, MARA dan juga MMC kerana sudah tentu kita tidak akan membazir wang kerajaan, wang rakyat dengan menghantar mereka ke universiti yang tidak diiktiraf oleh MMC.

2. **Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf kepada lebuh raya bagi jalan-jalan negeri dalam kawasan Papar dari Lokkawi ke Pekan Kinarut melalui jalan pesisir pantai termasuk lampu jalan dan bahu jalan. Sekiranya ada, bilakah projek tersebut akan dilaksanakan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kementerian Kerja Raya tiada cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan negeri yang menghubungkan Papar dari Lokkawi dan Pekan Kinarut melalui jalan pesisir pantai. Ini adalah kerana ianya terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun bagi kawasan Parlimen Papar, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk menaik taraf jalan persekutuan yang menghubungkan Donggongan ke persimpangan Papar Sepa.

Projek yang kita cadang iaitu projek naik taraf jalan dari Donggongan simpang jalan Papar Sepa. Skop kerjanya menaik taraf jalan dua lorong sehala sepanjang tiga puluh lima kilometer jalan persekutuan menghubungkan Kota Kinabalu ke Papar dan Beaufort yang merupakan sebahagian daripada lebuh raya Pan-Borneo.

Harga kosnya RM 210 juta, status projek: Kementerian Kewangan melalui surat yang bertarikh 8 hari bulan Mac 2006, telah bersetuju meluluskan pelaksanaan projek pembinaan jalan raya dari Donggongan ke Papar Sepa secara runding terus kepada tiga pakej seperti berikut:

- (i) Pakej satu, Syarikat Pemborong Sarah Sdn. Bhd.
- (ii) Pakej dua, Syarikat Com. Royal Sdn. Bhd., Jitu Mega Sdn. Bhd.
- (iii) Pakej tiga, Syarikat Prinsip Hasil Sdn. Bhd.

Inilah tiga-tiga kontraktor telah dilantik oleh kerajaan untuk melaksanakan projek itu.

3. Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan setiap dasar Kerajaan difahami dan mendapat tindak balas yang positif dari rakyat dan kumpulan sasar.

Menteri Penerangan [Datuk Zainuddin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, langkah jangka pendek untuk memberikan maklumat ketika rakyat memerlukan maklumat. Ini kita tangani dengan penyampaian maklumat secara intensif, pantas dan pantas supaya rakyat segera memahaminya.

Biasanya keinginan rakyat ingin tahu memuncak bila berlaku perkembangan terbaru seperti meletusnya wabak penyakit, perkembangan politik, ekonomi dan agama di dalam negara dan di luar negara yang melibatkan dasar-dasar dan juga kerana reaksi rakyat terhadap dasar-dasar baru kerajaan, seperti pengurangan subsidi minyak ataupun kerana adanya penyebaran maklumat yang menggugat keyakinan kepada pihak berkuasa, yang mencemarkan nama negara seperti kes ketuk ketampi yang diprojekkan sebagai perkauman dan *apartheid* sehingga mencemarkan nama negara.

Keberkesanan tindakan jangka pendek kita dapat melihat bagaimana percubaan pihak tertentu untuk menjadikan isu pengurangan subsidi bagi melancarkan gerakan reformasi kedua, tetapi ini telah berjaya digagalkan kerana rakyat lebih percaya kepada fakta-fakta sebenar dan juga daripada cerita rekaan. Tindakan jangka panjang ialah penyampaian maklumat berterusan dan bertubi-tubi bagi meyakinkan rakyat, bahawa masa depan mereka terletak dalam dasar dan wawasan Kerajaan Barisan Nasional yang telah teruji dan terbukti. Umpamanya universiti di Kelantan hanya ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang lain-lain itu cerita dan jadi kosong sahaja untuk menang dalam pilihan raya yang akan datang.

Untuk mencapai sasaran dengan berkesan dan positif dalam tindakan jangka panjang dan jangka pendek, Kementerian Penerangan mempunyai agensi yang berwibawa iaitu:

- (i) Jabatan Penerangan;
- (ii) JASA;
- (iii) RTM;
- (iv) BERNAMA; dan
- (v) Filem Negara.

Agensi ini telah dilengkapi dengan modal insan yang terlatih dan profesional yang dapat mengenali antara isu politik dan isu umum. Tetapi tetap memberikan

rawatan secara profesional. Mekanisme penyampaian maklumat ialah menerusi program-program yang terancang, teratur dan alat komunikasi yang tercanggih. Agensi-agensi ini mampu untuk bergerak secara berasingan dan juga secara bersepadu pada bila-bila masa yang diperlukan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut dalam kata pendahuluannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bahawa misi nasional dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan, bahawa faktor yang paling utama bagi menjadi sebuah negara maju ialah keupayaan dan keperibadian masyarakat negara tersebut. Maknanya Malaysia tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki infrastruktur kelas pertama, tetapi mentaliti kelas ketiga.

Oleh itu perlu diterapkan pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan modal insan yang menekankan bukan sahaja ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi. Soalannya ialah apakah usaha jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang kementerian yang akan dijalankan bagi menerapkan mentaliti kelas pertama di kalangan rakyat, iaitu bagi mewujudkan rakyat yang berperibadi tinggi, tidak rasuah, berbudi bahasa, menghormati masa dan menjadi ketua keluarga yang misali? Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, langkah ini dikongsi bersama oleh semua agensi di Kementerian Penerangan, tetapi yang amat jelas yang akan ternyata dan terpampang ialah menerusi RTM sendiri. Umpamanya mulai daripada awal April ini.

Mulai awal April ini, kita telah menukarkan TV1 dan TV2 kepada RTM1 dan RTM2 yang menampakkan penghayatan terhadap peranan yang harus dimainkan dalam negara ini terutamanya RTM1 sebagai suatu saluran nasional dan ini kita programkan. Kita tidak bermaksud untuk bersaing mencari populariti ataupun untuk mengadakan program-program yang popular bagi menyaingi pihak stesen yang lain.

Kami telah mengambil tekad dan telah membuat program-program yang diaturkan sebagai jajaran. Tujuan utama jajaran ini ialah untuk rakyat menghayati inspirasi-inspirasi nasional. Ini adalah jajaran yang merupakan misi nasional iaitu selepas jam 9.00 malam di RTM1, jajaran ini akan berlangsung daripada sekarang untuk

lima tahun yang akan datang iaitu selepas sahaja Warta Perdana, kita akan mempunyai Program Santai.

Program Santai ini ialah program hiburan yang berkualiti umpamanya 'Koleksi' lagu-lagu teragung daripada Orkestra RTM atau orkestra yang lain. Kemudian kita juga ada 'Salam Pantai Timur' yang juga membawa misi nasional. Kita juga akan ada 'Anjung Budi' yang cuba membentuk keperibadian rakyat dan menyedari hakikat jati diri kita. Demikian juga beberapa program yang lain.

Kemudian pada pukul 9.30 malam sehingga pukul 10.30 malam, adalah jajaran ataupun dipanggil '*Belting*' untuk lima tahun kecuali diganggu oleh siaran bola sepak dan sebagainya yang memerlukan siaran-siaran yang juga mesti menyedari hakikat sensitiviti Yang Berhormat sekalian, maka kita akan mengganggu melalui siaran ini, tetapi '*Belting*' ini ialah '*Belting*' yang tetap iaitu mulai 9.30 malam. Siapa pun datanglah ke RTM kalau hendak membina minda mereka. Untuk membina jati diri mereka, sila datang kepada kami.

Pukul 9.30 malam ia *Bicarawara* atau *Talk Show*. *Only Talk Show* maaf dengan izin. Hanya *Talk Show* dari pukul 9.30 malam sampai 10.30 malam umpamanya *Debat Perdana*, *Forum Perdana*, *Isu*, *Bicarawara*, *Bicara Siswa* dan sebagainya. Kita akan menjemput, pihak pembangkang pun kita akan jemput. Tetapi kadang-kadang kita jemput, lain yang dihantar. Kita jemput orang lain, dia hantar orang lain. Itu apa boleh buat. Kita umumkan Encik Priasamy, dia hantar anak Yang Berhormat Lim Kit Siang, maaf anak wakil Ipoh Timor. Minta maaf saya sebut nama. Minta maaf saya sebut nama.

Apa boleh buat, kita bagi peluang. Sekarang kita akan bagi peluang kepada mereka. Kita akan tidak lama lagi ada rancangan '*Hard Talk*', kita panggil wakil Ipoh untuk '*Hard Talk*' dengan kita. Itu kita akan buat. Demikian juga kita ada *Fast Forward* dan lain-lain yang kita akan mempersembahkan dengan cara yang lebih menarik bukan cara yang *stereotype*, presentasi yang terlalu *mediocre* dan ini adalah satu tanggungjawab yang sangat besar, yang saya memerlukan juga fikiran-fikiran dan juga tenaga yang kreatif dalam hal ini.

Kemudian pada pukul 10.30 malam kita akan mengadakan siri 'Astaka Perdana' iaitu drama-drama yang terbaik. Demikian juga dalam RTM2, kita akan lebih banyak mengadakan program-program *multiracial* terutamanya gambar-gambar Mandarin yang baik-baik. Kita tidak tahu mengapa kita tidak cemburu kepada penyiaran gambar-gambar daripada Hollywood, daripada Amerika yang lebih banyak merosakkan akhlak

kita. Tetapi kita cemburu dengan filem-filem Mandarin. Kita cemburu dengan filem-filem daripada Asia.

Kali ini kita harus keluar daripada *cocoon* kita dan kita melihat jati diri kita bahawa bangsa kita adalah Asia, dan di sinilah kita bertindak untuk membangunkan kebudayaan Asia dengan filem-filem yang lebih banyak kepada Asia sendiri. Itulah hakikatnya secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*]

Yang Berhormat Menteri, syabas dan tahniah sempena menyambut ulang tahun RTM yang ke-60. Tetapi bola tetap digemari oleh semua penduduk di dunia. [*Dewan semakin riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Allahuakbar [*Ketawa*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Generasi bola meningkat.

Yang Berhormat, terima kasih kepada RTM, TV3 dan NTV7 kerana mengadakan program-program yang begitu menarik perhatian rakyat pada hari ini sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi Debat Perdana, kita ada tamu yang menjemput wakil rakyat pada pagi ini Yang Berhormat bagi Kota Belud begitu bagus, Yang Berhormat bagi Pasir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya akan masuk soalan kerana saya terpegun dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi begitu baik dan kita berharap di bawah Menteri Penerangan yang baru ini, RTM akan lebih hebat, unggul.

Soalan saya, apakah RTM membuat satu kajian atau tinjauan daripada kesannya, keberkesanannya program-program yang telah disebutkan tadi terutama sekali dengan siaran liputan Sidang Parlimen.

Seorang Ahli: Bola sepak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Astaghfirullah hal azim.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih kepada RTM dan juga TV3 yang telah memberi liputan yang begitu baik. Kalaulah kesannya begitu baik, apakah RTM bercadang untuk melanjutkan lagi masa siaran Liputan Parlimen ini supaya rakyat akan mendapat satu penjelasan yang lebih baik

terutama sekali kelakuan-kelakuan pembangkang selama hari ini di dalam sidang Parlimen. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya bimbang kalau kita,.... bukan sahaja kelakuan pembangkang tetapi kelakuan kita pun nanti akan nampak juga. *[Ketawa]*

Sebenarnya saya ingat dari segi perhatian kepada liputan bagi Parlimen ini sudah lebih banyak daripada dahulu iaitu selain daripada mengadakan program pagi yang kita menjemput semua wakil rakyat sebelah pagi. Itu satu, kemudian kita adakan pula dalam slot lepas jam 11.00 malam liputan daripada Parlimen.

Selain daripada dalam berita, kemudian kita juga atas cadangan salah seorang daripada anggota Dewan, saya minta maaf saya sudah lupa iaitu supaya mengadakan liputan di kawasan anggota Parlimen sendiri. Kita sedang buat, kita akan pergi ke kawasan kita dan keadaan pembangkang. Kita kana pergi untuk liputan kawasan saya, itu sedang berjalan sekarang. Untuk melanjutkan lagi itu, saya akan menimbangkan sebab kalau kita banyak sangat lagi program-program Parlimen, banyak juga yang RTM ini terpaksa korbankan program-program yang telah ditempah ataupun orang yang telah membeli *airtime* atau slot dan sebagainya.

Saya minta maaf, sebenarnya saya amat bimbang terhadap harapan yang terlalu tinggi yang diberikan kepada saya dan saya memohon supaya Allah S.W.T memberikan hidayah dan taufik dalam menjalankan tugas ini.

4. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian kerajaan terhadap kemenangan Parti Hamas dalam Pilihan Raya Parlimen Palestin baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) menyambut baik keputusan pilihan raya perundangan Palestin pada 25 Januari 2006 kerana ia telah berjaya diadakan dalam suasana aman serta melambangkan kebebasan bersuara di kalangan rakyat Palestin.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan tahniah kepada pihak Hamas di atas kejayaan mereka dalam pilihan raya tersebut juga kepada Mahmoud Abbas – Presiden Palestin di atas kejayaan beliau mengadakan pilihan raya tersebut. Malaysia akan terus memberi sokongan politik dan moral kepada kerajaan Palestin di bawah pimpinan Hamas untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama daripada konflik Palestin – Israel.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa pertemuan mereka dengan wakil khas Hamas iaitu Dr. Azam Tamimi di Putrajaya pada 20 Februari 2006. Pada masa yang sama Malaysia sebagai Pengerusi OIC menyeru semua pihak agar terus bekerjasama bagi mencari penyelesaian kepada konflik Israel – Palestin itu.

Ke arah ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengurus surat kepada ahli-ahli *quartet* negara-negara ahli Majlis Keselamatan PBB, Setiausaha Agung PBB serta Presiden Kesatuan Eropah dan menyeru mereka agar menghormati pilihan rakyat Palestin serta terus memberi peluang kepada pucuk pimpinan Palestin yang baru di bawah Hamas untuk menerajui kerajaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menggesa agar semua pihak melihat perkembangan yang berlaku di Palestin ini dalam konteks yang positif dan memanfaatkan peluang tersebut dalam usaha mencari penyelesaian yang adil, saksama dan berpanjangan dalam konflik Israel – Palestin.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya menerima baik jawapan itu dan saya juga menyambut baik pendirian kerajaan untuk menyokong apa yang berlaku di Palestin terutama sekali hasil pilihan raya yang baru berlalu, di mana seluruh dunia termasuk pemerhati daripada Amerika Syarikat dan lain-lainnya mengiktiraf sebagai pilihan raya yang berlaku dalam keadaan yang adil, dalam keadaan terbuka dan bebas.

Tetapi sebagaimana Tuan Yang di-Pertua maklum bahawa Amerika Syarikat dan juga sekutu-sekutu mereka dengan segera mengisytiharkan bahawa mereka tidak mengiktiraf kerajaan Hamas. Kerajaan Malaysia, bersyukur saya kerana tidak mengambil pendirian tersebut sebaliknya menyatakan sokongan kita terhadap Hamas. Negara Barat sedang mencuba untuk menghalang termasuk Israel menghalang wang yang dipunyai dan menjadi hak kepada Palestin, cukai Palestin dipegang oleh Israel dan ini disokong oleh dunia Barat.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan sokongan kita yang jelas dan nyata ini, bilakah kita akan menjemput Perdana Menteri baru Palestin – Ismail Haniya untuk melakukan lawatan rasmi ke negara kita?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya kira dalam soal ini kita berkongsi pandangan bahawa kita mengalu-alukan keputusan pilihan raya tersebut dan kita menganggap ini adalah keputusan rakyat yang

mesti disokong. Pihak kerajaan Malaysia sesungguhnya juga sudah dan akan membuat jemputan untuk Perdana Menteri ataupun kerajaan baru Hamas untuk melawat negara kita dan perkara ini saya tidak dapat untuk menerangkan secara spesifik tarikh dan tanggalnya. Insyallah bila sampai waktunya kita akan umumkan untuk sama-sama kita dapat melihat perkembangannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, satu persoalan di sini yang cukup menarik perhatian saya di mana tadi dikatakan bahawa Barat, Amerika tidak menyokong Hamas dan sejarah Hamas sebenarnya dahulu merupakan yang bersekongkol dengan Israel sendiri. Malah Hamas ini dilihat oleh Israel sebagai *the enemy of my enemy is my friend* kerana ketika itu Hamas adalah bermusuhan dengan PLO. Saya hendak tanya, apakah persepsi Malaysia sekarang ini sebagai Setiausaha Parlimen dalam keadaan geopolitik yang begitu berkecamuk sekarang ini tentang kedudukan dan pengiktirafan kita kepada Hamas pula sekarang ini.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin adalah pandangan yang banyak ditulis pada peringkat awal penubuhan Hamas dahulu. Bukan saya kira bahawa Israel boleh menerima Hamas dari segi ideologi Islamnya tetapi ketika itu waktu Israel berhadapan dengan tentangan yang kuat daripada Pergerakan Fatah, PLO dan sebagainya ia merasakan bahawa kalau ada gerakan-gerakan lain yang boleh mempertikaikan kewibawaan PLO maka ia adalah satu gerakan yang perlu diberi perhatian dan disokong.

Saya rasa sukar untuk kita hendak menerangkan tetapi kalau dalam konteks politik di Malaysia sekali pun, misalnya kita kata bahawa Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang lantang menentang tentang negara Islam tetapi bagi mereka apabila PAS menang di Terengganu dialah yang pertama pergi peluk dan cium Presiden PAS yang banyak bercakap tentang negara Islam dan sebagainya. *[Disampuk]* Dia peluk dan cium. Jadi, dalam konteks yang sama ialah konteks *enemy of my enemy is my friend*. Itu berlaku di peringkat awal satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri maksud dalam bahasa Melayu, apa itu?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ertinya, musuh kepada musuh saya adalah kawan saya, yang selalu dikaitkan bila ada pilihan raya kalau DAP yang bertanding PASlah yang banyak berdoa supaya DAP menang dan kalau PAS bertanding DAPlah

yang banyak berdoa supaya PAS [*Disorak*] [*Tepuk*] menang dalam soal ini. Jadi, itu ialah cerita lalu, cerita lampau tetapi apabila Hamas dilihat sebagai sebuah gerakan yang begitu berkesan, begitu menakutkan Israel dan sebagainya berlakulah beberapa perjanjian seperti *Oslo Accord* ataupun Perjanjian Oslo dan sebagainya yang akhirnya melahirkan negara ataupun kerajaan disebutkan *Palestinian Authority* yang ada sekarang.

Walaupun dalam perkara ini kita melihat satu perkara yang positif. Hamas adalah sebuah gerakan yang satu ketika dahulu lantang bercakap tentang ia tidak mengiktiraf terus Israel, tidak mengiktiraf terus tentang *Oslo Accord* ataupun Perjanjian Oslo ini dan sebagainya. Tetapi penglibatan Hamas di dalam pilihan raya-pilihan raya, kalau dahulunya pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan dan sekarang ini pilihan raya yang baru dalam *Palestinian Authority*. Ini menunjukkan bahawa Hamas telah mengiktiraf pilihan raya, mengiktiraf *Palestinian Authority*. Ertinya, ia telah juga mengiktiraf apa yang disebutkan sebagai *Oslo Accord*. Jadi, dalam soal ini saya percaya bahawa Hamas juga ada unsur-unsur pragmatiknya dalam usaha untuk menyatukan rakyat Palestin dan seterusnya untuk melihat satu keadaan yang lebih stabil dan sebuah negara Palestin yang benar-benar berdaulat dapat diwujudkan dan inilah harapan kita kepada perkembangan baru ini. Terima kasih.

5. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Pusat Pelupusan Sampah Air Hitam, Puchong ditutup sepenuhnya dan apakah asas tertentu membabitkan perancangan pembinaan '*Transfer Station*' di Kampung Bohol, Batu 6 ½, Jalan Klang Lama baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Pusat Pelupusan Sampah Air Hitam, Puchong akan ditutup sepenuhnya apabila cadangan pembinaan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal bagi menguruskan sampah dari kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Petaling Jaya telah siap untuk beroperasi. Bagi maksud tersebut pendirian kerajaan pada masa ini adalah bersetuju untuk membina Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Shah Alam.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian dan kerajaan negeri sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan tersebut yang dijangka sedia pada awal tahun 2007. Kerajaan juga telah bersetuju untuk membina sebuah stesen Pemindahan sisa pepejal ataupun *transfer station* di Kampung Bohol. Mengenai tapak

projek berkenaan kementerian difahamkan bahawa ia adalah hak milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah pun diwartakan untuk kegunaan kemudahan pengurusan sisa pepejal. Stesen pemindahan tersebut akan digunakan untuk memindahkan sampah dari kawasan Selatan Wilayah Persekutuan ke loji rawatan termal pada masa akan datang dan ke tapak pelupusan di Bukit Tagar untuk masa sekarang. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya minta beberapa saat lebih daripada biasa sebab ini isu yang penting. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagi saya jawapan itu langsung tidak boleh diterima. *[Disampuk]* Yang pertama, bila saya membangkitkan isu mengenai Air Hitam, Puchong, bila saya bertanya pada penghujung tahun 2004 kementerian jawab tahun depan iaitu tahun 2005 untuk tutup. Dan, bila saya bertanya di awal tahun 2005, kementerian kata di pertengahan tahun 2005 akan ditutup. Bila saya bertanya di penghujung tahun 2005, dia kata di penghujung 2005 akan ditutup, bila saya tanya di penghujung 2006, dia kata bulan April 2006 akan ditutup kerana Bukit Tagar akan dibuka.

Yang Berhormat, penantian itu adalah satu penyeksaan. *[Dewan gamat]* Saya hendak tahu bilakah tarikh yang sebenarnya untuk tutup ini. Ini kerana lebih daripada 50,000 keluarga setiap hari menerima bau-bau yang aneh, molek, cantik maksud saya bau yang busuk. Ini akan pergi ke Putrajaya juga kadang-kadang. Itu mengenai perkara yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kampung Bohol. Saya tidak tahu apakah sistem penyampaian yang kita uar-uarkan, kita selalu cakap. Kadang-kadang bila bincang mengenai penetapan keputusan untuk membina *transfer station* di Kampung Bohol ini telah bermula pada tahun 1992 dan ini adalah tempat yang tidak sesuai sekali kerana ada masalah pencemaran bukan sahaja daripada udara dan juga bunyi tetapi masalah trafik, masalah kepadatan penduduk yang sangat tinggi. Adakah Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kementerian-kementerian tertentu melawat kawasan ini dahulu sebelum membuat keputusan untuk membina apa-apa *transfer station* di kawasan Bohol ini. Walaupun tanah ini adalah kawasan DBKL tetapi ia akan memberikan pengaruh, implikasi yang negatif kepada penduduk di kawasan Puchong ini. Sila berikan sedikit penjelasan. Kalau tidak boleh sampaikanlah kepada kementerian atau Menteri yang boleh membuat keputusan ini. Sekian, terima kasih.

[Disampuk]

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham tentang perasaan Ahli Yang Berhormat tentang masalah ini kerana Ahli Yang Berhormat adalah wakil rakyat dari kawasan tersebut dan kita pun sudah baca di surat khabar tentang beberapa bantahan yang telah dilakukan oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Tetapi Ahli Yang Berhormat mestilah faham bahawa penduduk di Lembah Klang menghasilkan lebih kurang 3,000 tan sisa pepejal setiap hari dan kerajaan tidak boleh lari dari tanggungjawabnya untuk menyediakan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang baik untuk menangani masalah ini.

Setiap cadangan ini akan dilaksanakan selepas kajian yang terperinci berasaskan kepada nasihat daripada pakar-pakar teknikal dan bergantung kepada kelulusan AIA. Kerajaan selalu sedia untuk menerima pandangan daripada rakyat, penduduk-penduduk tempatan dan pemimpin-pemimpin tempatan di dalam melaksanakan program-program ini.

Untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, yang bermula tentang tutupnya tapak pelupusan di Air Hitam. Saya bersetuju bahawa pada awalnya tarikh yang diberi bahawa tapak pelupusan ini akan ditutup pada hujung tahun 2005. Pada masa ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mencadangkan membina *transfer station* di Shah Alam sebagai satu projek Kerajaan Negeri Selangor tetapi dalam sikap itu ada pemindahan dan Kerajaan Negeri Selangor telah meminta Kerajaan Persekutuan supaya menguruskan projek ini. Oleh kerana proses ini sudah berubah maka masa telah diambil lebih banyak sedikit. Tetapi saya boleh beritahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekarang perkara ini telah pun tamat dan pekerja kerja untuk membina akan dimulakan dan akan siap lebih kurang pada March 2007.

Dan, untuk soalan berkenaan *transfer station* di Kampung Bohol itu, saya akan membawa pandangan Ahli Yang Berhormat supaya disalurkan kepada DBKL kerana di dalam projek di Kampung Bohol tugas Kementerian Kerajaan Persekutuan ialah sebagai penasihat teknikal sahaja. Pihak yang menguruskan projek itu ialah DBKL sendiri. Kita akan membawa pandangan saudara kepada DBKL supaya diambil kira di dalam membuat keputusan. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memahami dan bersetuju dengan saya bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini kerap juga membuat kunjungan ke luar negara untuk meninjau akan keberkesanan sistem merawat pepejal

ini yang mungkin dalam negara agaknya tidak ada ataupun di luar negara itu sistemnya lebih baik. Jadi, apakah keputusan yang diperolehi oleh kementerian setelah melawat negara-negara yang mempunyai sistem yang lebih berkesan yang hari ini sedang dirangka dan bakal dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Memang benar kementerian telah melakukan lawatan ke negara-negara yang lain dan kadang-kadang apa yang kita lihat di situ daripada segi teknikal kerajaan memang berusaha untuk membawa cara dan kemudahan yang paling canggih kepada negara kita yang mempunyai kesan yang baik dan tidak mendatangkan apa-apa keburukan kepada rakyat.

Sebagai contoh ada misalnya tapak *incinerator* di negara Taiwan dan sebagainya, salah satu yang telah dilawat oleh pegawai-pegawai kementerian kita, di mana di atas *incinerator* ada restoran di mana ada orang pergi untuk makan dan sebagainya. Inilah fikiran yang ada berbeza orang-orang di luar negara dibandingkan kepada rakyat tempatan berkenaan dengan pengetahuan mereka tentang apa yang dilakukan oleh pusat-pusat ini dan kesedaran berapa banyak mereka yakin kepada teknologi dan apa yang di bawa oleh teknologi. Di negara Jepun pun *incinerator* ada diletakkan di kawasan-kawasan taman perumahan dengan mengikut syarat-syarat yang tertentu dan ini telah diterima oleh rakyat mereka sebagai satu kemudahan untuk melupuskan sampah.

So, inilah ajaran yang kita dapat daripada lawatan-lawatan ke luar negeri dan akan membantu kami dalam melaksanakan projek-projek ini di negara kita.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya maklum tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Cuma soalnya ialah setelah kita tahu di Taiwan atau di Jepun, apa yang sudah dibina di negara kita ini? Apakah yang sudah dibuatnya?

6. Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun] minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah keguguran janin, bayi mati dalam kandungan serta ibu mengandung yang meninggal dunia kerana mengidap penyakit kronik dari tahun 2003, 2004, dan 2005 serta nyatakan langkah-langkah pengawalan yang dilakukan bagi mengatasi perkara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, statistik untuk tahun-tahun yang berkaitan akan saya bagi secara bertulis tetapi secara amnya pada tahun 2003, jumlah keguguran janin adalah 29,411. Bayi mati dalam kandungan adalah 3,314 dan ibu-ibu mengandung yang meninggal dunia kerana mengidap penyakit kronik adalah 110 orang.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah pengawalan yang dilakukan bagi mengatasi perkara tersebut adalah yang pertama bagi kes-kes keguguran. Keguguran kali pertama biasanya berlaku secara spontan dan tidak ada cara untuk mengelakkannya. Bagi kes keguguran berulang, kementerian mempunyai satu standard *operating procedure* untuk menangani kes-kes sebegini. Langkah yang kedua bagi kes-kes kematian bayi dalam kandungan. Kementerian juga mempunyai prosedur tertentu untuk menangani kes-kes sebegini. Bagi melaporkan kematian *prenatal* dan untuk kematian bayi yang belum mencapai jangka masa *viability*. Pengurusannya ialah seperti pengurusan kes-kes keguguran.

Langkah yang ketiga bagi kes-kes kematian ibu mengandung kerana menghidap penyakit kronik. Kementerian mempunyai satu jawatankuasa khas untuk menyiasat semua kematian ibu mengandung iaitu *National Technical Committee for the Confidential Inquiries into Maternal Test in Malaysia*. Jawatankuasa ini terdiri dari pakar-pakar perubatan kanan daripada pelbagai disiplin dalam Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada tuhan dan berterima kasih kepada kerajaan. Berbanding dengan negara-negara lain, kematian ibu ketika melahirkan anak amat minimum sekali dan agak tinggi sedikit ialah kes kematian bayi dalam kandungan. Dahulu kita ada terdengar bahawa dalam deklarasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia melalui Sasaran Pembangunan Millennium Ke-4, iaitu *Millennium Development Goal IV* dengan izin, yang menyatakan untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak pada kadar dua pertiga dari tahun 1990 kepada 2015. Jadi apakah sebenarnya Malaysia sudah mencapai kepada sasaran ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah mencapai *Millennium Goal* Ke-4 iaitu di bawah *millennium goal* ini sasaran kita adalah untuk kanak-kanak di bawah umur lima tahun. *Mortality*, sasaran yang ditetapkan oleh *Millennium Goal* ke-4 adalah 13.3 untuk setiap 1,000 bayi yang dilahirkan pada tahun 2015. Tetapi pada masa sekarang kita telah dapat

mencapai tahap 7 bayi yang meninggal bagi setiap 1,000 bayi yang dilahirkan pada tahun 2003. Ini bermakna kita telah dapat mencapai tahap 13 bayi yang ditetapkan oleh *Millennium Goal* Ke-4 pada masa sekarang dan lebih rendah lagi iaitu separuh daripada yang ditetapkan pada tahun 2015.

Begitu juga untuk *maternity death* iaitu dahulu kita telah dapat menurunkannya kurang daripada 10 ibu mengandung yang meninggal dunia bagi setiap 1,000 bayi yang dilahirkan. Sekian.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terbaca dalam satu jurnal di Amerika Syarikat. Berdasarkan kajian oleh seorang pakar, Dr. Stow menyatakan bahawa keguguran (*miscarriage*) berlaku kerana kandungan klorin lebih tinggi atau terlalu tinggi di dalam air paip kita. Adakah ini benar di Malaysia memandangkan fakta yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi iaitu sebanyak 3,314 keguguran berlaku. Adakah kandungan klorin ini menyumbang kepada keguguran di negara kita. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keguguran itu terjadi kerana beberapa perkara, bukan hanya kerana klorin sahaja atau yang lain-lain. Antaranya adalah seperti ibu yang mengandung mempunyai masalah kesihatan yang lain seperti sakit jantung atau penyakit-penyakit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa klorin menyebabkan kematian ini?

Dato' Lee Kah Choon: Barangkali ia adalah di antara banyak sebab-sebab yang kita ada ini.

7. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar baru penubuhan dan operasi sekolah swasta yang dibawa masuk dari luar negeri. Sejauh mana sekolah swasta dapat membantu kerajaan dalam mempertingkatkan mutu pendidikan negara dan memanfaatkan masyarakat berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia masih mengguna pakai dasar sedia ada dan menetapkan supaya setiap institusi pendidikan swasta diwajibkan berdaftar seperti seksyen 79(1) Akta Pendidikan 1996 serta memenuhi piawaian kualiti dalam mengendalikan program pengajian mereka. Perkara tersebut juga jelas

dinyatakan di bawah seksyen 76 Akta 550 dan juga Peraturan-peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian 1998.

Di antara peranan sekolah swasta dalam membantu kerajaan demi mempertingkatkan mutu pendidikan negara adalah seperti berikut:-

- (i) menjadikan pendidikan swasta sebagai sebahagian daripada arus perdana pendidikan di Malaysia dengan meningkatkan sistem pengajian yang berkualiti;
- (ii) menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang menjadi destinasi pilihan pelajar-pelajar antarabangsa untuk mendapatkan pendidikan dengan menyediakan pendidikan berkualiti;
- (iii) mempunyai kemudahan pendidikan dan infrastruktur sokongan yang lengkap, berkualiti dan kemas kini bagi membolehkan pelajar-pelajar menikmati pembelajaran bererti (*meaningful learning*) di peringkat rendah dan menengah; dan
- (iv) menambah pelaburan dalam bidang pendidikan dan menjadikan pendidikan sebagai eksport perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memenuhi tanggungjawab sosial, institusi pendidikan swasta juga memerlukan kos yang tinggi untuk membiayai penggunaan institusi tersebut. Oleh itu, yuran pengajian yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar adalah tinggi secara relatifnya jika dibandingkan dengan sekolah kebangsaan. Terdapat sekolah-sekolah swasta yang memberi biasiswa atau bantuan pelajaran kepada pelajar dan golongan keluarga yang berpendapat rendah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pernah terserempak dengan beberapa guru dari sekolah swasta dan saya dimaklumkan bahawa mereka ini sebenarnya adalah siswazah baru yang baru tamat pengajian di universiti dan diambil sebagai guru untuk mengajar di sekolah swasta.

Persoalan saya ialah apakah jenis latihan - sebenarnya mereka ini bukannya dalam pengurusan pendidikan atau pun tamat daripada kolej perguruan. Jadi apakah kriteria sekolah swasta untuk mengambil guru-guru yang mengajar di sekolah swasta?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tahu apakah pertimbangan pihak kementerian hanya membenarkan sekolah-sekolah swasta hanya ditumpukan di kawasan bandar sahaja dan berapakah bilangan yang ada sekarang? Saya juga

hendak tahu apakah kurikulum yang digunakan oleh sekolah swasta itu lebih baik daripada yang digunakan oleh sekolah kebangsaan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Pertama sekali mengenai kurikulum. Kurikulum di sekolah swasta ini, ia mestilah mengikut kurikulum-kurikulum kebangsaan. Itu adalah mata pelajaran wajib dan juga mata pelajaran teras. Di samping itu, bezanya ialah sekolah swasta dibenarkan untuk membuat mata pelajaran *elective*. Untuk mengawal standard kurikulum ini, pihak kementerian telah pun mengeluarkan peraturan pendidikan yang dinamakan kurikulum kebangsaan PUA 531 dan juga 97, juga kita ada menggunakan penilaian dan juga peperiksaan.

Yang kedua mengenai guru. Pihak swasta mesti memaklumkan kepada kementerian guru-guru yang diambil. Mengenai kualiti guru-guru yang diambil, itu terpulang kepada pihak swasta dan terpulang kepada pelajar-pelajar sama ada untuk membuat penilaian sekolah itu sesuai atau pun tidak; ataupun memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sangat seronoklah mendengar dasar-dasar kerajaan yang sangat proaktif. Seronok dengar! Tetapi di dalam realitinya itu bukan sebenarnya. Satu di antara perkara yang serius dalam negara sekarang ialah kekurangan guru-guru terlatih, bukan sahaja di sekolah kebangsaan tetapi di sekolah-sekolah Tamil dan Cina.

Dalam hal ini, berapa seriuskah, apakah kerajaan benar-benar mengimplementasikan bahawa mengajar Tamil dan Cina di sekolah kebangsaan dan kalau ya, bolehkah ia dijalankan pada tahun atau sesi sekarang ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Puchong tadi bertanya mengenai jumlah sekolah swasta yang hendak saya jawab tadi ialah setakat ini...

Tuan Yang di-Pertua: Kelana Jaya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, daripada Kelana Jaya. *Sorry*. Setakat ini kita ada 6,900 buah sekolah yang mana melibatkan lebih kurang 55,843 pelajar dan juga tenaga pengajarnya seramai 32,789. Mengenai soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya ingat dia yang bermimpi ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebab soalan kita ini mengenai IPTS sekolah swasta, dia bertanya fasal sekolah kebangsaan. Saya ingat

saya tidak perlu jawablah sebab soalan yang dia tanya itu terkeluar sangat dan dia terlampau bermimpi. Sekolah mengenai sekolah swasta ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, sebagai Timbalan Menteri *you must be off hand on hand, to answer this question*, bukan? Kalau tidak tahu, duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia yangsoalan ini kalau saya hendak ulang benda yang sama. Dalam masa penggulungan pun Yang Berhormat mungkin tidur! Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun memberikan penerangan yang begitu jelas. Hari ini yang hendak tanya, soal yang tidak berkaitan, hendak tanya soalan khas untuk itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini dia mimpi, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak tahu soalan apa yang dia tanya.

8. **Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sama ada kerajaan bersedia memperundangkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam bentuk akta seperti yang dilakukan untuk Dasar Bahasa dan Pendidikan untuk memastikan aktiviti kerajaan, badan-badan penyiaran dan media massa akan menyerap unsur-unsur kebudayaan Melayu untuk mewujudkan citra kebudayaan kebangsaan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK), dengan izin, telah diprinsipkan kerajaan semenjak tahun 1971 lagi. Baik dari segi kefahaman, mahupun pelaksanaannya kerajaan tiada menemui aral atau rintangan. Walau bagaimanapun, syor Yang Berhormat Mulia itu adalah sesuatu yang baik dan positif. Dalam keadaan yang sedemikian, wajar diterangkan jua iaitu suatu Akta Parlimen yang khusus belum lagi dirasakan perlu. Namun keadaannya mungkin pada suatu ketika ia dibentuk sedemikian. Ini adalah disebabkan sedia terdapat Akta Warisan Kebangsaan 2005. Antara akta dan undang-undang yang lain, yang pada keseluruhannya sedia berupaya melaksanakan kehendak asas dasar kebudayaan itu.

Perkara-perkara yang terkandung di dalam DKK adalah seperti kebudayaan Malaysia yang berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar digembleng dan dilaksanakan bersama. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Selaras dengan prinsip-prinsip tersebut aktiviti-aktiviti kebudayaan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan yang diadakan mencerminkan kepelbagaian

budaya pelbagai kaum di negara kita sementara menjadikan budaya rakyat asal rantau ini sebagai asas. Prinsip-prinsip DKK juga telah disemai di peringkat sekolah melalui Kelab Tunas Budaya, Kelab Giat Budaya dan Kelab Kesenian sekolah. Aktiviti-aktiviti dianjurkan memberi penekanan kepada penyertaan pelbagai kaum penghayatan dan pengamalan warisan seni budaya asal di samping menerima seni budaya masyarakat majmuk lain yang bersesuaian dan membantu memupuk negara bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah Dewan ini juga tidak berapa lama lagi akan menimbangkan satu Rang Undang-Undang yang berkaitan dengan Akademi Seni Budaya Warisan Tahun 2006 yang khusus akan menjana dan menterjemahkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan adakah kerajaan mengakui menerima sebagai sastera Malaysia. Semua penulisan oleh rakyat Malaysia tidak kira apa bahasa dituliskan sama ada bahasa Malaysia, bahasa Tionghoa, Tamil, Inggeris oleh sebab ialah kerana diciptakan oleh rakyat Malaysia.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tuan Yang di-Pertua, jika ditakrif pengertian kebudayaan dan kesusasteraan itu maka ia adalah meliputi ruang dan bidang yang amat luas. Walau bagaimanapun oleh sebab terdapatnya Akta Bahasa Kebangsaan di tanah air kita maka segala penggubalan yang berbentuk sastera haruslah diterjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan terlebih dahulu. Kemudian barulah boleh diasaskan atau dijurus kepada bentuk asalnya sama ada bahasa Inggeris atau pun dalam bahasa Tionghoa, Tamil dan sebagainya. Setakat ini ada beberapa penilaian yang telah dibuat atau dengan izin 'words' diterjemahkan dalam bahasa Kebangsaan dan dengan kerjasama beberapa institusi, universiti dan lain-lain kita akan meneruskan usaha tersebut.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah Tuan Yang di-Pertua. Kecelaruan bahasa yang diguna dalam media khususnya media elektronik. Hasil daripada karya...

Tuan Yang di-Pertua: Karya...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...hasil daripada karya, penulis skrip, pelakon, penyanyi dan sebagainya. Umpamanya perkataan 'bos' yang diguna menyeluruh di Malaysia, berlainan daripada negara-negara lain di seluruh Asia. Pergi ke Filipina kita dengar macam mana dia membuat *salutation* dengan izin 'sir', 'madam' ataupun 'mem'. Kalau di Indonesia Pak, Ibu dan sebagainya. Adalah menjadi

satu budaya mereka. Tetapi di Malaysia 'bos' sudah menjadi satu budaya di kalangan masyarakat oleh sebab tiruan istilah diambil daripada Amerika zaman *gangster* dahulu.

Jadi macam mana pandangan kementerian membudayakan perkataan yang istilah begitu buruk dan tidak bermakna dalam media dan dalam masyarakat kita. Apakah tindakan yang perlu di ambil oleh pihak kementerian supaya menghilangkan budaya yang tidak senonoh ini dalam kalangan kita. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan di atas soalan Yang Berhormat. Soal penggunaan bahasa boleh kita takrifkan sebagai salah satu daripada jurai tanggungjawab di bawah kementerian ini yang telah disifatkan sebagai pembudayaan bahasa. Oleh yang demikian, apa yang dikhuatiri dan dikemukakan oleh Yang Berhormat sesungguhnya adalah perkara yang berkaitan dengan bahasa rojak. Ataupun penggunaan perkataan-perkataan yang diselitkan dalam bahasa Melayu tanpa konteks dan juga pembetulannya. Berhubungan dengan perkataan dan istilah 'bos' ini. Ini hanya salah satu daripada osmosis atau proses penerimaan perkataan luaran untuk dijadikan sebahagian daripada bahasa yang kita lafaz secara harian. Ia memang tidak manis dan saya akui ia salah dari segi pembudayaan bahasa kita. Lantaran perkataan itu boleh kita gantikan dengan perkataan ketua misalnya atau pemimpin.

Perkara ini telah banyak kita huraikan, telah banyak kita debatkan malah pelbagai *workshop* dan juga perhitungan telah kita buat. Namun kecenderungan sebahagian daripada generasi pada masa ini menggunakan perkataan-perkataan yang di luar konteks masih berlaku dan berleluasa.

Jawapannya Tuan Yang di-Pertua ialah, jawatankuasa khusus antara kementerian ini dengan Kementerian Pelajaran yang secara khusus pula diisi dengan tugas Dewan Bahasa dan Pustaka terus menerus mengatasi perkara ini mengikut keadaan yang timbul dari semasa ke semasa. Ada pelbagai lagi perkataan-perkataan yang seharusnya tidak kita gunakan tetapi telah digunakan tanpa pemantauan dan pengawasan yang berkuat kuasa. Misalnya perkataan '*advertensi*' telah digunakan oleh beberapa pihak sedangkan perkataan 'iklan' boleh digunakan. Malangnya perkataan '*advertensi*' ini telah dinukilkan ke dalam kamus Dewan Bahasa sendiri tanpa pengetahuan kita.

Tuan Yang di-Pertua insya-Allah kami di kementerian akan cuba mengeluarkan kembali perkataan-perkataan seperti ini dan dikempenkan bersama dengan Kementerian Pelajaran agar generasi akan datang tidak lupa kepada bahasa ibundanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Santubong sekiranya ada pihak-pihak yang lain memanggil Yang Berhormat sebagai 'bos' jangan sambutlah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya kalau saya berminat hendak beli sesuatu benda, begitu minat dan azam saya hendak membeli, tiba-tiba orang panggil saya 'bos' saya berhenti membeli. Bahkan semalam bila saya hendak makan mee di hotel. Apabila *chef* itu memanggil saya "bos hendak apa?". Saya kata terima kasih 'saya tidak hendak apa-apa'.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahajalah soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[3 April 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Ketereh untuk memulakan perbahasan ini.

11.08 pagi

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca bismillah semalam dan sudah bagi salam semalam jadi hari ini saya tidak bagi salamlah. Saya menyambung ucapan saya yang hanya dimulakan dengan ucapan bismillah dan salam sahaja petang semalam. Pertama saya ingin menyebutkan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Dato’ Seri Abdullah Badawi yang telah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ketereh tidak boleh baca bismillah lagi ke?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa salahnya menyebut salam, awal kalam itu dengan salam.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih atas teguran kekanda. Bismillahirrahmanirahim.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, mana yang baik tu baik dilebihkan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Assalamualaikum-warahmatullahiwarakatuh. Saya memang menunggu kawan-kawan menegur hendak tahu kawan-kawan ini faham atau tidak prinsip Islam. Jadi terima kasih kerana kefahaman tersebut dan atas dasar inilah saya memuji kerajaan kerana telah meletakkan prinsip Islam sebagai asas pembangunan negara kita yang ditentang dengan hebatnya oleh Ketua Pembangkang dalam ucapannya yang mengatakan bahawa kenapa mesti mengambil prinsip Islam Hadhari menjadi asas kepada meletak batu asas Rancangan Malaysia Kesembilan?

Pada saya prinsip Islam Hadhari adalah merupakan satu *rebranding* sahaja. Satu *rebranding* yang telah ada yang telah pun dimulakan sejak Tengku Abdul Rahman bahkan sebelum daripada itu, bagaimana kita memerintah negara ini? Kerana prinsip yang diambil adalah mengenai keadilan mengenai kesaksamaan, mengenai ketelusan, mengenai amanah, mengenai anti rasuah bererti keamanan, kemuliaan dan integriti seseorang. Maka dimanakah salahnya meletakkan prinsip ini sebagai asas pada pembangunan negara? Kecuali orang itu tidak faham. *Universal value* dengan izin. Nilai-nilai universal yang ada pada Islam ini di ambil untuk menjadi prinsip dan asas kepada pembangunan negara yang makmur, negara yang mulia, negara yang sedang menuju ke arah negara yang maju. Itulah yang sebenarnya yang berlaku. Mengapakah kita tentang? Dalam Islam sendiri...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hendak minta izin ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan ialah minta izin ya. Kita ada sebut mengenai ada 10 prinsip dalam Islam Hadhari pun ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Semalam saya ada kata, bahawa kita tidak ada menentang Islam Hadhari atau 10 prinsip dalam Islam Hadhari. Tetapi kalau kita baca 10 prinsip ini, selain daripada prinsip yang pertama, prinsip kedua ke prinsip sepuluh ialah mengenai *universal value* yang kita boleh menyokong dan menerima. Tetapi prinsip yang pertama ialah khas dan khusus untuk orang-orang Islam ini. Sebab itu, Malaysia ialah satu masyarakat yang berbilang agama dan sebab itu Rukun Negara, prinsip pertama ialah kepercayaan kepada Tuhan untuk semua rakyat mengikut agama masing-masing.

Itulah, dan kita perlu satu rangka di mana kita boleh hormat kepercayaan rakyat Malaysia daripada semua aliran kepercayaan, dan bukan khusus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah saya harap bahawa Yang Berhormat boleh faham itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keterah]: Tidak ada percanggahan dari segi ini. Dalam Islam sendiri, ayat yang selalu orang Islam baca waktu Maghrib, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud: “Katakanlah wahai Muhammad, aku tidak menyembah Tuhan kamu, kamu juga tidak menyembah Tuhan aku. Aku tidak akan beribadat cara kamu dan kamu juga tidak akan beribadat cara aku. Kamu dengan Tuhan kamu, aku dengan Tuhan aku”.

“*Separation*” itu jelas dalam Islam dan Islam ini diutuskan bukan untuk orang Islam sahaja. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Yang Bermaksud Islam ini diutuskan untuk seluruh orang alam ini. Sama ada dia hendak percaya kepada Tuhan Allah atau tidak, itu soal yang kedua. Ayat tadi menyatakan, tetapi universal *value* ini harus dikongsi bersama sebab tidak ada satu pun sifat Islam itu bercanggah dengan *universal value* dan ini diamalkan di Eropah, diamalkan di Amerika. Kenapa kita hendak *this right?* Saya kena faham yang itu. Asasnya mesti di situ. Sebab itu tidak ada salahnya kita meletakkan Islam Hadhari yang telah di~~brand~~kan, Islam yang sebenar, sebab kita tidak mahu orang tengok Islam itu ganas, Islam itu degil. Saya hendak *quote* ayat daripada Ismail Haniya, Perdana Menteri baru Hamas daripada Palestin yang mengatakan bahawa, “*We are not blood seekers. We are not warmongers. We are looking for peace*”. Yang penting ialah orang mengiktiraf. “*We are oppressed people*”, dengan izin. Kami adalah bangsa yang ditindas. Maka, kami berjuang untuk menentang penindasan itu tetapi dunia melihat bahawa Ismail Haniya adalah penganas, melihat Hamas itu penganas. Di situ *misconception* yang ada kepada orang bukan Islam. Jadi saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, kita harus memahami apa itu sebenarnya Islam yang dimaksudkan oleh kerajaan ini.

Tajuk yang kedua. Saya harap mulai hari ini tidak timbul lagi persoalan-persoalan sebegini, sebab persoalan sebegini sebenarnya boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak elok berlaku.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Pendang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sini, sini.

Tuan Yang di-Pertua: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Kalau kita lihat di dalam Al-Quran sendiri Yang Berhormat bagi Ketereh, ayat Allah ada menyebut [*Menyebut sepotong ayat Al-Quran*] dan ada ayat yang menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Maknanya, jelas di sini ada *separation* untuk orang Islam dan *separation* untuk seluruh manusia. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh. Maknanya *separation* yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh ini memang jelaslah. Maknanya Islam itu kalau disebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] untuk orang Islam khususnya. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Memang untuk seluruh manusia, seluruh alam ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Yang Berhormat bagi Pendang nampaknya benar-benar memahami ajaran ini, terima kasih. Itulah sebenarnya yang berlaku. Sebab itu tidak perlu ada konflik antara orang bukan Islam dengan orang Islam, di mana pun dalam soal apa pun. Kecuali dalam soal akidah. Soal akidah ini adalah satu perkara yang harus dipertahankan, tidak perlu ada konflik ini. Saya harap mulai daripada hari ini, dalam Dewan yang mulia ini, jangan timbulkan konflik yang sedemikian. Banyak kali saya berucap tajuk ini, banyak kali saya bercerita tajuk ini. Kalau ada perkara yang tidak faham, sebab itu kerajaan menubuhkan IKIM. IKIM adalah satu Institut Kefahaman Islam untuk orang-orang bukan Islam memahami apa itu Islam. Bukan suruh masuk Islam. Kalau hendak masuk, alhamdulillah. Tidak mahu masuk pun tidak apa.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Pasir Puteh, beri laluan. Beri laluan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak masuk ke tajuk yang lainlah.

Beberapa Ahli: [*Membuat bisung*]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey. Mahu minta izin, ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta izin.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Minta izin dulu.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ketereh saya hendak jelaskan sikit tadi. Jelas dah, tetapi jelaskan sikit. Bagi mereka yang luar daripada akidah keimanan Islam, mereka ada dua perkara, ialah

tidak ada paksaan dalam beragama dan kebebasan mengenai kita menganut mana-mana agama. Ini jelas daripada segi Hadharnya. Maka dengan sebab itu, Islam Hadhari adalah suatu pendekatan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menyeimbangkan antara pembangunan fizikal dan spiritual. Betulkah tidak? Setujukah tidak?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)] ***mempengerusikan Mesyuarat***

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Setuju. Cuma Islam Hadhari ini bukan dibawa oleh sesiapa. Islam Hadhari ini sudah ada. Sudah ada di situ sudah lama. Cuma, *rebranding* sahaja. Islam *is already there*. Daripada awal mula-mula kejadian manusia, daripada Adam sehinggalah kepada hari ini, Islam itulah dianya. Yang baik itu adalah Islamlah. Yang baik daripada dunia itu, memang Islam sebab Islam tidak pernah mengajar orang menjadi jahat. Islam tidak pernah mengajar orang menjadi rasuah. Islam tidak pernah mengajar orang jadi degil. Islam tidak pernah mengajar orang suka bergaduh. Kaedah-kaedah dan adat-adat ini ada dalam perjuangan Islam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Islam tidak mengajar jadi batu api. *[Ketawa]*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sila.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya hendak sentuh, juga menyokong apa yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Bila ada kematian, biasanya orang Islam buat tahlil, memberi penjelasan. Dalam tahlil tersebut ada menyebut *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud, "Tidak ada paksaan di dalam agama". Mengingatkan orang Islam supaya tidak ada kita hendak paksa orang lain yang tidak masuk Islam, pun tidak apalah. Kita tidak paksa. Tetapi hari ini kita tengok, menentang teori-teori ataupun ajaran agama ini, Islam sebagai satu cara hidup bagi orang Islam ini. Saya rasa minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya setuju. Kita ambil contoh. Sebenarnya ada contoh dalam Dewan ini orang yang memahami Islam iaitu

Yang Berhormat bagi Kepong. Dia faham. Dia boleh baca Jawi, dia boleh baca ayat-ayat Arab. Dia faham sebab dia duduk dalam sebuah masyarakat majmuk di Kelantan. Sekarang dia duduk dalam DAP pun. Tetapi ucapannya, perkataannya, isi hatinya, perjuangannya.....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Beluran bangun.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: perjuangannya, sekejap ya. Perjuangannya menunjukkan bahawa dia faham dan mengiktiraf kedudukan ini. Itu sahaja yang kita mahu, tidak lebih dan dia bukan Islam pun. Dia seorang *a good* Kristian, tidak ada masalah. Itu saya kata, sebenarnya orang macam ini patut jadi Ketua Pembangkang sebab sikapnya yang lebih. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ketereh, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sikapnya yang baik. Jawatannya pun besar dalam parti. Jawatannya adalah Timbalan Pengerusi. Ketua Pembangkang sekarang sebenarnya tidak ada jawatan pun, penasihat sahaja. Bila dia jadi Setiausaha Agong....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan api-api, ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak. Ini hendak cerita, a *fact*, fakta. Bila dia jadi Setiausaha Agong, dialah yang hebat. Bila dia jadi Pengerusi, dia yang hebat. Bila dia jadi Penasihat, dia yang hebat. Rupanya bukan jawatan yang hebat, orang yang hebat. Itu yang saya tidak faham, cara sistem kita, sistem berparti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini Ketua Pembangkang, jawatan tidak berkaitan, harus diingat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey terima kasih. Terima kasih kerana mengingatkan saya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ketereh, Ketereh, Beluran, Ketereh.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua macam hendak mempertahankan sahaja.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan. Ya, masih Yang Berhormat bagi Ketereh, saya ingin katakan bahawa ramai juga yang bukan beragama Islam dalam Dewan ini dan pandangan Ketua Pembangkang tidak sepatutnya membayangkan pandangan bukan Islam dalam Dewan. Saya tidak katakan bahawa di kalangan orang Islam bersetuju 100% dengan pandangan Ketua Pembangkang. Kita harus melihat daripada perspektif yang besar dan bukan daripada perspektif politik dan *political mileage*.

Saya yakin Yang Berhormat bagi Ketereh bahawa masyarakat bukan orang Islam juga melihat *universal value* seperti tolak ansur dan sebagainya, yang diterapkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan merupakan nilai-nilai yang membawa negara ini ke arah pembangunan yang lebih besar. Kita melihat itu dan saya yakin sebahagian besar di luar sana bukan Islam juga menyokong hasrat kerajaan menerapkan nilai-nilai yang baik. Ini dalam pembangunan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena kawal masa sikit.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya, terima kasih. Sebab itu dia duduk dalam Barisan Nasional. Otak dia besar. Pemikiran dia luas, jiwanya besar. *Universal value*, terima kasih, terima kasih. [*Tepuk*]. Saya nak pergi kepada tajuk yang seterusnya iaitu teras yang ketiga yang saya nak bincangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi. Inilah masalah besar kita sebenarnya. Peristiwa 13 Mei berlaku, kerana perasaan tidak puas hati di kalangan bangsa-bangsa yang ada di negeri ini tentang pembahagian kekayaan. Maka diapi-apikan pula oleh berbagai-bagai pihak, termasuklah DAP, pembangkang dan juga ada orang daripada kerajaan sendiri yang ultra, yang mengapi-apikan perkara ini, yang akhirnya berlaku perkara yang tidak kita ingini.

Maka, langkah kerajaan untuk menstrukturkan semula pembahagian saksama ekonomi dalam dasar ekonomi baru, itu telah dibuat dengan baik. Tetapi malangnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut, malangnya pada awal tahun 90'an, perkara ini terencat, tergendala kerana masalah liberalisasi. Kemudian berlaku masalah krisis ekonomi. Sehingga menyebabkan dulunya ekuiti yang sudah banyak kepada kaum yang tertindas, yang tertinggal ini telah menurun.

Maka, sekarang ini dibuat perkara yang ketiga, teras yang ketiga ini, menyusun semula masyarakat untuk membezakan, untuk menyamakan, untuk memberi kesaksamaan kepada orang kaya dengan tidak kaya, bumiputera dengan bumiputera,

bumiputera dengan bukan bumiputera, masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar. Ini mesti distrukturkan semula dan ia tidak mungkin berjaya, tidak mungkin berjaya kalau kita semua Ahli-ahli Parlimen, kita semua pegawai-pegawai kanan yang ada dalam Dewan ini tidak melaksanakan program ini. Ketidakpuasan hati inilah sebenarnya, yang telah menyebabkan berlakunya rasa seperti ini.

Saya yakin, orang Cina terasa bahawa mereka tertindas kerana ada perkara-perkara yang selalu saya dengar. Soal SRJK(C), soal Tamil, soal dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga orang Melayu. Orang Melayu juga rasa tertinggal. Perasaan orang-orang Melayu di kampung, dia menoreh getah tetapi sarung getah dibuat oleh orang lain. Dia tanam kelapa sawit, dia punggah kelapa sawit. Tetapi minyak sawit dinikmati orang lain. Kilang sawit dibuat oleh orang lain. Orang Melayu tetap di hulu. Tentang orang lain sudah berada di hiliran. Ini yang perlu disusun semula. Kita telah tengok bagaimana Proton telah berjaya melihat bagaimana orang Melayu, orang bumiputera juga boleh berjaya dengan syarat mereka berada di *level field* yang sama, dengan izin. Orang Cina juga ada rasa tidak puas hati ini. Atas ketidakpuasan hati inilah, maka Rancangan Malaysia Kesembilan dirangka begitu rupa dengan programnya yang baik. Dengan aturannya yang baik, dengan peruntukannya yang baik.

Dengan niat yang baik. Maka tugas kita, tanggungjawab kita ialah untuk memantau perkara ini supaya berlaku. Tetapi saya nak persoalkan, dalam memantau ini, kita ada kuasakah tidak? Adakah kita ada kuasa sebenarnya? Saya nak tanya menteri-menteri, bagikah tidak kuasa itu? Bukan kuasa apa, mahu melihat bahawa ia berjalan dengan baik. Itulah masuk kepada teras yang kelima, soal pelaksanaannya. Soal *delivery system*nya. Saya tahu, JBP Kelantan, ya, saya dedahkan hari ini. Siapa yang jaga JBP sini? Pengerusi, Dato' Menteri Pengajian Tinggi sekarang?

Ada satu peruntukan, RM1.5 juta diluluskan oleh Kementerian Luar Bandar pada tahun 1996, untuk membina pusat KEMAS di tapak Yayasan Kemiskinan Kelantan di mana saya jadi Pengerusinya. Duit itu diberi secara OG., *Out Right Grant, cash*. Tahun 1996, sampai sekarang duit itu tidak dibelanjakan. Sudah 10 tahun, dan hasil daripada *interest* duit itu, bunga duit itu, *interest*, faedah letak itu, RM1.5 juta ini sudah beli sebuah kereta untuk JBP. Malah ada satu set karaoke dibeli untuk JBP.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Astaghfirullahalazim!
[Dewan gamat].

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Apa sudah jadi dengan *delivery system* ini? Apa sudah jadi? Minta maaf Pasir Puteh, saya nak teruskan ini, biar saya ada *floor* sikit. Ini perkara yang harus, dan banyak lagi!

Kalau disemak satu persatu, banyak perkara ini berlaku. Kenapa payah? Duit OG, untuk bina pusat latihan, duit dari KEMAS, tak boleh bina, hantar balik. Sampai sekarang, saya dua, tiga minggu lepas, bercakap dengan JP, *what happened?* Dia kata, dia pun tak tahu, dulu, punya dulu, punya dulu, punya dulu! [Ketawa]. Habis kenapa jadi begini? Saya perhatikan, dan ini berlaku banyak. Banyak berlaku. Maka kita kena perbetulkan perkara ini. Saya minta supaya Jawatankuasa Pemantau ini biarlah ada betul-betul dipantau. Saya berterima kasih kepada kerajaan, kerana telah letak satu Jawatankuasa yang dipengerusikan Perdana Menteri, Timbalannya, Timbalan Perdana Menteri. Kemudian Menteri-menteri duduk dalam. Tapi itu peringkat atas. Di bawah bagaimana? Tak tersentuh, saya bimbang tak tersentuh. Banyak benda-benda yang sedemikian, sehingga kita lihat satu per satu perkara tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ini pasal GLC, sama juga. Kita tubuhkan, kita buat program yang ketiga, teras yang ketiga untuk membaiki kedudukan ekonomi ini, kita tubuh GLC. GLC ini adalah *Government Link Company* untuk membantu kita. Untuk membantu bumiputera dan juga bukan bumiputera. Membantu rakyat Malaysia. Tetapi sebenarnya GLC yang kita tengok hari ini, semuanya gilakan keuntungan. Semuanya! Kecuali FELCRA. FELCRA bukan GLC. FELCRA adalah sebuah badan korporat kerajaan. FELCRA untung RM1.5 bilion juga, RM1.3 bilion juga. Tetapi sebahagian besar bayar kepada cukai, sebahagian besar pergi kepada rakyat. Tetapi, Tenaga Nasional, Telekom, Petronas, Malaysia Airline, dan banyak lagi? Mereka ini sudah tak fikir lain. Fikir kepada keuntungan. Untung ke tak untung, kalau tak untung, mengadu kepada kerajaan, minta duit kerajaan. Tak untung minta kepada kerajaan. Rakyat tak dapat apa-apa daripada mereka.

Saya contoh, Telekom. Saya tak faham kenapa Telekom sampai sekarang kita kena bayar sewa RM26.00, kenapa? Kenapa kena bayar sewa, kenapa? Kenapa kena bayar sewa? Kenapa TNB tak kena bayar sewa meter? Dah bayar yuran, dah bayar harga kos, cukuplah! RM26.00 kena bayar. Guna ke tak guna ke, kena bayar. Padahal, telefon kita boleh beli sendiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Radio, TV dah tak bayar.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Lepas itu, TNB pula. TNB pun sama juga. Kerjanya nak naik, nak naik. Saya faham harganya naik. Tetapi kena ada

pertimbangan sosial, itu maksud saya. Asasnya ialah, GLC ini mesti ada satu pertimbangan sosial. Petronas, *for example*. Petronas ini, kita tahu untung banyak, untung besar. Hebat pegawai-pegawainya, berjalan. Saya tahu, saya dipanggil oleh kerajaan Sudan pergi melawat Khartoum, di sana saya tengok pegawai-pegawai Petronas, hebat. Sampai satu hotel itu, Holiday Villa, penuh dengan pegawai Petronas. Bagus, kita pergi ke sana, tetapi di mana *social obligation* mereka? Kita suruh dia buat gas, untuk saya. Saya sebut dalam perjumpaan tertutup, kita mengatakan bahawa kita mesti bagi alternatif kepada penggunaan minyak bagi gas. Alhamdulillah. Kerajaan sambut, nak bina 200 stesen gas.

Tetapi saya tengok dalam buku ini, tak adapun RM200 juta. 200 gas ini saya diberitahu nak bina Menteri Jabatan Perdana Menteri pada masa itu, sekarang Menteri Pengajian Tinggi, beritahu nak bina stesen gas ini ialah ambil kos dia ialah RM1 juta hingga RM1.5 juta satu. Maknanya, kalau kerajaan nak bina daripada sekarang sehingga 2010, 200 stesen gas, mesti ada RM200 juta. Tapi, dalam ini tak ada! Siapa nak *absorb* RM200 juta ini? Adakah hanya pengumuman? Ini saya nak minta penjelasan. Ataupun hanya Petronas yang bayar? Kalau Petronas yang bayar, Alhamdulillah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta sikit.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Silakan kekanda.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Satu ucapan yang memang jelas. Umpama Petronas, hati perut orang yang memimpin Petronas ini tak ada macam hati perut Ketereh. Kalau dia ada hati perut macam Ketereh, *Utusan Melayu* itu dah dia tanggung. Tak payah terkubur. Ini sebagai contoh yang terbesar lah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Saya nak tengok dasarnya. Kadang-kadang pegawai ini pun, dia ada alasannya. Tetapi saya ingat, kita mesti ada *political courage*. Kita mesti ada, orang panggil *political will*. Mesti ada *political will*. Kalau kita betul-betul nak bantu rakyat, *we must put our feet, down*, dengan izin. Bahawa ini yang kita nak laksanakan. GLC kita lantik, pegawai kita lantik, saya pun tak faham juga, dalam GLC ini tak ada seorang pun ahli politik? Tak ada seorang pun yang mewakili rakyat? Yang mewakili kerajaan? Sebab itu dia orang korporat. Dia tak ada perasaan, perasaan rakyat itu tak ada, perasaan susah itu tak ada.

Okey, saya nak balik kepada satu tajuk lagi. UDA *for example*. Kita tahu penyelewengan dalam UDA berjalan dengan cukup banyak. Ada MBO dulu. Tapi apa

jadi pada MBO itu? Saya diberitahu kononnya, MBO yang dibuat semasa UDA ada dulu, adalah tidak diluluskan oleh sesiapaupun. Cari surat dari Menteri Kewangan pun tak ada. Tapi ia dah berjalan, kawan-kawan tupun dah kaya, berbelas juta dah dapat. Sekarang kerajaan nak buat balik UDA. Dah tinggal tulang dah. *[Disampuk]* Dah tinggal tulang dah sebenarnya UDA ini. Tapi Alhamdulillah, tahniah, nak buat balik. Bagus! Saya ucap tahniah kerana nak buat balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tulang pun dah reput.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketereh. Ketereh sebut tadi, kebanyakan GLC. Bukan kebanyakan, semua GLC ini meletakkan keuntungan di atas tanggungjawab sosial. Tetapi masalahnya hari ini, yang untung dia kejar pun tak dapat. Dahlah tanggungjawab sosial pun dia lupa, untung pun dia tak dapat. Apa nak jadi Ketereh dengan GLC-GLC ini? Cuba Ketereh ulaskan sikit benda itu. Untung pun tak dapat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya nak ulas macam mana, saya tak duduk dalam Lembaga mana-mana GLCpun. *[Ketawa]*. Cuba bubuh saya dalam Telekom ke, dalam TNB ke, dalam Petronas ke. Kita tengok apa berlaku? Kita perhatikan satu-satu. Sebab saya tahu wakil rakyat, dia akan bercakap.

Beberapa Ahli: Cuba minta.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya bukanlah nak minta, saya nak bagi tahu, kadang-kadang yang duduk dalam itu, orang besar-besar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sokong. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan ambil perhatian.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta pun boleh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tajuk yang kelima.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Labuan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Labuan, sahabat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sahabat, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Ketereh tentang tidak ada orang politik dalam GLCs kerajaan hari ini. Saya ingin meminta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat bagi

Ketereh, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa hari ini di dalam Dewan yang mulia ini terdapat ramai ahli-ahli politik yang berstatus profesional dan berkelayakan tinggi dari segi akademiknya. Apakah wajar sekiranya sekarang ini untuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan berjalan dengan lebih efektif dan berkesan ditukar sebahagian besar daripada Lembaga-lembaga Pengarah GLC seperti Telekom, Tenaga Nasional, MAS dan Petronas dengan memasukkan MPs yang tidak berjawatan dalam kerajaan ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya rasa itu cadangan yang cukup baik dan wajar sebab di sini tidak ada satu pun yang tidak *qualified* – ada *lawyer*, ada pelbagai, doktor perubatan, pegawai pertanian, hebat, *degree* yang besar-besar, semua hebat-hebat. Sebenarnya kita dipilih masa bertanding dahulu berdasarkan kredibiliti yang ada pada kita, bukan bersangkutan dengan yang lain. Tetapi kalau dipilih berdasarkan kredibiliti, kredibiliti itu tidak dipergunakan, maka tinggallah ianya menjadi kredibiliti yang tidak ada makna. Rugilah negara sebenarnya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Setujukah Yang Berhormat ini adalah satu penggunaan *human capital* yang disebut oleh Pak Lah yang kita selalu sebutkan orang yang dibuat cerdik pandai banyak-banyak tetapi tidak diguna sebaik mungkin. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Apa lagi, mesti setuju punya, perkara yang baik. Saya hendak sebut pula mengenai *delivery system*, Yang Berhormat, mengukuhkan keupayaan institusi. Saya hendak tanya, institusi pertama yang harus kita kukuhkan ialah institusi Parlimen ini. Di Parlimen ini orang yang pertamanya ialah Speaker, yang keduanya Timbalan Speaker, dengan izin. Betulkah kita kukuhkan kedudukan Timbalan Speaker? Saya tengok tidak.

Saya tengok dalam satu majlis, dijemput oleh kementerian. Tempat menteri ada, tempat timbalan menteri ada, tempat Setiausaha Parlimen ada, tempat Ketua Pembangkang pun ada, tempat Timbalan Speaker tidak ada. Timbalan Speaker bercampur dengan puak kita semua. Apa ertinya duduk di kerusi itu dengan songkoknya yang begitu lawa, masuknya dengan cokmar dan duduk kita hormati, kita mengangguk kalau dia marah, tetapi kedudukan sebenarnya tidak ada. Sudahlah gaji murah, kononnya sama dengan timbalan menteri tetapi dia *bodyguard* pun tidak ada.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tambah 30 minit berucap.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ini institusi yang saya hendak sebutkan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh tambah lagi ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kalau benar kita hendak mengukuhkan institusi, kukuhkan Parlimen ini dahulu.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Cukup, cukup, sudah tambah 30 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hah? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum sampai setengah jam.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Puji pun suruh *stop*? [Ketawa]
Saya harap perjuangan saya ini tidak sia-sia, Yang Berhormat. Saya pohon izin Yang Berhormat. Itu mengenai institusi Parlimen. Begitu juga dengan institusi-institusi yang lain. Bila kita kata mengukuhkan keupayaan institusi ini sebenarnya soal *delivery system*. *Delivery system* inilah yang jadi masalah, yang menjadi cabaran kepada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Maka saya hendak cadangkan satu perkara besar. Mungkin ini kontroversi. Mulai daripada hari ini, Kabinet mesti memikirkan untuk tidak melantik KSU daripada PTD sahaja. Ketua Setiausaha mestilah dipilih daripada *the best civil servant* dalam kementerian tersebut. [Disampuk] [Tepuk] Saya bagi contoh, Kementerian Kesihatan. Kenapa mesti seseorang yang tidak tahu fasal kesihatan jadi KSU. Tidak bolehkah Ketua Pengarah Kesihatan yang sudah sampai senioritinya, yang sudah sampai pengalamannya, yang sudah lama menguruskan soal kesihatan menjadi Ketua Setiausaha Kesihatan. Kenapa mesti seorang daripada pegawai pertanian dahulunya atau pegawai JKR dahulunya atau yang belajar hanya sastera, menguruskan soal kesihatan?

Begitu juga dengan Kementerian Pertanian, contoh! Kenapa mesti orang lain yang dahulunya daripada jaga pelajar datang ke Kementerian Pertanian, sedangkan Ketua Pengarah Pertanian, Ketua Pengarah JPS dan ketua-ketua jabatan yang sudah cukup dia punya aroma, dia punya gagahnya, dia punya senioriti boleh menjadi Ketua Pengarah. Begitu juga Kementerian Pembangunan Tanah, kenapa tidak boleh Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara yang mempunyai pengalaman yang

cukup luas, soal ukuran dan soal hal-hal tanah dan penyelesaiannya menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Tanah. *We must depart from this system.*

Sebenarnya kita jadi masalah ini kerana sistem kita salah. Dan sekali lagi saya katakan mesti ada *political will*, mesti ada keinginan politik untuk berubah dan alhamdulillah ini ada pada Perdana Menteri. But soalnya, adakah dia berseorangan? *Is he alone?* Jangan biarkan Perdana Menteri kita berseorangan. Kita mesti bersama menyokong Perdana Menteri untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan. *[Disampuk]* Saya tidak mahu komenlah yang itu.

Begitu juga satu lagi yang saya hendak sebut balik ini, GLC, saya tertinggal cadangan ini. Saya hendak cadangkan yuran-yuran Maxis, DiGi dan Celcom. Apa fasal kita kena bayar RM60? Apa fasal? Ia untung tiap-tiap tahun berbilion-bilion dengan hanya bayaran SMS, dengan hanya bayaran *line*, kenapa kita kena bayar? Saya hendak cadangkan kepada kerajaan, bayaran untuk semua *telcos* hendaklah dihapuskan dengan segera. Bayar apa yang kita guna sahaja.

Dulu okey sebab dulu sedikit. Dulu orang guna telefon ini sedikit sahaja, jadi kena bayarlah *line*. Sekarang semua orang guna telefon. Semua orang – budak sekolah guna telefon, orang gila pun guna telefon sekarang ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bisu tidak payahlah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Cadangan saya yang akhir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bisu tidak pakailah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bisu pun ada pakai, saya pun tahu. Dia “huh, huh”, saya tahu, saya ada kenal orang bisu. Dia SMS.

Dato’ Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: SMS!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia SMS. Yang Berhormat tidak tahu. *[Ketawa]* Cadangan saya yang ketiga ialah mengenai *road tax*. Dulu kita beli kereta diesel kerana *road tax* dia mahal, harga diesel itu murah. Ia *compensate*lah, dengan izin. Tetapi sekarang harga diesel sudah sama dengan petrol dahulu tetapi *road tax* masih sistem dulu. Kenapa terlupa perkara ini? Menteri-menteri jangan lupa perkara macam ini sebab perkara ini ada kesannya kepada rakyat.

Dato’ Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri banyak yang lupa.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sebenarnya menteri tidak lupa, pegawai kena mengingat. Jadi kerja kita mesti mengingatkan kepada menteri. Jadi saya hendak minta kerajaan hari ini mestilah prihatin kepada rakyat. Setiap isu yang kecil, isu yang kecil ini akan menjadi parah. Misalnya, baru-baru ini apabila harga

minyak naik, sahabat-sahabat saya ini pergi berceramah daripada Kubang Kerian pergi berceramah di Kelantan, marah kepada kerajaan ini fasal naik itu. Saya pun kena menjawab. Tetapi bila kereta sudah turun, dia tidak pergi ceramah pula. *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu kenapa. Bila harga getah naik, dia tidak pergi ceramah. Yang hebat dari Amerika pun datang ini. Nasib baik Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tidak pergi. Tetapi memang sebenarnya dia prihatin, tegur.

Datin Seri Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: *[Bangun]*
[Tepuk]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Silakan.

Datin Seri Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya hendak tanya, katanya memang harga kereta turun tetapi apakah Yang Berhormat sedar bahawa tidak banyak kereta yang terjual kerana alasannya hendak beli berapa kereta. Kereta lama pun, minyak pun naik. Jadi apa maknanya kalau kerajaan turunkan harga kereta tetapi harga minyak tinggi?

Seorang Ahli: Lagi banyak jam.

Datin Seri Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Lagi banyak jamlah. Jadi tidak ada faedah yang lebih menguntungkan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Inilah sejarah Parlimen yang pertama, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bangun bila kita cucuk. *[Ketawa]* Saya rasa terhormat. Yalah, harga minyak kena naik sebab minyak ini kita beli dan kita naik pun berpadanan. Kena tengok dari sudut umum, jangan tengok dari satu sudut. Kalau kita tengok dari satu sudut, Yang Berhormat bagi Ketereh kalau tengok dari belakang, punggung dia tonggek. Tetapi kalau tengok dari depan, *handsome* bukan main. *[Disampuk]* Itu maksud saya. Kita kena tengok manusia itu sebagai seluruh manusia. Kita kena tengok gajah sebagai seekor gajah. Jangan kita pegang kakinya, maka kita kata, inilah gajah macam tiang. Kita pegang belalainya, inilah gajah macam ular. Tidak betul. Gajah adalah seekor gajah yang ada belalai, yang ada gading, yang ada kaki, yang ada ekor.

Begitu juga dengan keadaan negara ini, kita mesti tengok keseluruhannya. Ada harga getah naik, harga kelapa sawit naik. Maka minyak yang dibeli naik juga sedikit. Tetapi duit itu untuk apa? Untuk rakyat juga. Jadi saya pun bersetuju bahawasanya kerajaan mesti *transparent* dalam menggunakan duit subsidi tadi. Jangan hanya sebut untuk *transport, transport* untuk siapa? Orang tengok untuk LRT. LRT itu untuk siapa? Kuala Lumpur. Untuk ERL. ERL untuk siapa? Kuala Lumpur. Untuk STAR. STAR

untuk siapa? Kuala Lumpur. Rakyat di kampung macam mana? Rakyat di kampung terasa bahawa duit itu ambil daripada dia, Kemudian adakah kita pulangkan kepada mereka? Itu persoalannya.

Kita mesti pulangkan kembali wang yang kita ambil daripada rakyat termiskin untuk rakyat termiskin. Dan saya yakin dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan yang besar itu, ada perkara yang sedemikian. Tetapi soalnya ialah pelaksanaan. Soalnya ialah ke arah mana hendak bawa? Jadi kita sudah setuju kita ada 15 tahun sahaja untuk jadi sebuah negara yang makmur. 15 tahun adalah satu tempoh yang amat pendek. Amat pendek 15 tahun . 5 tahun, 5 tahun, 5 tahun. Kemudian kita terpaksa berdiri menjadi sebuah negara maju, kononnya inilah kita hendak bertanding dengan negara luar.

Saya ucap terima kasih atas keprihatinan Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya berucap lebih daripada masa, saya sekali lagi memohon kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada pada hari ini. Cukuplah kita bergaduh, cukuplah kita berperang sama sendiri, terutama PAS di Kelantan. Apa lagi hendak bergaduh dengan UMNO ini, hendak buat apa, 22, 23. Marilah kita sama-sama. Saya hulur tangan dalam Dewan yang mulia ini untuk kita bersama-sama membangunkan rakyat Kelantan. Negeri Kelantan mendapat RM7.9 bilion, 300% lebih daripada Rancangan Malaysia Kelapan. *[Tepuk]*

Apa lagi yang kita mahu? Dahulu kata Kelantan ditindas, dahulu Kelantan diketepikan, tidak. Apa perlu kita ada perbezaan politik sehingga menyebabkan rakyat merana? Apa perlu kita berada dalam perbezaan kononnya perbezaan soal mazhab, soal benda-benda kecil, benda-benda furuk sehingga rakyatnya merana. Kenapa jadi begitu? Maka saya hendak minta kepada Ketua Pemuda PAS yang ada di sini mewakili Kubang Kerian jiran sebelah saya, balik bagi tahu pucuk pimpinan PAS cukuplah kita bergaduh *done is done, over is over, enough is enough*. Mari kita bersama membantu rakyat Melayu, India, Cina untuk menjadi rakyat yang mulia di sebuah negara yang makmur. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi yang hujung sekali, Yang Berhormat bagi Alor Star, sila.

11.41 pagi

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selepas kita dengar ucapan yang begitu bernas dari Yang Berhormat bagi Ketereh, saya pun juga hendak ambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac 2006 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum, cadangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini merupakan satu rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan di negara kita dalam tempoh masa lima tahun mulai tahun ini. Rancangan Malaysia Kesembilan yang juga merupakan satu tujuan untuk merealisasikan misi nasional di mana ianya dengan kegunaan sebanyak RM200 bilion bagi mencapai misi ini.

Saya amat percaya jika kita ingin melihat bahawasanya segala rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan tercapai dengan sepenuhnya. Semua yang terlibat iaitu dari pucuk pimpinan negara hingga wakil-wakil rakyat dan juga pegawai-pegawai kerajaan, baik di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri harus memainkan peranan dan peranan ini adalah peranan masing-masing yang harus dimainkan oleh mereka ini semua. Peranan ini termasuklah merancang, melaksana dan akhirnya mengimplementasikan apa yang telah pun diputuskan. Rakyat jelata juga harus memberi sokongan yang padu dan berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh membantu membangun negara bersama dengan kerajaan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan. Beliau sentiasa memperingati bahawa sistem penghantaran ataupun *public delivery system* harus dipertingkatkan supaya menjadi lebih efisien, cekap dan amanah. Beliau juga menekankan gejala rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan harus dibanteras dengan seberapa segera. Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua masalah ini telah banyak diperkatakan. Sejak pucuk pimpinan baru yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih mentadbir negara ini. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan bagaimanakah kerajaan dapat mengetahui sama ada sistem penghantaran awam ataupun *public delivery system* ini telah pun berubah dan bertambah baik. Apakah kayu ukur ataupun indikator yang digunakan bagi maksud sebenarnya menunjuk bahawa pada keseluruhannya keadaan ini telah pun berubah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star. Saya sudah dua kali dengar *public delivery system* ini dengan izin. Kita perlu khusus kerana kalau hari ini kita lihat mungkin terdapat kepincangan di dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan, menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan. Dari segi istilahnya Tuan Yang di-Pertua, sistem penghantaran awam, penghantaran mungkin dalam Bahasa Inggeris tadi maksudnya *delivery*. Tetapi yang mana satu lebih tepat sama ada ia penyampaian, penyediaan ataupun penghantaran kerana kekeliruan ini akan menyebabkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian kita kepada akar umbi. Jadi yang mana satu? Sama ada, ada yang kata penghantaran, ada yang kata penyampaian, ada yang kata penyediaan dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat bagi Alor Star boleh komen tentang perkara ini, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya ini adalah istilah dari segi bahasa sama ada penyampiankah, penghantarankah pada pendapat saya ini semua sama. Maksudnya semua sama. Yang penting sekali itu adalah tugas-tugasan yang diletak atas bahu pegawai-pegawai kerajaan di negara kita pada hari ini dan kita ingin melihat supaya sistem ini dapat dipertingkatkan lagi supaya kalau kita hendak cari semua rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini tercapai, kalau *public delivery system* ini tidak dalam satu keadaan yang baik dan sempurna, memang ini akan banyak menjejaskan Rancangan Malaysia Kesembilan, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gejala rasuah pula, saya ingin bertanya, sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini berjanji untuk membanteras gejala yang tidak sihat ini, apakah usaha-usaha dan pendekatan yang diambil oleh pihak Jabatan Perdana Menteri?

Selain daripada kempen-kempen kesedaran sekali-skala yang dianjurkan oleh pihak tertentu tidakkah suatu cara maklum balas atau *feed back* dengan izin di adakan seperti pegawai khas turun ke padang untuk menyiasat ataupun memantau keadaan. Saya ingin memberitahu bahawa menurut aduan-aduan yang diterima oleh saya, kedua-dua masalah yang sentiasa kita sebut-sebut ini memang lagi berlaku dengan secara berleluasa. Saya khawatir jika pemimpin hanya bercakap sahaja tanpa usaha yang

konkrit, hanya kempen-kempen dijalankan kedua-dua masalah ini sampai bila-bila tidak dapat diatasi seperti gejala penagihan dadah. Sudah berpuluh-puluh tahun kempen demi kempen dijalankan. Kempen seperti 'Menjauhi Dadah' dilancarkan dan beratusan juta telah pun dibelanjakan oleh pihak kerajaan. Hingga hari ini kita amat kesal sekali melihat peratusan penagih dadah masih meningkat lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Yang Berhormat bagi Larut pula.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star. Tentang sistem penyampaian yang kita lihat amat penting dan perlu ditangani supaya Rancangan Malaysia Kesembilan termasuklah masalah pembekalan dadah dan apa yang kita lihat pada hari ini adanya agensi-agensi yang berlaku pertindihan. Ia akan kadang-kadang keberkesanan pelaksanaan projek ini terbengkalai ataupun menimbulkan masalah.

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya dilihat tentang peranan agensi-agensi yang bertindih ini supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Apakah perlu agensi ini disatukan semula supaya tidak berlaku banyak sangat pertindihan agensi yang akhirnya pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan terutama sekali Yang Berhormat yang pernah duduk dalam Kementerian Dalam Negeri.

Apakah Yang Berhormat lihat bahawa dengan cara membanteras penyalahgunaan dadah ini disasarkan ataupun cara mencegahnya itu lebih baik dalam erti kata kita memerangi masalah penyalahgunaan dadah ini terutama di kawasan luar bandar sebab kita tahu, kalau kita hendak letak sasaran hanya daripada penguatkuasaan mungkin ini akan menimbulkan masalah dengan tenaga-tenaga yang ada pada masa ini. minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat bagi larut. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kalau kita hendak tengok supaya masalah penagihan dadah ini kian menurun di negara kita memang selain daripada penguatkuasaan, kita juga harus mempunyai *solution* yang lain iaitu macam mana kita hendak mencari jalan supaya penagih dadah ini tidak menjadi penagih lagi. Walaupun kita mempunyai begitu banyak pusat serenti di negara kita, pada khidmat saya, saya percaya ini semua tidak berkesan. Yang cukup berkesan ini kita kena mengikut apa yang telah pun berlaku di Amerika syarikat dan di negara Thailand di mana satu jenis

ubat diberikan kepada penagih dan ubat ini selepas diambil oleh penagih dia tidak mahu menagih dadah lagi.

Tetapi penagih itu akan menjadi penagih ubat ini. tetapi ubat ini lebih baik bagi penagih dadah. Ubat ini saya difahamkan ialah methadone dan sudah lama methadone ini telah pun diberikan kepada kementerian. Sampai hari ini saya tidak dengar pun apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengguna ataupun cuba menggunakan methadone untuk penagih-penagih dadah yang ada di pusat serenti kita.

Ini adalah cadangan yang baik selain daripada ini juga segala agensi-agensi yang terlibat dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putrajaya.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: dalam penguatkuasaan harus di kaji semula. Macam mana peranan mereka. Jangan kita ada pertindihan seperti dikatakan oleh Larut.

Menteri Pelancongan [Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Alor Star. Saya hendak balik sedikit berkaitan dengan rasuah tadi. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju untuk mencadangkan bahawa salah satu langkah proaktif yang patut kita ambil sekarang ini ialah untuk pencegahan dan sama ada Badan Pencegah Rasuah kita ada unit yang dikatakan "*secret service*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya "*secret service*" di mana badan-badan ataupun anggota Badan Pencegah Rasuah ini menyamar.

Mungkin mereka boleh menyamar sebagai ahli korporat untuk mendekati sama ada badan kerajaan ataupun badan-badan korporat. Menyamar diri sebagai ahli korporat supaya mereka dapat mengesan, apakah sebenarnya tindakan yang dijalankan di peringkat-peringkat sama ada badan kerajaan ataupun korporat-korporat ini supaya mereka dapat menangkap di punca itu berlakunya rasuah dan mereka boleh menangkap. Dengan adanya "*secret service*" ini diharapkan kita akan dapat mengurangkan gejala rasuah ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat ini adalah cadangan yang baik juga sebab apa, setiap masalah jika kita ingin mengatasi mesti mempunyai dua. Satu peringkat ialah pencegahan. Yang kedua kalau kita tidak dapat cegah kita kena menjalankan penguatkuasaan dan cadangan Yang Berhormat iaitu kalau boleh anggota-anggota BPR turun padang, menyamar dan jika boleh bagi balik maklum balas dan jika berlakunya gejala sosial ini kita boleh ambil tindakan. Ini

memang betul tetapi setakat hari ini BPR tidak tahulah kuasa mereka ini setakat mana. Kita lihat macam BPR tidak begitu aktif. Sekali sekala kita dengarlah ada berita, buletin keluar apa aktiviti dia. Itu sahajalah dan bila kita sentiasa soal sama ada dalam kementerian ataupun di Parlimen, pihak kerajaan akan bagi angka berapa orang pegawai pada tahun lepas telah dituduh di mahkamah. Itu sahajalah tetapi pada keseluruhannya kita tidak tahu sama ada.....

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:masalah rasuah di negara kita sudah bertambah baik atau tidak tetapi mengikut pengetahuan saya memang tidak baik. Sama juga kalau tidak teruk lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Saya amat bersetujulah dengan Yang Berhormat Alor Star yang ambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk menengahkan isu rasuah, kerana saya percaya isu rasuah adalah satu barah yang melanda negara kita yang belum dapat kita atasi. Dan ini juga merupakan satu penyakit yang zaman-berzaman, beribu tahun beratus tahun tetapi oleh sebab ini penyakit kita perlu basmikan. Apa yang menjadi masalah Yang Berhormat Alor Star ialah rasuah ini di dalam setengah golongan masyarakat sama ada yang memberi atau menerima sudah menjadi satu *habit*, sudah menjadi satu budaya yang sudah berakar umbi, yang jika mereka hidup tanpa rasuah, mereka jadi susah. Tidak dapat projek dan sebagainya.

Jadi yang menjadi masalah ialah bagi yang sudah menjadi *habit*, bila tidak ada rasuah kerja tidak berjalan. Pada saya Yang Berhormat undang-undang tetap ada, itu dan sebagainya tetapi yang lebih penting ialah bagaimana kita hendak mewujudkan satu budaya baru yang anti rasuah. Saya lebih percaya perkara ini dididik daripada tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, sampai ke universiti. Kalau yang sudah menjadi *habit* itu tunggu dia kena tangkap baru dia berhenti. Kalau tidak dia akan terus. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benarlah sebab penyakit gejala rasuah ini telah pun begitu lama wujud di negara ini dan sampai hari ini kita nampak macam dia telah pun menjadi satu budaya, dan memang juga kita sedari bahawa kalau kita hendak membanteras ataupun kita hendak membasmikan masalah ini dalam satu dua tahun mungkin tidak jadi. Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri telah pun cuba dengan sedaya upaya selepas dia mengambil alih kepimpinan negara ini, tetapi nampaknya dia sendiri yang sentiasa bercakap tentang rasuah. Yang lain itu ikut dia tetapi tidak ada tindakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat sendiri bercakap.....

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Ya?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: bercakap.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: lalah memanglah. Selepas itu saya juga harap kita semua supaya mulai dari sekarang kalau kita betul-betul hendak melihat supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjaya, segala projek-projek tercapai, pelaksanaan tidak ada masalah. Ini masalah penyakit rasuah ini harus dibasmikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada ucapan saya, saya amatlah berharap dengan Rancangan Malaysia Kesembilan.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:lebih banyak usaha diambil untuk.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sebelum pergi tajuk lain sedikit Pasir Puteh.... pasal rasuah tadi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Alor Star, saya hendak *share* pendapat sedikit dalam soal ini rasuah tadi, sebab saya tidak pernah bercakap bab rasuah walaupun saya tahu rasuah itu adalah *very dangerous* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *Why not* kita cuba *open* sedikit dia punya *service* sebab saya tengok di BPR itu sendiri, kalau kita kata yang mengambil nyawa ini ialah ada malaikat, dia habis ambil nyawa kita dia ambil nyawanya sendiri. Kalau hendak tanya kalau pegawai BPR berlaku rasuah siapa hendak ambil?

Jadi sebab itu saya hendak *open* sedikit dia punya *service* itu supaya ada orang-orang yang status macam kita katakan *religious officer*, tambahkan di situ. Letak Timbalan Ketua Pengarah, apa salahnya? Sebab agama ini kalau 10, satu yang jahat, sembilan baik. Yang lain pun tidak begitu jangan kata 10, sembilan jahat tetapi kita kena ada supaya kita daripada hati itu, *heart - very important*. Bagi saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hati itu mesti baik. Orang bukan Islam hati dia baik dia tidak akan buat rasuah, bukan kata Islam sahaja. Sebab itu bagi saya *God, only one* semua kata *God only one*, kita *God Allah, only one*. Orang Kristian *God only one*, tetapi *God* itu

sendiri kalau dia takut kepada *God* dia hendak ambil duit, (Membaca sepotong ayat Al-Quran), “Saya takut kepada Allah, saya takut kepada Tuhan,” dia tidak akan ambil.

Orang bagi perempuan rasuah yang comel misalnya, (Membaca sepotong ayat Al-Quran), “Saya takut kepada Allah, saya takut kepada Tuhan,” dia tidak akan buat. Bukan hendak ceramah ini minta maaf Yang Berhormat. Maka dengan sebab itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat nampaknya macam ceramah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:setuju tidak Yang Berhormat Alor Star kalau boleh kita kena cari duduk tempat-tempat penting ini, BPR itu campur dengan orang-orang yang kuat iman. Orang yang takut kepada Allah takut kepada *God*, walaupun dia tidak Islam baru dia boleh tahan rasuah. Kalau kita duduk ubat rasuah dia tidak akan habis sampai kiamat, setuju tidak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tambah sedikit boleh? Saya tidak nampak bahawa orang-orang agama akan menjamin bahawa tidak berlakunya rasuah. Ada yang memberi, ada yang menerima. Mungkin Yang Berhormat setuju pegawai penguat kuasa BPR ini kalau bolehlah kita lihat mereka pun kakitangan awam. Mungkin dari segi skill, pangkat mereka ini kita samakan dengan perkhidmatan awam yang lain. Janganlah mereka ini terlalu rendah sangat kedudukan mereka mungkin ini akan menjejaskan tanggungjawab mereka, *service* mereka.

Jadi apakah Yang Berhormat setuju bekas orang dalam kementerian ini yang banyak terlibat dalam bidang penguat kuasa ini supaya kita mencadangkan kepada kerajaan melihat pegawai dan kakitangan BPR ini, satu kedudukan yang istimewa. Itu jadi masalahnya, bila mereka yang ada di dalam tempat seperti ini kedudukan itu agak rendah jika dibandingkan dengan kakitangan awam yang lain. Jadi apakah Yang Berhormat setuju supaya kedudukan pangkat mereka ini, BPR ini sebagai satu agensi yang penting dalam perkhidmatan awam dan dengan ini akan boleh memberi satu motivasi, dorongan kepada mereka untuk menjalankan tanggungjawab yang lebih mencabar. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tambah sedikit boleh?

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Oh! Tambah, tidak habis-habis ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sedikit-sedikit sahaja Yang Berhormat Alor Star. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan rasuah ini saya setuju dengan Larut tadi. Kita perlu ada satu definisi yang jelas kerana hari ini

sesetengah pihak beranggapan komisen umpamanya. Ia bukan elemen rasuah tetapi yang pastinya bila ada rasuah mesti ada penganiayaan kepada satu-satu pihak.

Yang Berhormat Alor Star, rasuah ini sebenarnya di kalangan pegawai-pegawai di peringkat pelaksana dia sudah lali. Kalau orang Islam sudah macam beri salam dah, dah macam Assalamualaikum. Rasuah sudah jadi budaya sudah jadi cara hidup.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Alor Star kalau boleh cadangkan kepada pihak kementerian supaya apabila berlaku aktiviti rasuah ini, bukan sahaja penerima dihukum, tetapi pemberi juga dan ganjarannya adalah berupa contohnya kalau rasuah itu RM10, RM3 diberikan kepada penerima yang melapor, orang ini merasuah saya untuk tugas-tugas ini dan sebagainya. Apa kata Yang Berhormat hukuman dikenakan kepada pemberi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat. Selepas saya dengar cadangan daripada tiga orang wakil rakyat, Yang Berhormat saya memang setuju kalau kita betul-betul hendak tangkap, hendak dakwa orang yang bagi pun kena, orang yang terima pun kena. Ini adalah satu cadangan yang baik tetapi kalau kita kata kita mempunyai BPR, siapa yang akan memantau gerak-geri BPR pula? Jika kita hendak bincang secara mendalam tadi, *there is no end to it* lah, kan?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiu bangun.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tidak habis lagi ini, aku jawab tidak habis lagi ini. [Ketawa]

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, Yang Berhormat Alor Star. Pasal rasuah ini nampak kita melihat kepada sektor kerajaan. Saya melihat rasuah di kalangan *private sector*, sektor swasta. Contohnya syarikat guaman, banyak berurusan kerja-kerja gadaian, pindah milik dan sebagainya dengan pihak bank, memberi kerja. Kemudian, satu-satu kerja diserahkan kepada syarikat guaman dia sudah pastikan supaya diberi diskaun 50% sedangkan peguam-peguam ini sudah ada peraturannya, *solicitors remuneration orders*, terikat.

Kalau tidak beri kita tidak dapat kerja, kalau beri kita terikat dengan undang-undang. Ini menjadi satu isu dan kadang-kadang ada peguam yang sanggup memberi. Ini tersepit. Kalau kita hendak sama-sama melihat *private sector* menyumbang kepada kerajaan kadang-kadang kita tengok *private sector* tersepit dengan masalah-masalah

salah laku undang-undang. Bagaimana Yang Berhormat Alor Star hendak mengatasi masalah yang seperti ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Dato' Chor CHee Heung [Alor Star]: Baik, terima kasih. Banyak sudah ini, *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ada berapa minit lagi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit diperlukan Yang Berhormat?

Dato' Chor CHee Heung [Alor Star]: Saya tidak tahulah kalau ramai Yang Berhormat minat juga dalam ucapan saya itu I hendak buat macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin sebab Yang Berhormat sudah lama tidak berucaplah. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Setiu tadi. Di *private sector* pun sudah membudayakan korupsi ini, bahkan benar kata Yang Berhormat saya sebagai pengamal undang-undang, kalau hendak dapat kerja daripada pihak bank, you mesti bersedia beli perempuan untuk *bankers*,

Dato' Chor CHee Heung [Alor Star]: Beli perempuan? *[Dewan gamat]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: You bersedia mesti beli arak untuk *bankers*, you mesti bawa dia pergi *all the woman, wine and song*, dengan izin, itu semua kena bagi. Kalau tidak bagi tidak boleh. Jadi itulah saya *give up* menjadi seorang peguam, 20 tahun dahulu saya sudah *give up* sebab saya *disillusion* dengan keadaan-keadaan rasuah dalam bidang profesional ini. Kalau tidak bagi tidak dapat.

Kalau tidak dia kata, bagi satu kes ada satu kes Yang Berhormat, betul-betul berlaku ini Yang Berhormat. Dia kata I hantar you satu kes ini selepas ini kita pergi ke *Holiday Inn* kata, you mesti sedia satu botol *Chives Regales*. *[Disampuk]* *Chives Regales* satu botol RM300 lebih, yang dia punya *legal fee* RM500, mana lagi peguam itu hendak dapat? Jadi, akhirnya kalau mahu kena terima dan menyeluruh, Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana industri, di mana-mana usahawan kita, perniagaan kita mesti ada elemen-elemen rasuah ini kalau hendak buat apa sahaja. Jadi, macam mana kita hendak mengatasi budaya yang telah disemai dalam masyarakat kita ini.

Dato' Chor CHee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat, sebelum saya menjawab kedua-dua soalan dari Yang Berhormat Setiu dan Santubong, biar saya balik kepada soalan pokok tadi. *There's no end to it*, kalau kita kata BPR pun kita tidak

boleh percaya kita tubuhkan satu jawatankuasa lagi, lantik pegawai lebih tinggi lagi, siapa yang hendak memantau pula gerak-geri pegawai yang tertinggi yang dilantik. So *there is no end to it* tetapi pada pendapat saya, kita harus mengkaji sistem yang telah pun diguna pakai di Hong Kong. Kalau kita mengimbas balik sejarah Hong Kong ini, masa British selepas British.

Semasa jajahan British ini, budaya rasuah ini cukup teruk di Hong Kong tetapi bila satu komisen Suruhanjaya yang telah ditubuh dan dinamakan ICAC iaitu *Anti Corruption Agency*, orang yang diambil, pegawai kerajaan yang diambil betul-betul mempunyai rekod yang bersih, yang mempunyai pandangan berkecuali. Mereka ini betul-betul menjalankan tugas hingga hari ini kita dapat melihat. Sekarang gejala rasuah di Hong Kong ini tidak menjadi satu masalah besar. Mungkin ada peratusan lagi, peratusan kecillah.

So, saya percaya Malaysia ini kita harus juga mengkaji dari sistem-sistem yang diamalkan di negara lain, Hong Kong kah, di Sweeden, Denmark kah, di mana di dunia ini mereka ini cukup terkemuka. Bila sebut rasuah memang *almost zero*. Ini adalah pandangan saya. Siapa kata orang alim tidak buat masalah-masalah. Memang orang alim pun ada orang agama pun buat silap bukan sahaja siapa-siapalah, tidak kata siapa-siapalah, kaum apa pun ada juga sebab hati seseorang kita tidak dapat melihat, tidak tahu macam mana mereka fikir, di luar dia pakai satu seragam yang agak bersih dalam hati lain pula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Baiklah berbalik kepada soalan mengenai *lawyer*, saya pun pengamal undang-undang juga. Pertama sekali saya tidak setuju dengan Setiu iaitu *lawyer* bagi diskaun itu dikira rasuah juga. Bukan, ini tidak dianggap sebagai rasuah dan misalan yang diberikan oleh Santubong kemungkinan boleh menjadi masalah rasuah tetapi di kalangan *private sector* ini tidak ada orang hendak mempertikaikan begitu. Kalau di pihak kerajaan kita buat betul, rasuah tidak ada lagi dengan secara automatik gejala ini akan hilang di *private sector* dan saya percaya sebagai anggota kerajaan sama ada pegawai tinggi atau rendah, sebagai Ahli Parlimen kalau kita bertindak secara betul maka kita akan dengan sedikit sebanyak menyumbang kepada penurunan pembasmian rasuah ini.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah berharap dengan cadangan Rancangan Malaysia Kesembilan, lebih banyak usaha diambil untuk membaik pulih keadaan sistem penghantaran awam dan membanteras gejala rasuah di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada beberapa sektor di mana Rancangan Malaysia Kesembilan akan mengagihkan peruntukan dengan secukupnya supaya projek-projek akan dilaksanakan terutama sekali di bawah Kementerian Kesihatan. Sejumlah RM1.3 bilion akan diperuntukkan bagi penubuhan institusi dan hospital baru.

Saya berpendapat bahawa sejajar dengan keperluan negara pada masa kini dan masa hadapan, penubuhan institusi seperti *National Cancer Institute* dan hospital baru adalah cadangan yang baik dan harus diberi sokongan memandangkan ianya amat diperlukan tetapi harus juga kita ingat bahawa pembangunan dan pembinaan mestilah dilaksanakan mengikut jadual. Satu misal yang cukup tepat ialah di Kedah. Di negeri Kedah, Hospital Besar Alor Star dan Sungai Petani, oleh sebab ketidakmencukupi pemantauan dan kelemahan dari pihak kontraktor telah pun menyebabkan kelewatan selama dua tahun. Kini, Hospital Besar Alor Star masih belum beroperasi.

Kontraktor harus melantik kontraktor bumiputera, kalau hendak cari bumiputera pun ada ramai bumiputera yang mempunyai pengalaman dan prestasi yang cukup baik untuk mengendalikan kontrak-kontrak ini. Selepas hospital baru dibina, kakitangan dan doktor-doktor juga hingga jururawat dan kakitangan harus mencukupi sebab kekurangan doktor dan kakitangan lain akan menimbulkan lebih banyak masalah lagi. Di Kedah misalnya kita mempunyai hanya seorang pakar forensik patologi dan hanya seorang pakar kecemasan untuk berkhidmat di seluruh Negeri Kedah Darul Aman. Keperluan pakar-pakar dalam bidang kardiologi, hematology dan pediatrik masih amatlah kurang dibandingkan keperluan semasa.

Saya memang menyambut baik keputusan kerajaan baru-baru ini di mana peluang akan diberikan kepada doktor yang berkhidmat dengan kerajaan bekerja sebagai *locum*. Melalui cara inilah kita dapat mengelak mereka keluar untuk bekerja dengan swasta. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Bandar dan Desa juga akan diberikan sejumlah RM900 juta bagi maksud pembinaan jalan-jalan kampung.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat, minta maaf saya mencelah dua kali. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hospital ini. Bukan sahaja kita melihat di Alor Setar, setuju tak? Kita melihat semua seluruh negara sebab mati ini bukan di Alor Star saja, Pasir Puteh pun mati. Saya tengok seorang jaga kecemasan, saya cuba test satu malam. Saya minta turun test seorang yang strok, tak tahu mati ke tak mati, dia kata ada seorang. Tapi oleh kerana Yang Berhormat panggil, dia terpaksa pergi.

Jadi kita kena ada dua orang. Maka kita tengok keseluruhan dalam negara, kerana mati hidup ini Tuan Yang di-Pertua ada dua saja, satu ajal "mualaq", satu ajal "mubbram"..... Ajal "mualaq" ini antara hidup mati, kalau ada doktor dia boleh hidup. Tapi had "mubbram"..... ini mati, matilah. Tapi had boleh hidup, mati ini kalau doktor ada tolong bantu dia, dia boleh hidup, strok pun dia boleh hidup. Tapi kalau tak ada doktor, terserah kepada Allah maka matilah dia. Maka dengan sebab itu saya suruh tengok seluruh mesin-mesin hemodialisis ni kena sedia secukupnya. Kalau tu pun dalam "mualaq", kalau tak sedia mesin hemodialisis, tak cuci darah, tak bersih darah tiga kali seminggu, dia boleh mati, dia boleh hidup dalam 10 hari saja. Sebab itulah saya cadangkan supaya hospital ini adalah bagi saya satu benda yang besar yang dikatakan Daruriyyat dalam agamanya ialah kepentingan yang sangat-sangat mustahak untuk menjadualkan hidup mati kita. Maka saya tengok seluruh, setuju tak?

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Memang saya setuju kalau sesebuah hospital yang tidak mempunyai kakitangan mencukupi, doktor tak cukup, jururawat tak cukup, memang akan menjadi masalah jika pesakit-pesakit mereka ni masuk sama ada nak pergi ke bahagian kecemasan ataupun nak masuk wad, ini memang sentiasa menimbulkan masalah. Dan sebagai jururawat dan doktor yang bertugas di sesebuah hospital yang tidak mencukupi kakitangan, mereka akan merasa cukup terdesak sebab pesakit begitu ramai masuk dan mereka ini hanya dua tangan, nak bantu macam mana kan? Ini adalah satu dan saya harap kerajaan akan mengambil perhatian terhadap ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Desa juga akan diberikan jumlah sebanyak RM900 juta bagi maksud pembinaan jalan-jalan kampung. Walaupun demikian, saya kurang pasti sama ada jumlah peruntukan ini mencukupi untuk lima tahun, memandangkan begitu banyak jalan-jalan kampung masih belum diturap sebagai tar ataupun menaikkan taraf. Di negeri Kedah, satu contoh

lagi, masalah ini sentiasa menjadi isu di setiap dialog ataupun perjumpaan hingga wakil-wakil rakyat tidak berani berhadapan dengan rakyat di kampung lagi.

Misalnya, nama kawasan saya ialah Alor Star. Tapi lebih daripada 1/3 bahagian kawasan saya masih status kampung. Terletak di bawah DUN Alor Mengkudu. Rakyat kampung hanya mencari rezeki dengan menanam padi sahaja dan DUN Alor Mengkudu masih mempunyai banyak lagi jalan-jalan kampung ataupun jalan ban yang masih belum diturap. Sila kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua, pada musim hujan macam mana anak-anak kampung ini nak pergi balik sekolah? Ini satu masalah yang berlaku di kawasan saya dan saya pun sentiasa dengar Yang Berhormat dari Jerai, beliau pun juga sentiasa menghuraikan, membangkitkan masalah ini. Ini sudah menjadi satu masalah besar sebab apa peruntukan-peruntukan kecil dari Ahli Parlimen ini tidak cukup. Hanya kita boleh bekalkan batu-batu, batu-batu ini dekat depa sajalah. Tapi nak buat macam mana? Kalau kita tidak dapat mengatasi masalah ini pun, kita tak boleh buat apa.

Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang begitu bermurah hati, memberi peruntukan sebanyak RM500 ribu pada tahun yang lepas dan juga mungkin tahun ini untuk menurap sedikit sebanyak jalan-jalan kampung di DUN Alor Mengkudu di bawah kawasan Parlimen Alor Star.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Gulung dah? Baik, terima kasih, 10 minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada ini, dalam isu pembinaan jalan kampung harus juga ada kesepakatan di antara kepimpinan di peringkat kampung khususnya JKKK dan pihak pelaksana seperti Pejabat Daerah dan Pejabat Kemajuan Negeri agar kerja pembinaan menepati kehendak semasa dan masyarakat ramai.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan terhadap penggunaan bahasa Inggeris, sains, matematik di peringkat sekolah rendah dan menengah harus dipertingkatkan lagi. Untuk mencapai tujuan ini, kemampuan dan kepakaran guru-guru yang terlatih amatlah mustahak. Jika tidak semua usaha ini akan menjadi sia-sia sahaja. Pendidikan yang berkualiti harus ditekan secara menyeluruh dan guru-guru dilatih berterusan selari dengan perkembangan masa kini. Memang saya menerima baik cadangan supaya semua sekolah rendah mempunyai guru khas untuk mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil bagi maksud memperkasa lagi sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah kerajaan. Seperti saya tekankan tadi, guru-guru yang akan mengajar bahasa Cina dan

Tamil harus mempunyai kelayakan sesama guru di sekolah jenis kebangsaan. Dan sukatan pelajaran bahasa Cina dan Tamil harus mengikut apa yang diajar di sekolah jenis kebangsaan dan bukan hanya untuk berkomunikasi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini kita rasa amat bimbang melihat lebih kurang 60,000 graduan yang keluar dari universiti tempatan tidak dapat pekerjaan selepas satu tahun tamat pengajian mereka. Saya pernah tanya di Dewan yang mulia ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah sosial ini. Dan pernahkah kerajaan mengkaji secara mendalam sebab-sebab masalah ini berlaku. Adakah kerajaan mempunyai dasar pendidikan di mana kerajaan akan berusaha menentukan bidang dan kursus yang wajar diambil oleh pelajar-pelajar yang ingin memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam. Berpandukan keperluan tenaga manusia yang relevan, jawapan yang diberikan dengan amat kesalnya tidak boleh diterima oleh kerana negara kita buat masa ini mempunyai 18 IPTA dan lebih kepada 500 IPTS.

Jika keadaan sebegini berterusan, tidak lama lagi graduan penganggur akan berlipat ganda sebab apa kerajaan tidak pada peringkat awal mencari jalan untuk mengelakkan keadaan ini menjadi lebih serius sebelum keadaan ini menjadi lebih serius. Bak kata pepatah, "*jika nak melentur buluh, biarlah dari rebungunya*". Saya percaya kita semua tidak suka melihat pada satu hari kelak graduan-graduan kita hanya dapat kerja sebagai kerani-kerani dan pemandu teksi. Dan rakyat yang bukan graduan tidak dapat pekerjaan apa pula, langsung.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, apa jua perancangan dan juga apa jua jumlah yang bakal diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek, paling penting adalah pelaksanaannya iaitu *the implementation stage* dengan izin, penguatkuasaannya, tanggungjawabnya, ketelusan, dan integriti pelaksanaannya. Rekod telah menunjukkan bahawa kegagalan sesuatu pelaksanaan sesuatu projek adalah akibat dari ke tidak kompeten, tidak telus, tidak amanah dan menjurus kepada elemen rasuah. Saya minta supaya kerajaan akan mempunyai pemantauan yang teliti dan terperinci dan harus dilakukan oleh pihak pelaksana. Sementara pemimpin mesti bersedia untuk melakukan pemantauan ke atas pihak pelaksana.

Maka amat baik bila kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dia sendiri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengetuai jawatankuasa untuk memastikan segala projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah RMK9 mencapai sasaran yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah habis Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

12.18 tengah hari.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun turut bersama dengan rakan-rakan untuk membahaskan tentang Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan yang menarik perhatian saya Tuan Yang di-Pertua ialah ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perenggan 104 yang mana dia telah menegaskan bahawa kita akan kekal tegas memerangi rasuah sebagaimana disebut oleh rakan-rakan kita tadi walaupun kita perlu menongkah arus. Dan patah sayap, bertongkat paruh namun hasrat tidak akan luntur.

Ini penting Tuan Yang di-Pertua dan hari ini saya kira dah lebih daripada tiga atau empat orang tak termasuk yang mencelah telah menceritakan masalah yang kita hadapi ini. Dan kalau kita lihat, apa yang disebut oleh rakan-rakan kita, peguam pun nak kena imbuhan dan kalau kita tengok di kampung, kelas F, kelas F mengadu dekat kita Tuan Yang di-Pertua.

Dia kata hendak dapat kerja pun kena menyembah. Sudah siap kerja hendak dapat *payment* pun kena menyembah dan kadang-kadang sudah sampai budaya ini sudah menular tidak ada segan-silu. Asal datang sahaja di pejabat daerah ataupun pejabat JKR, peon pun sudah minta Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak ada fail pun tidak bergerak. Hulurlah! Hulurlah! Jadi apa akan jadi? Dan kita ada satu rancangan besar yang hendak dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Itu satu.

Baru-baru ini, kita dipaparkan dalam akhbar AP kereta palsu. Kita pun tahu. Hari in AP telah dibaharui dengan ada nombor casis, nombor enjin. Bagaimana boleh palsu tanpa dengan kerjasama orang di dalam? Kadang-kadang kita terfikir juga yang keluarkan AP itu MITI bagi pihak kastam. Apabila kenderaan dibawa masuk ia akan berdaftar dengan JPJ. Tidak akanlah pegawai ini tidak boleh *check* balik dengan JPJ yang dia mengeluarkan AP sekian ribu. Mengapa daftar pula lebih daripada yang dikeluarkan? Kan mudah kerja itu. Tetapi oleh kerana sudah ada kerjasama ini Tuan Yang di-Pertua ada apa?

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Umphh!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ada umphh, ada terima ini [*Sambil membuat isyarat tangan sebagai wang*]...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...hari ini kita ada masalah yang kita hadapi. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Saya juga Yang Berhormat seperti Yang Berhormat hairan dan saya tidak menyangka soal begini boleh berlaku sebab mereka ini orang kita. Kakitangan kita iaitu kastam ada, marin ada, semua deklarasi ada dari MITI ada. Tapi boleh berlaku penyelewengan sebegini. Jadi apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya menangkap mereka yang terlibat ini dan dihadapkan. Kalau menterinya pun terlibat, dakwa dia bersama. Yang Berhormat setuju?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya belum sampai itu. Panjang lagi ini. Kerana AP ini yang saya sebut baru AP kereta Tuan Yang di-Pertua. Kita ada 1,800 lagi barangan yang masuk dalam negara dan kita import dan eksport yang menggunakan AP. Lihat berapa banyak. Hendak import dan eksport gula AP. Hendak eksport simen AP. Hendak import seramik jamban pun AP. Kalau yang kereta ini pun sudah palsu, saya penuh yakin dan percaya yang barang-barang beribu yang kita bawa masuk import eksport ini pun palsu juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Di negara kita ini soal memerangi rasuah bukan perkara baru. Kita berkempen, berkhidmat amanah, bersih dan amanah dan sebagainya sekarang ini pelbagai cogan kata dan selepas itu kita ini diuar-uarkan kita ini negara yang beragama. Negara yang beragama. Takut kepada tuhan. Tetapi dalam soal rasuah?

Jadi apakah sebenarnya yang berlaku dari segi ini soal rasuah ini soal sistem nilai sama ada kita ini berintegriti, orangnya boleh dipercayai atau tidak boleh dipercayai. Apakah sebenarnya yang berlaku dari segi pengukuhan sistem nilai dalam masyarakat, dalam pegawai-pegawai, dalam kepimpinan dalam masyarakat kita. Apakah kita

setakat dengan mengadakan institusi itu dan ini tetapi kita tidak nampak dari segi soal sistem nilai kita yang belum dipupuk ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih. Saya akan jawab semua ini daripada rakan-rakan ini selepas ini kerana saya hendak cerita lagi masalah ini. Yang daripada Sabah Yang Berhormat bagi Tuaran pun kata jangan kata AP palsu ic pun palsu!

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin: Betul! Betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ic palsu, kad kahwin palsu, kad kredit palsu dan dalam dunia ini Malaysia terkenal dengan kepalsuan kad kredit. Orang kita belanja berjuta-juta di luar negara apabila tengok orang rakyat Malaysia.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin: Kahwin pun palsu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kahwin jangan kira...

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...semua palsu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Imam pun boleh eksport dalam negara, nikah dalam kedai! Nikah dalam kedai lepas itu balik semula ke luar negara. Nikah pun palsu Tuan Yang di-Pertua. Silakan.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Nampaknya kalau kita lihat bahawa masalah rasuah ini memanglah agak sukar untuk kita atasi dan disebabkan kerana rakyat sudah berani melakukan sesuatu. So, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin bahawa untuk kita sama-sama mengatasi masalah rasuah ini setuju atau tidak kalau Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju dengan saya bahawa hukuman kadangkala dapat menyebabkan orang rasa waswas untuk melakukan sesuatu seperti hukuman untuk merotan bagi penerima dan juga pemberi rasuah ini. Apa pandangan Yang Berhormat kepada perasuah-perasuah ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya akan sampai sebentar lagi, sabar. Pendetang tanpa izin hari ini yang ada dalam negara yang berdaftar sahaja 1.85 juta. Yang tidak daftar PATI ini wallahualam bisawaf ada yang kata 300,000, ada yang kata 500,000 ada yang kata 1

juta. Tetapi yang kita tahu di lautan kita ada polis marin. Yang kita ini pula sudah luluskan Rang Undang-undang Marine Time Agency. Apa agensi yang kita tidak luluskan yang kita yakin dan percaya susah bagi pendatang asing hendak datang menyeludup ke negara kita. Tetapi dia masuk juga! Tiap-tiap permukaan sungai, kuala sungai kita tempatkan askar-askar untuk menjaga lokasi-lokasi tempat masuk, dia masuk juga.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi parit bangun Yang Berhormat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bangun kali kedua isu rasuah ini kerana isu ini sudah jadi barah dalam negara kita. Saya tahu Yang Berhormat bagi Jasin akan sebut satu-persatu kes rasuah ini. Isu AP, PATI, projek, dadah, kahwin pun dia kata ada rasuah. Jadi dia akan huraikan satu persatu. Tapi sebelum Tuan Yang di-Pertua saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Oleh kerana rasuah ini sudah menjadi barah, sudah menjadi penyakit yang begitu besar dalam usaha untuk membangunkan Rancangan Malaysia Kesembilan ini kalau rasuah ini masih kekal saya percaya kita gagal.

Jadi apa kata kalau kita isytiharkan rasuah ini seperti dadah, musuh nombor satu negara. Seiring dengan dadah tetapi mesti ada langkah, mesti ada *action plan*. Kita sudah ada alhamdulillah. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada *National Integrity Plan*, Institut Integriti Nasional dan sebagainya. Tetapi yang lebih penting ialah jangan di“nato”kan perkara ini. “Nato” *no action, talk only*. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Kerana di parit pun orang masuk pendatang tanpa ini Tuan Yang di-Pertua. Itu yang dia marah sangat ini.

Dadah. Kita sudah bercakap lama sudah. Dadah musuh nombor satu negara. Tangkap kerana dadah kena hukum gantung. Daripada merdeka sehingga hari ini kita dapat membuat universiti baru 18 termasuk yang Kelantan, baru lulus. Yang Terengganu nombor 17, Kelantan nombor 18 tetapi pusat serenti sudah 28 Tuan Yang di-Pertua. Musuh nombor satu negara. Tapi yang kena tangkap yang mana? Pengedar yang kecil-kecil. Yang besar-besar sampai sekarang tidak kita tangkap! Mengapa!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Rasuah!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak sebut. Yang Berhormat yang sebut. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi. Saya hendak tanya curi balak dengan curi tanah ini rasuah atau tidak. Setuju tidak masuk dalam hukuman tadi orang curi balak dan curi tanah kerajaan ini beri rotan, sebat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Memang saya setuju. Itu perompak! Kita tahu kadang-kadang di hutan simpan Tuan Yang di-Pertua, orang kampung kita hendak buat balai rumah orang kahwin. Ambillah kayu besar-besar lengan ini hendak buat balai, ambillah buluh-buluh hendak buat balai, ditangkap oleh Jabatan Hutan kerana melanggar hasil negara - hutan simpan tidak boleh diganggu!

Tapi berapa banyak hutan simpan yang gondol telah habis dicuri dek orang. Takkanlah orang kita tidak tahu, takkan ianya Pejabat Hutan tidak tahu, hari ini zaman moden ada satelit, di mana sahaja kita boleh nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Datuk Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, yang hairannya Yang Berhormat perompak-perompak siang hari ini, berlaku dalam bandar. Di bandar Selangor, di bandar Negeri Sembilan, tetapi penguat kuasa kita tidak nampak. Saya hairan, kenapa dia tidak nampak? Sedangkan dia punya *machinery* traktor ada, lori berpuluh-puluh. Apabila kena tangkap lori pandai lesap, minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju Yang Berhormat, ini sudah menjadi penyakit. Soalnya sekarang ini kita sampai bila? Adakah kita hendak bercakap sahaja? Yang bercakap tadi Yang Berhormat Alor Setar mengatakan bahawa mempertikai fungsi BPR pun kata dia. Tidak bergerak, jadi saya minta dalam Dewan yang mulia ini Dato', dengan sokongan rakan-rakan sudah sampai masa dan ketikanya, kita Malaysia ini melalui Rancangan Malaysia Kesembilan ini hendak membawa negara kita ke negara maju pada tahun 2020. Dan kita kena buat cara negara maju.

Kalau di Amerika ada Badan *Secret Agent* dia FBI, kalau di United Kingdom ada M16, M15nya, di India pun ada CBI *Central Bureau of Investigation*. Saya kira Dato' sampai masa dia negara Malaysia ini kena wujud *secret service* yang macam ini untuk menangani semua masalah yang kita hadapi ini. Kita pernah buat bagaimana dekat sempadan, kita menghadapi masalah dengan penyeludupan tetapi apabila kita

campurkan kastam, imigresen, polis, dalam satu unit penyeludupan. Kita lihat masalah ini dapat kita selesaikan.

Dan pada hari ini, kalau ada *secret service* ataupun badan ini dicampuradukkan semua polis ada situ, kastam ada situ, imigresen ada situ, agama pun adalah, agama pun ada situ fasal agama pun nikah palsu pun ada. Semua ada situ menjadi satu badan yang bertanggungjawab kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Untuk mengatasi masalah-masalah ini supaya jangan berterusan. BPR pun salah, BPR dia tangkap dan apabila tubuh badan ini, Dato', saya kira masalah kemelut yang kita hadapi dengan polis yang diminta oleh Suruhanjaya supaya ditubuhkan IPMC ini, kita tutup cerita itu. Kerana itu ditubuhkan hanya untuk polis sahaja, lain-lain tidak ada.

Kita kena buat lebih besar daripada itu yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Kalau dapati orang ini rasuah, dia tangkap orang ini dia hantar pada BPR, kau bicarakan dia. Kalau masalah imigresen, dia tangkap, nah! imigresen tangkap orang ini, dakwa dia di bawah Akta Imigresen. Dan benda ini boleh buat, kita sudah sampai cukup masa dia. Kita tubuh pun integritilah, kita buatlah macam-macam kursus, sudah tidak jalan lagi Dato'. Kalau boleh orang-orang ini, Dato', kalau boleh orang-orang ini kita bagi *license to kill* pun bolehlah.

Ya, daripada kita menghadapi perompak-perompak yang akan menjahanamkan negara kita ini. Cukup, Dato'. *Enough its enough*, dan saya sebenar mengatakan.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Minta penjelasan,

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Yang Berhormat Jasin telah memberi satu pandangan yang cukup *radical* sekali. Tapi saya kira apa yang telah diberi itu adalah satu tindakan yang bersifat *reactive* sahaja. Yakni apabila berbangkit, apabila timbul isu itu maka kita hendak ambil tindakan-tindakannya. Apakah perkiraan dan pandangan Yang Berhormat, tindakan jangka panjanglah? Dengan izin proaktif, di mana salahnya? Apakah salah ibu mengandung dalam hal-hal serupa ini? Ataupun perkara-perkara yang lain dari segi asuhan ke? Didikan ke? Akidah, syariah, akhlak ke? Di mana puncanya di sini? Sekira itu perlu kita tangani, Yang Berhormat sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini semua sekali terlibat Kuala Terengganu, semua ini kena campurkan sekali dan kadangkala kita kena buat sedikit kekerasan. Kerana tanpa ini kita tidak dapat bergerak ke mana-mana. Kita lihat bagaimana keadaan di negeri maju di Eropah. Mereka takutkan dengan *secret*

serviceny, sehinggakan naik *train* ataupun naik kereta api pun tidak ada pakai konduktor. Dia tahu yang dia akan kena bayar, dia bayar. Orang yang tidak bayar naik kereta api, itu dia takut *secret service* akan tangkap dia.

Begitu juga di Singapura, pada hari ini apabila tindakan keras dibawa kepada orang dia. Orang-orang Singapura Yang Berhormat tidak berani buang sampah tidak tentu arah ini. Dia tidak tahu siapa akan memerhatikan dia. Ada *secret-secret service* yang sentiasa memerhatikan mereka. Kalau didapati membuang sampah, *on the spot* dia kena *fine*, Dua ratus *SingDollar*. Buat yang ini kena *fine on the spot*. Kalau misalannya ini dapat dilaksanakan pada negara kita ini, mungkin saya kira, selain daripada kursus, integriti kita dan pelbagai ini, tetapi kita kena tunjukkan sedikit kekerasan supaya rakyat kita ini akan taat dan insya-Allah saya kira masalah-masalah ini tidak akan timbul lagi.

Kita kena pilih pegawai yang cekap, pegawai yang amanah yang mana kita tahu dalam polis ada yang orang baik. Ada orang yang amanah, yang kita boleh ambil untuk mengetuai *force* ini. Dan kita juga ada dalam imigresen, dalam kastam dalam apa. Kalau kerana ini kita tidak buat, saya takut esok apa yang dirancang, apa yang di terjemah, apa yang telah dirancang oleh negara kita, pucuk pimpinan kita ini tidak akan tercapai. Sila Dungun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Berhormat Jasin. Kita banyak bercakap tentang penyelewengan. Tapi kita juga lupa kepada perkara-perkara yang mengasaskan rakyat kita ke arah bersifat penyayang. Yang mana kalau kita tengok pun Nabi Muhammad S.A.W. sendiri dalam agama kita, memperkenalkan beberapa konsep yang bertentangan dengan rasuah tadi ialah konsep hadiah. Jadi kadang-kadang kita terlajak, kita terlupa bahawa di dalam kita membuat gerakan dakwah dan membuat perhubungan di antara manusia supaya ada sifat sayang menyayangi supaya ada pendekatan hadiah.

Jadi kalau kita tengok bagaimana Melaka dahulu, negeri Yang Berhormat daripada Jasin. Apabila ada pedagang, perdagangan memberi hadiah kepada Sultan supaya melalui pengaruh Sultan itu dapat dikembangkan agama dan juga apabila kita pergi bertandang ke rumah keluarga, sahabat handai dan sebagainya, konsep hadiah ini perlu diperkenal. Jadi setakat ini saya kadang-kadang keliru juga, di manakah sebenarnya aras yang boleh membezakan di antara rasuah dan hadiah. Kerana

kadang-kadang kalau seorang itu berpangkat besar, seorang yang mulia takkanlah kita hendak bagi kain pelekat.

Maknanya kita beri benda hadiah yang *diappreciate*. Cuma saya boleh nampak bahawa apabila ianya hadiah, kita akan muliakan hadiah itu. Mungkin kita terima di hadapan orang dan kita ambil letakkan di tempat yang dapat dilihat oleh orang ramai. Cuma rasuah ini dibuat di dalam keadaan yang disorok, maknanya diri sendiri pun kalau boleh tidak mahu diberitahu.

Jadi bolehkah Yang Berhormat bersetuju supaya melalui pelan integriti ataupun melalui mana-mana akta yang sesuai supaya kita pinda kerana Akta BPR ini telah dipinda sebelum tahun 2000 dahulu. Yang mana begitu tergesa-gesa sebenarnya yang perlu dipinda lagi supaya ada juga ruang-ruang yang boleh diletakkan pendekatan hadiah ini supaya kita jelas. Umpamanya kalau Yang Berhormat hendak bagi hadiah dekat saya kerana sesuatu hal, saya terima dengan hati yang terbuka dan konsep hadiah itu harus diperkukuh, diperkenalkan dalam negara kita, dalam kita melahirkan masyarakat penyayang dalam negara kita.

Kita tidak mahu kita menjadi negeri polis ataupun negeri yang maknanya hati rakyat kita akan jadi kental, akan jadi tidak pemurah. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya dalam hal-hal tertentu supaya konsep hadiah ini dapat kita perkenalkan, didefinisikan dengan lebih baik supaya rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan termasuk kita semua dapat menerima dalam keadaan yang lebih jelas supaya dalam keadaan kita hendak membanteras rasuah ini kita tidak mematikan nilai-nilai murni yang kita panggil hadiah ini dalam negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, saya tidak setuju. Hendak meletakkan dalam cara bertulis, saya tidak bersetuju kerana hadiah ini, yang tukang bagi itu ikhlas dan yang terima pun ikhlas kerana kalau kita sudah masukkan dan sudah termaktub sebagai tulisan hadiah definisi dia apa semua, orang kita ini, Yang Berhormat bagi Dungun, dia akan cari jalan. Dia akan cari jalan ini dia hadiah dan kalau tidak ada hadiah pula orang yang menerima itu dia tidak akan bagi kerja ini. Dia minta hadiah sehinggakan, Yang Berhormat bagi Dungun, kita sudah sama-sama pergi ke Mekah, ini cerita baksis ini.

Cerita baksis, sehinggakan hendak kucup Hajar Aswad kena bagi baksis, di Kaabah ada rasuah disebut baksis. Ini samalah walhal itu rasuah tetapi disebutkan baksis konon hendak menghalalkan kena cakap Arab sedikit. Begitu juga dengan hadiah. Kita takut besok disalah tafsirkan. Saya haraplah Yang Berhormat, hendak

mengulangkan sekali lagi sudah sampai masa dan ketika dia, kita ke arah negara maju dan apa yang berlaku di negara maju pada hari ini dengan adanya *Secret Service*, FBI, CBI, apa-apa 'I' pun saya kira sudah sampai masa dan ketikanya, Malaysia juga kena turut macam mereka supaya menubuhkan *Secret Service* untuk menangani dan kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah saya sebutkan semasa ucapan Titah Diraja dahulu. Kita juga kena betulkan keadaan kita di peringkat kementerian. Saya lihat bagaimana saya sebutkan dahulu, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen macam boleh ada, boleh tidak ada sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kita lihat kadang-kadang kasihan dekat dia orang ini tidak ada peranan. Kadang-kadang Menteri dengan KSU sahaja yang membuat keputusan. Timbalan Menteri tidak tahu, Setiausaha Parlimen lagilah jauh. Lagilah jauh. Macam mana kita hendak menjayakan rancangan yang besar ini. Sepatutnya tentang pemberian tender, pemberian hendak bagi AP, hendak agih-agihkan AP, biarlah sama-sama satu kementerian *collective approach*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Diperbincangkan barulah ada ketelusan, barulah ada *transparent*. Ini pandai Menteri dengan KSU sahaja. Kadang-kadang bila benda ini panas, kita kasihan pula bila Timbalan Menteri dengan Setiausaha Parlimen hendak menghadap kami Ahli Parlimen ini. Dia pun tidak tahu apa, dia kena jadi tempat kami tembak (*punching bag*). Kita berharaplah kalau kita hendak mengatasi masalah yang telah saya sebutkan tadi, di atas pun hendak kena *transparent*, jangan kata di bawah sahaja *transparent*.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan apa yang disebut, Timbalan Menteri Pertanian ada, saya hendak ambil kesempatan *favorite subject* saya tentang pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin menegaskan sekali lagi kalau hendakkan berjaya sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak menjadikan pertanian sebagai *third economic growth*, kita kena *re-overhaul* semua sekali.

Hari ini kita didendangkan bahawa orang-orang kampung mendapat rezeki yang melimpah ruah. Harga getah RM7, harga kelapa sawit RM1,400 tetapi pernah tidak Menteri turun ke bawah tengok berapa dapat orang kampung. Yang getah RM7 itu orang kampung dapat berapa? RM3 Menteri. Yang RM1,400 itu orang kampung tidak dapat apa. Itulah yang jual buah harga RM200 lebih itu pun kadang-kadang ditipu.

Kena tipu timbang. Kadang-kadang kita sedih bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ketereh bangun, Yang Berhormat .

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ketereh hendak bangun? Saya baru hendak sebut, minta izin, silakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat sebut pasal penoreh getah. Yang Berhormat sebut pasal kelapa sawit, saya daripada kawasan padi. Di Ketereh ini adalah permukaan pada rancangan KADA (*Kelantan Agriculture Development Authority*) yang majoritinya tanam padi.

Sekarang, petani yang menanam padi ini melihat dengan mata yang putih. Harga padi masih tidak naik. Harga subsidi padi juga tidak naik. Tetapi harga getah sudah melambung, melambung sangat tinggi dan dia orang dapat manfaat. Sebab itu kesan harga minyak naik kepada penoreh getah tidak apa-apa. Begitu juga dengan kelapa sawit. Tetapi kesannya kepada petani padi adalah sangat besar. Mereka menggunakan kenderaan yang menggunakan minyak dua kali. Pertama, semasa membajak dan yang kedua semasa mengetam padi. Kemudian yang ketiga semasa mengangkut padi. Tiga kali sebenarnya.

Apakah Yang Berhormat tidak ingin mencadangkan dalam ucapan ini supaya kerajaan terutama Kementerian Pertanian memikir semula kaedah ini bagi nilai *added value* seperti mana teras yang pertama kepada padi, sama ada dengan menaikkan harga ataupun melihatkan semula kaedah-kaedah supaya pertanian mendapat pendapatan yang lebih. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, kalau sempat nanti saya akan sebut. Tetapi saya sokong kerana pada hari ini kita lihat yang menyembah pokok getah pagi-pagi sebelum subuh ataupun selepas subuh ialah orang kampung. Yang duduk menunggu hasil getah itu, dia yang kaya. Dia yang kaya. Saya hendak tanya kementerian, berapa banyakkah lesen yang dikeluarkan untuk membeli getah? Berapa ramai orang kampung orang Melayu kita berapa ramai?

Begitu juga kelapa sawit yang membeli buah kelapa sawit di kampung-kampung ini adakah daripada kalangan pekebun kecil. Berapa ramai lesen yang dikeluarkan untuk orang Melayu dalam bidang ini? Syarat sahaja sudah membuatkan orang

kampung tidak mampu. Ini yang kita cakap. Kita ada koperasi, kita ada Lembaga Pertubuhan Peladang, Koperasi Peladang, kita ada Koperasi Pekebun Kecil, mengapa yang Koperasi Peladang ini tidak ambil kerja ini membeli kelapa sawit. Dia ikut gila, saya pernah cakap, Tuan Yang di-Pertua.

Saya belum cakap, Timbalan Menteri sudah ketawa. Dia ikut gila Pengerusi LPP dia. Hari ini dia tengah gila ayam, semua koperasi peladang seluruh negara pelihara ayam. Sekarang ini saya dengar dia sudah gila burung walid pula. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, burung walid. Saya penuh yakin dan percaya tahun hadapan semua Koperasi Peladang memelihara burung walid.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Burung apa itu, Yang Berhormat, burung walid itu? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Burung layang-layang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Oh! Burung layang-layang. Bukan burung dari Arab, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bukan *[Ketawa]* Ini yang jadi ini. Yang dihadapi oleh kita ialah masalah pemasaran orang-orang kita. Kalau koperasi untung, ahli-ahli dia dapat untung. Ini kerja yang tidak patut dia buat yang patut dia tidak mahu buat. Saya pernah bercakap dalam Dewan ini beberapa kali.

Di Filipina, tidak ada ladang yang besar-besar yang tanam mangga, Timbalan Menteri. Hanya di belakang rumah 20 batang atau 30 batang. Tetapi menggunakan Koperasi Peladang di Filipina, mereka gunakan lori-lori koperasi ini mengutip dari rumah ke rumah, ada pusat pengumpulannya, sehingga Filipina pada hari ini mengeksport mangga di seluruh dunia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang kita ini, yang kita ini? Yang ada FAMA sudah 30 tahun. Sepatutnya FAMA kena buat pemasaran ini. Yang tukang kumpul Lembaga Pertubuhan Peladang kerana ia ada unit-unit peladang di bawahnya. Mengapa tidak buat cara macam itu? Tetapi hari ini ya Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan dan juga kementerian menyasarkan pergantungan kepada import bahan-bahan mentah menjelang 2010 iaitu mencecah 90%. Bunyinya sedap sebab import kita berbilion-bilion ringgit dipakai sedangkan tanah kita terbiar. Apakah Yang Berhormat boleh menjelaskan dengan kerenah birokrasi,

dengan ketidakcekan pegawai kita, dengan kelemahan kita, jentera kita, kita boleh mencapai sasaran ke arah mengurangkan pergantungan bilion-bilion ini menjelang 2010.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau kita serius hendak menanganinya, kita boleh dapat lebih daripada itu. Walhal surplus, tetapi cara kita. Tetapi hari ini kita lihat minta maaf

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Penjelasan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Belum jawab habis lagi.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krau bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin. Saya hendak tahulah daripada Yang Berhormat Jasin tentang pengalaman sebagai pegawai FAMA yang lama di daerah Pekan, Pahang. Lama Yang Berhormat Jasin ini berkhidmat sebagai pegawai FAMA Daerah. Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin terhadap peranan FAMA ketika Yang Berhormat Jasin menjadi pegawai FAMA Daerah dengan peranan yang dimainkan oleh FAMA masa kini. Adakah telah berubah atau FAMA gagal untuk membantu petani dan pekebun di kawasan kampung?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya minta maaf Kuala Krau. Sebenarnya silap fakta tu. Saya pegawai RRI (*Rubber Research*). Lepas itu saya bekerja dengan RISDA bukanlah FAMA jadi jauh sangatlah tu. Jadi masalah *delivery system* ini kita kena ubah sebab ia sudah lama. Yang agak-agak pada hari ini, cara pekerjaan yang ada di Pejabat Pertanian, cara pekerjaan yang ada di LPP yang hendak membangunkan petani pada hari ini jelas gagal. Dan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, diletakkan di bahu Kementerian Pertanian amat berat sekali. Kalau tidak ada *changes*, tidak ada pertukaran cara *approach* untuk menggerakkan Industri Asas Tani ini, saya kira duit yang diperuntukkan yang begitu besar dalam rancangan ini akan habis begitu sahaja.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Izin.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya melihat LPP yang disebutkan oleh Jasin, sebahagian besar masalah yang dihadapi oleh LPP ini walaupun mereka mempunyai unit-unit pertanian yang dibantu oleh LPP Pusat ialah masalah fokus. Tidak ada fokus walaupun pada hakikatnya mereka itu berdiri atas landasan memajukan petani dan penternak dan sebagainya. Tetapi sebahagian besar daripada mereka yang hidup dalam LPP ini, fokus mereka lebih kepada fokus diri sendiri, fokus lebih kepada politik, fokus lebih kepada untuk mencapai cita-cita diri sendiri. Itu merupakan masalah LPP. Kita melihat sebahagian besar daripada LPP lebih *concentrate* ke arah fokus yang lain tetapi tidak mahu memfokus kepada membantu masyarakat tani pada keseluruhannya. Saya rasa kementerian harus melihat ini dan menentukan bahawa proses mengepalai LPP ini dikaji semula dan fokuskan agar mereka yang duduk dalam LPP, adalah mereka yang memperjuangkan petani dan juga masyarakat tani keseluruhannya. Apakah pendapat Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Beluaran. Memang itulah hasrat kita. Kadang kala LPP ini, mesyuarat Agong Kawasan sudah macam Mesyuarat UMNO kerana keahliannya petani itu, definisinya ialah dia ada tanah dua ekar maka sudah boleh menjadi ahli. Mungkin dia cikgu sekolah yang tidak pernah turun ke ladang, tidak pernah jadi peladang tetapi oleh kerana duduk dalam LPP ini ada dapat kemudahan kepada dirinya, maka dia mencalonkan dirinya sebagai Pengerusi Peladang. Begitu juga di NAFAS. Dia hendak tarik nafas pun sudah tidak boleh. Umur sudah 60 tahun 70 tahun tetapi hendak kekal lagi. Bagaimana hendak memikirkan tentang generasi akan datang sedangkan dia sendiri pun tidak boleh hendak tarik nafas. Ini yang berlaku. Ini kenyataan dan kalau kita hendakkan supaya bidang pertanian ini menjadi satu bidang yang dapat membantu dan juga menjayakan Rancangan Luar Bandar bagaimana yang diharapkan oleh pucuk pimpinan kita, ini semua kena berubah. Kita bagi kementerian, kalau patut kita adakan undang-undang Akta yang baru untuk melaksanakan ini, maka kita buat Akta.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya Allah, baru hendak mula Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akta pun tidak guna kalau nafas tidak ada.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi hendak bercakap oleh kerana sahabat saya Arau sudah ada. Tentang apa yang kita cakap tentang bio diesel walaupun di negara-negara maju di Eropah, di Amerika bio diesel sudah begitu maju sudah tiga tahun dahulu mereka sudah kaya raya. Kita baru hendak mula. Itu pun banyak pula kerenahnya. Bukan semua orang boleh dapat lesen. Orang ini hendak minta lesen pun tidak boleh dapat, banyak tapisannya. Malah apa yang saya dengar dari aduan-aduan kepada saya bahawa persatuan-persatuan yang mewakili pekebun-pekebun kecil hendak buka kilang bio diesel pun, macam-macam dikenakan. Pengerusi-pengerusi ataupun koperasi-koperasi yang melibatkan peneroka pun sudah hendak dapatkan lesen. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, tentang apa yang telah saya sebut apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Arau, kita sudah tengok pada hari ini tanaman jarak, *jatropha* ini ada mempunyai masa depan yang begitu banyak begitu baik. Dan hari ini orang-orang di Eropah menanam beribu-ribu ekar, di Afrika menanam, di Madagascar, di India sudah start menanam dah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Arau.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Arau bangun

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih. Yang Berhormat Jasin bersetuju atau tidak atas cadangan di mana sebuah lembaga yang berasingan ditubuhkan untuk *alternative fuel* dengan izin dan juga untuk menjamin peneroka-peneroka ataupun pekebun-pekebun kecil untuk membuat bio diesel lebih senang dan lebih mudah. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Arau. Saya bersetuju amat sangat supaya lembaga khusus untuk *alternatifve fuel* ini yang melibatkan *jatropha* ataupun jarak ini ditubuhkan. Dan lembaga ini mesti duduk di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana tanaman ini adalah tanaman baru untuk orang Melayu kerana sesuai dengan perangai orang Melayu "*tanam-tinggal-tuai*". Kalau dia rajin sikit Tuan Yang di-Pertua, taruh baja sikit dia akan mendapat hasil yang melimpah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia bukan tanam tetapi "*cucuk-tinggal-cabut*".

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila habis ucapan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita berharap supaya perkara ini menjadi resolusi hantar kepada Kementerian

Pembangunan Luar Bandar supaya menubuhkan satu lembaga khusus untuk tanaman ini dan pada hari ini melalui rakan-rakan saya apabila benda ini telah diutarakan oleh saya dengan Arau maka Sabak Bernam pun sudah *start* tanam, Sik pun sudah *start* tanam dan *insya-Allah* perkara-perkara ini Arau pun sudah *start* tanam, saya di Jasin pun akan mula menanam. Dan penuh yakin dan percaya kalau benda ini dapat kita usahakan, maka orang-orang kampung juga akan bersama-sama dengan polisi kerajaan membawa membuat bio diesel kerana hari ini kita ada mesin yang murah. Di Amerika pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, 1,300 atau 1,400 sudah ada mesin untuk buat bio diesel yang diusahakan oleh Kementerian Komoditi dan Perladangan pada hari ini satu kilang 12 juta atau 15 juta. Manalah orang kampung macam saya ini mampu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua fasal Sabak Bernam disebut tadi. Satu sahaja. Terima kasih Jasin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Sabak Bernam sedang mencari satu jenis perusahaan yang boleh membantu penanam kelapa kering yang pendapatannya kalau dikaji oleh pihak kementerianlah, saya telah minta Kementerian Pertanian mengkaji, pendapatan yang paling rendah ialah kelapa kering lepas itu sebenarnya padi. Oleh kerana itulah, tanaman jarak sebenarnya sesuai untuk ditanam di celah-celah pokok kelapa. Pertanyaan saya ialah, saya bersetuju dengan Jasin. Bolehkah beri tempoh tiga bulan supaya lembaga ini ditubuhkan dan beroperasi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih dan kita sudah ada pakar. Yang Berhormat Arau kita lantik jadi Pengerusi, pakar. Kalau kita tidak buat ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan rugi. Orang tua-tua sudah berpesan "*padang jarak padang tekukur, tanam jarak tanaman jadi subur*".

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: "*Padang jarak padang tekukur, belum berperang sudah tersungkur*". [Dewan riuh ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Oleh yang demikian, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Tuan Yang di-Pertua. Saya minta hendak cakap panjang Tuan Yang di-Pertua tidak beri. Dan saya berharap supaya kawan-kawan akan terus dengan perjuangan kita ini supaya tanaman jarak ini akan menjadi impian dan menjadi satu tanaman yang penting di dalam negara kita supaya orang kampung kita akan dapat hasil tambahan pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

13.02 t/hari.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *Bismillahirrahmanirahim, Asssamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana peluang yang diberikan kepada saya untuk terus saya membahaskan tentang Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 sehingga 2010 ini.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung petang.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 13.02 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sila sambung perbahasan.

2.30 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebenarnya menelan satu perbelanjaan yang besar sekali. Hampir RM220 bilion dibelanjakan untuk agenda pembangunan negara. Ini tidak termasuk lagi perbelanjaan untuk pengurusan yang menelan belanja lebih dari RM500 bilion. Ini menjanjikan satu pembangunan kebendaan yang begitu hebat sekali.

Namun apakah erti pembangunan kebendaan itu kalau sekiranya masyarakat kita masih bercakaran, berbalah, bergaduh, bertengkar sesama sendiri. Tidak ada ertinya nikmat kemajuan material kalau sekiranya hubungan kaum, hubungan di antara bangsa dan kepelbagaian bangsa dengan keadaan masyarakat kita yang disebut sebagai *plural society* itu tidak dapat diwujudkan dalam perasaan muafakat, muhibah dan kecintaan.

Maka di atas sebab itulah agenda Rancangan Malaysia Kesembilan meletakkan, memperkukuhkan perpaduan nasional sebagai objektif yang utama dan selain daripada

itu juga serpihan daripada agenda yang besar ini adalah memperkukuhkan asas ekonomi bagi fasa kedua Wawasan 2020 selain daripada memperkenalkan misi nasional dengan lima teras yang utama itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, sahabat. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan perpaduan rakyat di negara kita ini. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa anak-anak di bangku sekolah hari ini, anak-anak di Tadika hari ini, pelajar-pelajar di universiti iaitu generasi bangsa kita yang akan datang ini tidak memahami tentang Perlembagaan Negara dan juga menghayati Rukun Negara.

Oleh sebab itulah kita dapat melihat kadang-kadang isu-isu sensitif ditimbulkan, bukan setakat budak-budak itu tapi yang sudah menjadi wakil-wakil rakyat dan yang terpelajar pun buat-buat tidak faham fasal Perlembagaan dan membangkitkan isu-isu ini, terutama sekali pihak Pembangkang. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, adakah mereka harus dikursuskan semula tentang Perlembagaan Negara ini.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Ketawa]* Baik. Terima kasih. Ini adalah satu proses yang begitu panjang, yang harus diikuti oleh semua orang yakni mengasuh dirinya untuk bersabar, mengasuh dirinya untuk menjadi orang yang berilmu, mengasuh dirinya supaya menjadi orang yang berbudi, dan kita perlu perkemaskan lagi proses asuhan ini dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada. Maka oleh yang demikian, saya rasa kurikulum perpaduan ini harus dimiliki dan dilaksanakan merentasi semua menteri kementerian-kementerian yang ada di tanah air kita. Selain daripada itu agenda-agenda NGO juga harus memberi penumpuan yang utama kepada perpaduan dan memupuk muhibah dan muafakat ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Trengganu]: Ya, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kita lihat selepas peristiwa 13 Mei 1969, 37 tahun kita melalui dan kita sudah merdeka hampir 50 tahun tetapi tidak ada apa-apa masalah yang berlaku pun, baik isu yang berkait dengan agama, pendidikan dan apa juga yang menyentuh soal ekonomi. Cuma yang kita lihat ialah pihak-pihak tertentu yang cuba mengeruhkan keadaan untuk mengambil kesempatan. Mungkin mereka sudah kehilangan modal dan sudah tidak ada isu-isu lagi. Mereka seolah-olah mengajak

perpaduan tetapi mereka sengaja mencetuskan rasa tidak puas hati di atas perpaduan yang wujud. Ibarat kata mereka suruh kencing duduk, tetapi mereka kencing berdiri.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dalam hal ini. Apakah mereka ini perlu mempelajari dari iktibar ini kerana tidak ada apa-apa pun yang berlaku jadi kenapa mesti ditimbulkan soal Islam Hadhari, soal Sekolah Warisan dan sebagainya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya. Kita perlu belajar dari sejarah kita. Permusuhan tidak akan membawa kita ke mana-mana tetapi muafakat itu akan membawa berkat kepada kita lebih-lebih lagi dalam sebuah negara bangsa ini, kita memerlukan sangat. Saya kira tidak kira apa bangsa pun, apa parti politik pun, mereka harus berdiri teguh, tegap untuk kita sama-sama memperjuangkan perpaduan.

Oleh sebab itu saya katakan tadi itu aspek perundangan itu perlu ada, peraturan-peraturan perlu diwujudkan untuk memastikan kita dapat memantau dan juga kita dapat menerapkan nilai-nilai perpaduan dan muafakat dalam masyarakat ini.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, jiran saya di sebelah pun...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Krau.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Bercakap mengenai perpaduan dan kita melihat di bawah Kementerian Pelajaran hendak mewujudkan Sekolah Wawasan di peringkat Sekolah Kebangsaan lagi, tetapi nampaknya Sekolah Wawasan ini tidak mendapat perhatian atau tidak mendapat sambutan daripada ibu bapa. Jadi apakah pandangan dan pengalaman yang ada pada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu supaya Sekolah Wawasan untuk merapatkan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar di antara kaum-kaum di dalam negara ini dapat kita wujudkan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, saya rasa inilah titik temu yang perlu dicari. Kita rasa begitu gembira sekali di mana semua sekolah kita sudah mempunyai kurikulum yang serupa, kurikulum yang dipelajari oleh anak-anak kita di sekolah, namun mereka masih juga belajar, diasuh di bawah bumbung yang berbeza. Maka inilah yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan bahawa jelik sekali beliau melihat anak-anak kita masih berada dalam keadaan polarisasi berkelompok dalam kaum masing-masing.

Saya kira inilah yang perlu dibina kerana sekolah itu dianggap sebagai tapak semaian generasi akan datang. Kita perlu berusaha. Ini merupakan satu perjuangan

yang perlu diteruskan oleh pelbagai pihak. Konsensus di bidang ini perlu ada. Oleh sebab itu saya kira Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, kementerian yang menguruskan soal-soal perpaduan, Rukun Negara dan serba macam lagi ini - NGO seperti mana yang saya sebutkan awal-awal lagi tadi itu harus sedar, insaf tentang isu yang paling besar kepada negara kita dalam usaha kita melangkah ke hadapan, dalam usaha kita hendak merealisasikan Wawasan 2020 bahawa agenda perpaduan itu adalah merupakan satu agenda yang begitu besar dan tidak boleh kita mengambil mudah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebagai seorang yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang kemajuan pendidikan/pelajaran ini, Yang Berhormat mungkin mempunyai pengetahuan tentang latar belakang sekolah-sekolah nasional di Singapura di mana Kerajaan Singapura mungkin menghadapi masalah yang besar ketika negara itu mengalami masalah perpaduan satu ketika dahulu.

Tetapi bagaimanakah Singapura boleh melalui cabaran itu dan hari ini mereka hanya mempunyai satu sekolah di Singapura. Di mana kita pula hari ini masih terkial-kial untuk memahami masalah sefahaman antara kaum untuk mewujudkan sekolah wawasan ini di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, saya kira kita perlu baca daripada negara jiran kita. Bukan sahaja dari Singapura malah negara-negara yang lain, yang memiliki struktur penduduk yang dikatakan sebagai *plural society* dengan izin ataupun *multiracial society*. Bagaimana mereka berusaha untuk memupuk perpaduan melalui kaedah pendidikan, melalui kaedah pembangunan, sosioekonomi, melalui kaedah pembangunan dan pelbagai agensi-agensi dan tindakan-tindakan yang lain. Saya kira apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu itu, boleh difikirkan oleh kementerian yang berkenaan terutamanya Kementerian Pelajaran yang perlu melakukan *benchmarking* (penanda aras). Apa yang dilakukan oleh orang di luar sana dalam usaha mereka untuk memupuk, membina jati diri dan membina integriti bangsanya dalam usaha mereka melangkah ke hadapan.

Saya ingin menyebut tentang cabaran yang pertama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, iaitu tentang pembangunan ekonomi negara kita untuk kita terus

bergerak ke hadapan, menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang berdaya saing. Sebuah negara yang maju, sebuah negara yang dapat duduk sama rendah, berdiri lebih tinggi daripada yang lain. Bukan berdiri sama tinggi kalau boleh berdiri lebih tinggi daripada yang lain.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya tertarik masyarakat *multiracial, multi-religious, multicultural*, tiga.

Seorang Ahli: *Multi-religion.*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Multi-religion*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok dalam teras perkhidmatan. Teras Perkhidmatan Awam nombor 4, dia kata kita mesti bekerja dengan penuh tanggungjawab, muhibah dan kemesraan. Dia tidak akan jadi mesra di pejabat-pejabat dalam perkhidmatan awam tanpa dimulakan di sekolah. Maka sekolah kebangsaan walaupun kemas tak kemas, kita kena terima dulu. Kita kena terima kalau kita masuk Mandarin, masuk Tamil, insya-Allah ia akan kemas. Bagi saya, saya menyokong penuh kerana Dato' Yang Berhormat Kuala Terengganu cukup berpengalaman dalam hal pendidikan ini. Saya *salute* kepada mereka. Tabiklah *salute* tu dengan izin. *[Ketawa]* Saya tabik kepada Dato' Razali kerana dia adalah orang yang pakar dalam *education*. Maka saya sokong supaya sekolah kebangsaan dimartabatkan. Betul tak? Terima kasih. Ini Tangga Batu menyokong.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Memang benarlah usaha Kementerian Pendidikan sekarang ini Menteri Pelajaran hendak memperkasakan sekolah kebangsaan kita dengan *targetnya* iaitu menjelang tahun 2020, kalau tidak silap saya 12% anak-anak daripada keturunan yang lain akan menyertai sekolah yang dianggap sebagai 'populer' yakni sekolah-sekolah kebangsaan kita. Dalam keadaan sekarang peratusannya (*percentage*) dalam lingkungan 6%. Tetapi inilah satu usaha yang panjang. Bagaimanapun satu perkara yang saya lihat di sini adalah bukan merupakan satu perkara yang mudah untuk kita membina dan memupuk perpaduan ini. Malah harus dilihat perpaduan ini di dalam bentuk yang *inter* dan *intra*. Iaitu di kalangan satu kaum itu sendiri dan satu lagi ialah merentasi kaum. Ini adalah merupakan agenda yang cukup besar, yang cukup serius, yang harus difikirkan dengan sehalus-halusnya, semasak-masaknya agar kita tidak menggadaikan masa depan negara kita dalam

keadaan kita bercakaran sesama sendiri, bertempur, bermasalah sesama sendiri. Marilah kita berusaha ke arah memupuk perpaduan dan integrasi nasional ini.

Saya ingin tarik perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini disebut bahawa dalam usaha kita untuk kita memacu kemajuan ekonomi negara. Dalam usaha kita mencapai taraf sebuah negara yang ke depan, yang berdaya saing iaitu faktor yang disebut sebagai *total factor productivity* sebagai agenda yang paling penting. Selama ini kita banyak, negara kita banyak bergantung kepada modal, dan juga buruh ataupun *man-hour* dari segi produktivitiya itu. Tetapi rupa-rupanya ada lagi faktor-faktor lain yang lebih utama, yang saya kira keseluruhan kementerian yang ada di Malaysia ini harus menumpukan kepada apa yang disebut TFP dengan izin ataupun dalam bahasa Inggerisnya *total factor productivity* atau produktiviti faktor keseluruhannya itu, yang ini mencakupi aspek-aspek *technological progress* (kemajuan teknologi), *research and development and commercialization*, pekerja-pekerja yang berpengetahuan selain daripada kita perlu memiliki satu kumpulan kelompok individu, anggota masyarakat yang disebut sebagai dengan izin TIC (*technical intellectual capital*), yang amat diperlukan. Dan inilah sebenar yang digunakan oleh negara-negara yang maju seperti Korea, Jepun yang menjana tenaga *technical intellectual capital* ini untuk mereka mengorak langkah maju ke hadapan. Dan di sini dalam konteks ini..

Tuan Yang di-Pertua: Tangga Batu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sekejap seminit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap sahaja, jadi kalau Yang Berhormat tak teruskan habis satu Dewan ini satu Dewan tak faham nanti. *The total productivity factor*. Bila Yang Berhormat terjemah dalam bahasa Malaysia pula produktiviti faktor..... saya tidak dapat hendak jelas. Cuba Yang Berhormat gunakan betul-betul dalam bahasa Malaysia. "Produktiviti" itu apa dia. "Total" itu apa dia. "Faktor" tu apa dia gunakan bahasa Malaysia kemudian *intellectual* cuba gunakan semua dalam bahasa Malaysia supaya saya faham. Tuan Yang di-Pertua saya tak faham Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yalah. Ok, tak apalah inilah akibat tidak baca buku ini. [*Dewan riuh dengan ketawa*] Dalam buku ini dengan jelas menunjukkan kepada kita segala perangkaan dan dengan *bar chart* yang telah diberi di sini bahawa TFP '*total factor productivity*' dengan izin dalam bahasa Melayu disebut sebagai produktiviti faktor keseluruhan. Dinyatakan di sini bahawa sekarang ini kita sudah...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ada, muka surat 7 di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada pun dalam bahasa Melayu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Pun ada, tetapi di sini dia tulis TFP sebab itu saya gunakan istilah bahasa Inggeris tadi dalam buku ini. Maka di sini saya melihat bahawa kita harus memberi penekanan kepada faktor ini. Kita lihat sahajalah atlet-atlet kita sebagai contoh katakan Nicol David ataupun pemain badminton negara itu, siapa nama daripada Kelantan, Hafiz. Untuk dia menjadi *world class player* tidak cukup dengan *man-hour*, dengan titik peluhnya, keringatnya, air matanya ataupun dengan mempunyai tempat bermain yang hebat. Ada lagi faktor-faktor yang lain hubungan akal mindanya dan tubuhnya. *Head strongnya* dengan izin erti kekuatan mentalnya. Kemudian dari segi rangsangan-rangsangan motivasi yang lain. Ini adalah merupakan faktor-faktor yang lain, yang perlu menyokong. Dan inilah yang akan membawa *niche* dengan izin, *competitive age* yang boleh membawa sebuah negara ataupun individu itu berada di mercunya. Maka dalam konteks ini saya kira saya amat menyokong sangat. Iaitu aspek-aspek R&D ataupun *research and development, political stability*, kecekapan dalam pengurusan[ketawa]..

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:harus diberi keutamaan, daripada Petra Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Kalau kita kaji TFP salah satu faktor keseluruhan yang boleh membawa kita menerajui masa depan yang lebih gemilang ialah manusia itu sendiri. Jadi kalau kita lihat apa yang berlaku sekarang ini sama ada universiti kita mampu dan boleh melahirkan, apa yang dikatakan manusia yang mempunyai faktor keseluruhan ini. Jadi kalau kita lihat dalam rencana yang ditulis oleh Francis Law, saya percaya Yang Berhormat Kuala Terengganu telah membaca artikel ini. Beliau mengatakan bahawa sekarang ini institut pengajian tinggi awam kita menghadapi krisis dari segi untuk menentukan di antara, satu kita hendak melahirkan graduan yang mempunyai akademik standard dengan izin. Satu lagi pada masa yang sama kita hendak melahirkan, memberi ruang kepada sebanyak mungkin rakyat kita masuk ke peringkat universiti, supaya mereka ini mempunyai faktor yang dikatakan oleh Kuala Terengganu tadi.

Tetapi dalam kita mencapai akademik *excellence* ini, sekarang ini kita menghadapi masalah tentang kemanusiaan, tentang manusia dari segi untuk melatih manusia menjadi orang yang mempunyai semua faktor keseluruhan itu tadi, sebab kita hendak krisis ataupun dilema antara *mystification*, dengan izin, dan *democratization of the universities* itu. Jadi, bagaimana kita hendak menangani ini dalam kita hendak melahirkan manusia yang mempunyai, yang pertama *academician*, yang mempunyai *experience teachers* dan *researchers*, yang mempunyai apa yang dikatakan *academic culture*. Keduanya, *excitement in the search for knowledge* termasuk *eagerness to the challenge and debate given wisdom, interest and transmitting that knowledge to younger people*. Adakah kita mempunyai kualiti-kualiti ini pada masa ini?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Itu sebahagian daripada ucapan saya, terlalu panjanglah itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya minta penjelasan sikit?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Allah, okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pasal atlet tadi. Betul, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyebut TAP. Tetapi kalau kita lihat negara-negara miskin seperti Afrika, kemampuan mereka ini bukan disebabkan hanya mental, okey tetapi disebabkan kebuluran, kemiskinan. Kita hari ini terlalu mewah. Barangkali kalau kita berada di dalam keadaan yang sama, atlet kita juga boleh menjurus kepada tempat sedemikian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullah*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Betul, kerana mereka perlu *survive*. Pergi ke negara Eropah mencari pasaran. Di sana mereka belajar dengan *skill*, kemahiran yang sehabis maksimum. Ini akan mereka bawa pulang untuk membawa balik nama negara. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa faktor mental, TAP tadi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi menyebabkan atlet telah digolongkan dalam apa yang cuba Yang Berhormat falsafahkan tadi, menjurus kepada apa yang cuba dijelaskan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingat betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu. Mungkin pelari-pelari ataupun jaguh-jaguh dari Afrika itu tidak cukup makan, barangkali dari segi itu. Tetapi motivasinya, daya juangnya, kemahuannya untuk menjadi nombor satu adalah cukup amat hebat sekali. Kegigihannya, latihannya yang berterusan itu saya kira dalam konteks negara pun, kita

lihat betapa prestasi sebuah negara kecil seperti Finland, seperti Singapura dan negara-negara yang lain, kecil barangkali modalnya tidak cukup. *Labour forcenya* tidak cukup tetapi keistimewaannya dari segi *the total factor* tadi, faktor yang menyeluruh itu, dari segi keinginannya, azamnya, *technical advancementnya*, kemajuan teknologinya. Ini semuanya adalah merupakan faktor-faktor yang akan menolak mereka, *pushing them forward* untuk menjadi *the number one* dan untuk menjadi yang paling hebat dalam dunia yang penuh dengan persaingan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, adakah Yang Berhormat pasti jawapan Yang Berhormat ini seolah-olah pemain ataupun ahli sukan daripada Afrika Selatan itu tidak cukup makan, maka mereka cemerlang. Jadi, kita ini yang tidak cemerlang dalam bola sepak ini, adakah kerana kita terlebih makan? *[Ketawa]* Kuat sangat makan termasuk pengurus-pengurusnya terlalu banyak makan? Macam mana Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Naib Presiden, Naib Presiden.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Itu soalan bukan untuk saya. Barangkali untuk orang lainlah itu. Barangkali sahabat saya akan dapat menjawabnya.

Seorang Ahli: Larut, Larut.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin teruskan di sini. Saya ingin tarik perhatian.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi, sikit lagi. *[Ketawa]* Yang Berhormat, sikit lagi. Saya hendak panjangkan Yang Berhormat bagi Pontian. Dia jaga hoki. Tetapi tidak pernah jaga hoki, dia pun tidak tahu. *[Ketawa]* Jadi, kita mesti lihat *survival* ini, maknanya kalau kita belajar pun, kalau kita ada di perantauan, di tempat orang, kita boleh cuci mangkuk, cuci pinggan, cuci cawan, basuh baju. Kenapa? Kita hendak *survive*. Inilah gambarannya, sebab kita mungkin terlalu mewah dengan segala kemudahan, kewangan dan ganjaran. Seheinggakan macam Hafiz, menang *All England*, orang kata ia nasib. Tetapi bila dapat anugerah macam Nicol David. Nicol David *number one*, pemain nombor satu di dunia tetapi kalah di *Melbourne* dengan pemain yang tidak ada *ranking*. Jadi, inilah kita mesti lihat betapa kemewahan kadang-kadang juga boleh menyebabkan kita akan gagal dalam

pencapaian di peringkat yang lebih tinggi. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dalam faktor ini?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Setuju.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan setakat kebuluran semata-mata. Itu sebagai mental, ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat bagi Larut adalah merupakan orang kuat dalam persatuan bola sepak. Yang sahabat kita tadi hoki ya, hokikah apa?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya pula tae kwan do. *[Disampuk]* Persatuan tae kwan do ini, nampak sahaja macam itu. Tetapi ini....

Beberapa Ahli: Whoaa!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Sebelah saya, Yang Berhormat bagi Arau, ragbi. Saya penolong dia. *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Okey, okeylah. Yang tae kwan do ini pula tidak dapat jadi jaguh peringkat antarabangsa kerana kerenah-kerenah dari segi birokrasinya. Sekarang ini sudah semacam dibawa ke mahkamah. Ini juga merupakan satu lagi faktor disebut sebagai keseluruhan itu, yang tidak membawa kita ke tengah. Jadi perkara-perkara serupa ini mendamaikan 'gajah-gajah' yang berjuang itu. Yang menjadi masalah kita sekarang ini, saya nampak "*gajah-gajah berjuang, pelanduk mati tersepit ke tengah*". Ini juga satu faktor, ini *environment*, faktor persekitaran. Saya kira saya sudah *extrapolate* faktor itu dengan agak menyeluruh. Saya mahu pergi kepada aspek yang

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mati tersepit ini biasalah.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Ketawa]* Iaitu tentang faktor pembangunan modal insan di sini. Saya ingin tarik perhatian terutamanya Kementerian Pelajaran supaya memberi tumpuan kepada kemahiran-kemahiran asas ataupun disebut dalam bahasa Inggeris sebagai *competency based education*. Yang saya perhatikan sekarang ini sekolah-sekolah kita banyak mempelajari tentang kandungan kurikulum, *content* tetapi tidak pula dari segi aplikasinya. Maka dalam konteks ini saya kira, dalam usaha Kementerian Pelajaran membuat rombakan dan pembaikan kurikulumnya itu, harus ditekankan kepada aspek-aspek amali, aspek-aspek praktikalnya. Ini adalah merupakan kata kunci yang cukup penting, yang harus difikirkan masak-masak oleh Kementerian Pelajaran dan juga oleh Kementerian Pengajian Tinggi

dan juga agensi-agens pendidikan yang lain agar kita ini lebih bersifat *action oriented*, *practical based* yang bersandarkan kepada realiti semasa, bukan hanya kepada konsep-konsep dan *framework* yang umum itu, seperti kata pantun Melayu.

Ini, kalau untuk Menteri, saya hendak berpantun kepadanya.

Bukan mudah hendak ketemu;

Kalau tidak pada tempatnya;

Bukan mudah mendapat ilmu;

Kalau tidak dengan amalnya.

Ini menunjukkan kepada kita bahawa amal itu, *practicality*nya itu, dari segi *pragmatism*nya itu, sekali gus diperlukan. Bukan hanya dari segi *conceptual*nya ataupun dari segi *idealism*nya sahaja. Saya ingin juga menyentuh di sini kepada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sains dan juga kementerian yang berkaitan supaya kita memberi perhatian yang serius kepada pembangunan modal insan ini.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin tarik perhatian dari segi ketiadaan sistem pendidikan prasekolah peringkat nasional yang mantap dan seragam.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Bila tidak ada keseragaman. Sekejap sahaja. Saya selesaikan ini, tentang prasekolah ini. Bila tidak ada keseragaman daripada asas tunas, kita mendidik anak-anak ini maka, apabila dewasa nanti, anak-anak ini barangkali akan berkembang menurut cita rasanya yang berlainan. Maka, dalam konteks ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran khususnya, dan juga Kementerian Pembangunan, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini agar menekankan kepada aspek pendidikan prasekolah peringkat nasional yang mantap dan seragam.

Dalam kurikulum pendidikan prasekolah ini juga harus ditekankan kemahiran berfikir, *the* kritis dan kreatif agar kita dapat menerapkan ciri-ciri bersaing, daya saing, daya tahan, daya inovasi dan ini harus dibuat di peringkat awal lagi. Saya kira sudah terlewat kalau sekiranya unsur-unsur ini hendak diterapkan di peringkat universiti. Sekarang kita mengatakan bahawa graduan kita keluar, tidak mempunyai kemahiran yang kritikal, memilih dan juga kemahiran-kemahiran aras tinggi, *high order thinking*,

dengan izin. Saya kira ini adalah merupakan asas-asas yang harus dibina di peringkat sekolah lagi. Saya kira kurikulum di sekolah harus disemak semula. Pengajaran yang bersifat *niche to test* harus dilihat semula. Mengajar untuk menilai, menguji sahaja. Kita harus melihat pendidikan ini adalah merupakan satu usaha kita untuk kita membangunkan segala potensi-potensi fitrah yang semua ada pada diri anak-anak kita.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [*Bangun*]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya. Saya minta maaf. Apa namanya itu, Putra Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Petra Jaya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Petra Jaya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Jadi, kalau dapat Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengembangkan, kalau kita lihat sekarang ini, dalam konteks pembelajaran kita, lebih menekankan kepada sains dan teknologi, seolah-olah kita lupa tentang sains kemanusiaan, sosial sains, dengan izin. Jadi, kalau kita lihat sosial sains sebenarnya ialah mengembangkan kemampuan kita untuk *interact* dan juga melihat kepada misi hidup yang lebih luas. Sinilah yang saya rasa kekurangan yang kita telah buat sebab peralihan kita kepada kepentingan sains dan teknologi sehinggakan kita lupa kepada sosial sains. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin mencadangkan supaya kurikulum kita ini adalah bersifat *holistic* ataupun bersifat bersepadu. Apa yang disebut tadi adalah dari segi disiplin-disiplinnya. Namun dalam setiap disiplin itu, ada kemahiran *inquiry discovery*. Misal kata dalam pengajian matematik dan sains. Demikian juga dalam mata pelajaran kesusasteraan itu. Ada elemen-elemen itu, yang paling penting yang saya nak ceritakan di sini ialah, pertamanya, kurikulum kita harus bersifat bersepadu, *holistic*, menyeluruh, antara zikir dan fikir sekali gus. Antara ukhrawi dan duniawi sekali gus. Antara *reality* dengan *conceptual* itu, harus diseragamkan, disepadukan. Inilah yang disebut tadi itu, bukan mudah nak mendapat ilmu kalau tidak dengan amalnya. Di sinilah menunjukkan bahawa perlunya kesepaduan itu. Selain daripada itu, adalah saya nak tekankan juga, kita tidak boleh mengabaikan kepentingan mata pelajaran Matematik dan Sains. Ini adalah merupakan teras yang penting untuk kita bergerak maju ke hadapan. Tadi sahabat saya, mana tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Ketereh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ketereh, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Kuala Terengganu, kerana bagi saya peluang. Saya tertarik dengan tadika tadi, prasekolah. Yang Berhormat sebut tadi, prasekolah daripada kerajaan. Prasekolah sekolah kebangsaan daripada Kementerian Luar Bandar, daripada Kementerian Pembangunan Keluarga. Tetapi, ada lagi tadika yang banyak adalah daripada pihak swasta. Tadika swasta ini, datang dalam berbagai-bagai bentuk dan namanya cukup menarik. Keadaan *advertisement*, ataupun iklannya cukup menarik. Ramai keluarga tertipu.

Saya sendiri pernah menghantar anak saya pergi ke tadika dengan yuran RM7,000 setahun. Ingatkan selepas pergi 7 bulan, 6 bulan, dia akan keluar sebagai tadika yang terbaik. Tetapi rupanya tidak ada. Sama sahaja, gimik sahaja lebih. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin cadangkan kepada kerajaan supaya satu sistem yang terurus iaitu syllabusnya, sukatananya, kaedah mengajarnya, tempat mengajarnya, gurunya mesti diselaraskan. Sekarang ini, PAS ada tadika dia, PASTI. ABIM, ada tadikanya, TASKI.

Kementerian Luar Bandar ada tadikanya, Tadika KEMAS. Kementerian Pembangunan Keluarga pun ada. Jadi, tak nampak, tak selaras. Walaupun di negara ini prasekolah ini tidak jadi *formal education, is a non-formal education*. Tetapi saya rasa sudah sampai masanya, bila kita bercakap soal modal insan ini, rakyat mesti dibentuk daripada peringkat awal lagi pembentukan pemikirannya. Jadi dari berbagai-bagai aliran pembentukan ini, akhirnya menyebabkan masuk ke sekolah itu, dah payah nak bentuk. Dia daripada rebung dah jadi buluh, sukar untuk dilentur. Minta komen Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, malah dalam cadangan saya itu, tadi pun itulah saya sebut iaitu ketiadaan sistem pendidikan prasekolah peringkat nasional yang mantap dan seragam. Malah 'roh' yang dibincangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Ketereh adalah seperti mana yang saya sebut itu. Ya?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Soal pendidikan, daripada apa yang telah kita bincang selama ini, saya rasa seolah-olah kita sudah keliru dalam sistem pendidikan kita. Ketidakteraturan, semua kecoh. Maka, semua dasar yang dirombak semula, rombak itu laporan Kabinet. Selepas laporan

Kabinet, selepas itu tidak ada sesuatu seperti satu *select committee* diperlukan untuk melihat kembali seluruh sistem pendidikan Malaysia dari peringkat awal sampai ke atas. Kalau tidak, kita entah ke mana, dan ia balik kepada soal cikgu, guru itu dalam bilik darjah. Guru itu bersama anak murid dia. Intinya, kita belajar sains dan teknologi, untuk melahirkan insan kapitalisme, tapi balik kepada tanggungjawab seorang manusia terhadap manusia lain. *That is very important factor, dengan izin. Is the most single important factor in education.* Benda itu sudah diabaikan. So, apa yang boleh kita buat? *Is that any hope? Is that any hope?* Minta penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Malah kita sentiasa memikirkan, kita ada harapan. Kita harus pesimis, tidak pula tutup terus dan kita rasa *that's the end of it*. Kita perlu ada azam, iltizam. Sebab ini, adalah merupakan generasi pewaris kita, masa depan kita, kita harus fikirkan. Kita harus letak itu ke depan, dan kita harus fokus. Kadang-kadang kita rasa sudah keliru apa yang dikatakan kepada sekolah. Sekolah itu apa? Kadang-kadang kita keliru. Saya tertarik baca satu definisi, tentang sekolah. *A school is a building, there's four wall, with the future inside.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bahasa Melayu ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Dengan izin, dalam bahasa Melayu ya, sekolah, habis dah?

Tuan Yang di-Pertua: Gunakan bahasa Melayu sikit.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Sekolah adalah bangunan yang mengandungi empat dinding. Di mana di dalamnya terdapat masa depan. Empat dinding ini harus dihiasi dengan sebaik mungkin. Dengan wataknya, dengan personalitinya, dengan sahsiahnya, dengan segala aspek fizikalnya, dan ini adalah merupakan masa depan kita. Salah pewarnaan dan pencorakan kepada empat tampang dinding ini. Ini bakal merosakkan kita. Maka dalam konteks ini, saya kira fokus kepada pendidikan ini, harus diberi keutamaan. Lebih-lebih lagi dalam usaha kita sekarang ini nak menggandakan kemajuan. Nak berdaya saing, nak memastikan kita mempunyai duduk sama rendah, berdiri lebih tinggi daripada yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Falsafah. Yang Berhormat, boleh tak penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya tak habis lagi ini. Apa dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat kata sekolah empat dinding di dalam itu, adalah masa depannya. Tapi saya dok ingat anggapan orang kata, bahawa di rumah pun empat dinding, tapi ada syurga di

dalamnya. Jadi Yang Berhormat bersetuju tak dengan saya? Rumah itu syurgaku.
[Ketawa]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yalah. Sekolah pun begitu juga kalau kita asuhnya dengan baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Do you agree with me?*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yes, yes.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, tak payah saya *respond*lah itu sebahagian daripada ucapan saya juga. Seterusnya, saya ingin sentuh di sini, ialah tentang prestasi akademik yang berbeza di antara pelajar bandar dengan luar bandar. Mari kita sokong rancangan dan gagasan daripada Kementerian Pelajaran, khususnya dalam usaha mereka nak memastikan setiap anak-anak kita ini, access dengan izin, menggunakan perkataan *access*, Menteri kita. *Accessibility, equity, quality*, saya kira ini adalah merupakan konsep-konsep yang mesti direalisasikan. Jangan kita biarkan *gap*, lompong, dari segi pelaksanaannya. Malah peruntukan dari segi pembangunan pendidikan telah diberi begitu lumayan sekali. Sekolah-sekolah yang terasing dan terbiar, misal kata di Sabah dan Sarawak itu, kita sokong 100% agar diberi *access* kepada mereka yang sebaiknya. *Equity, quality, delivery* ini, harus diberi keutamaan. Tetapi ingat, tidak cukup hanya memberi *treatment* yang biasa sahaja kepada sekolah-sekolah yang luar biasa itu. *It's not enough to treat the unequal - equally*, dengan izin. *To treat the unequal - equally*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa erti?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Anak-anak kita yang di luar bandar itu, yang berbeza keadaannya, tidak boleh kita hanya mengambil tindakan yang sama rata sahaja, sebab mereka mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya nak mencadangkan di sini, dari segi pedagoginya barangkali. Pedagogi yang berteraskan kepada *local*.

Tuan Yang di-Pertua: Pedagogi itu apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pedagogi itu apa? Saya kata 'groggi'. [Ketawa]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kaedah pengajaran.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Berus gigi pagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ini rakan-rakan perguruan saya ada di sini. Ini adalah merupakan perkara yang cukup penting sekali, agar kita ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika nak berucap, ucap seolah-olah ucapan itu difahami oleh orang-orang kampung. [*Dewan riuh*]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ini intelektual.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Wakil rakyat kampung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hasil daripada empat dinding, sekolah empat dinding itu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Selain daripada itu, saya juga perhatikan bahawa anak-anak kita sekarang ini sedang menghadapi masalah yang disebut sebagai keciciran. Sudah banyak dibincangkan. Mari kita ambil tindakan-tindakan ke arah membanteras masalah keciciran ini. Selain daripada itu, ramai pelajar lepasan SPM, yang tidak.. sabar sekejap sahaja.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat .

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sabar sekejap sahaja. Yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Satu kajian menunjukkan bahawa terdapat peratusan yang tinggi, iaitu kira-kira 30% daripada jumlah pelajar yang keciciran dari sistem pendidikan menengah. Ini merupakan satu kerugian, satu ketirisan telah berlaku dalam sistem pendidikan kita. Dan marilah kita mengambil satu resolusi di Parlimen yang mulia ini untuk memastikan ketirisan dalam sistem pendidikan kita ini dapat diambil tindakan dan perhatian yang serius. Sebab ini adalah merupakan satu pembaziran kepada tenaga sumber manusia yang begitu penting kepada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Dah cukup dah?

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit sahaja lagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya tak simpul lagi. Sekejap lagi. Ya?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sikit, sikit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya amat tertarik apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu kerana beliau serius dalam membela nasib pelajar-pelajar kita di luar bandar, saya kira. Kalau kita perhatikan Yang Berhormat ya, saya minta pandangan

Yang Berhormat, kalau kita lihat sekarang, di mana-mana pun masyarakat kita, sama ada di bandar ataupun di luar bandar, memberikan penghormatan dan penghargaan yang tinggi kepada pelajar-pelajar kita yang berada di asrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara dan sebagainya, sedangkan pelajar-pelajar ini berasal daripada luar bandar, daripada kampung-kampung tradisional.

Yang mana menunjukkan bukti kecemerlangan pendidikan mereka dan mereka dimasukkan di sekolah asrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara dan sebagainya. Tetapi sekarang ini kita lihat, anak-anak kampung yang tinggal ini, yang Yang Berhormat sebut, Dato' Yang Berhormat Kuala Terengganu sebutkan tadi, tidak terbela. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian Pelajaran ataupun kerajaan memberikan perhatian serius bagi membela semula anak-anak pelajar kita yang tinggal, yang tidak ditakrifkan sebagai cemerlang ini? Kerana mereka juga boleh dibina, kerana saya perhatikan, saya juga daripada luar bandar, sebab apa, sumbangan, peruntukan, kemudahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah luar bandar ini agak kurang berbanding dengan sekolah-sekolah di bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terus gulung Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik. Banyak perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri, selain daripada kementerian-kementerian yang lain untuk membela anak-anak kita yang terasing, terbiar di luar. Misal kata, Kementerian Pelajaran sendiri, bekalan buku, susu, pemakanan dan serba macam lagi ini, serba macam lagi yang telah diberi. Tapi satu perkara yang harus disemak di sini, dari segi *deliverynya*. Setakat manakah benda-benda ini sampai kepada anak-anak kita?

Setakat manakah susu yang diberi itu benar-benar berkhasiat, boleh mendatangkan kesejahteraan kesihatan fizikal kepada anak-anak kita ini. Ini perlu diambil kira dan diperhatikan sungguh-sungguh. Ini adalah faktor *deliverynya*, penyampaiannya adakah benar-benar sampai.

Saya ingin tarik perhatian, yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, yakni tentang kemajuan rancangan untuk memajukan daerah dan wilayah yang disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu sebagai koridor timur, koridor utara, selatan, Sabah dan Sarawak. Saya ingin tarik perhatian iaitu di kawasan koridor timur ini, saya perhatikan di koridor timur memang ada industri-industri. Tetapi industri-industri yang tidak mempunyai, dengan izin, bahasa Inggeris, *anchomya*, yang tidak bersauh dalam

masyarakat tidak dapat berkembang dan memberi sumbangan yang besar, tidak akan memberi *the spill over effect* kepada ekonomi.

Maka saya ingin mencadangkan dalam agenda koridor, terutamanya koridor pantai timur ini supaya kilang-kilang yang besar, multinasional misalnya, dapat diwujudkan di situ supaya kesan-kesan *ripple*, perolakan itu dapat berlaku dan ini dapat menjanakan pula dan dapat membangun keadaan masyarakat, terutamanya yang di Terengganu disebut juga sebagai di antara negeri yang taraf kemiskinannya yang agak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sekian, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

3.12 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, pada masa dan ketika Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu, maka tepukan dan riuh-rendah sorai kita mengiringi ucapan Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sorak tepukan sorai itu belum tentu menjadi satu indikator yang akan menentukan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya yakin dan percaya pada hari pertama Allahyarham Tun Abdul Razak membentangkan Dasar Ekonomi Baru dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 1971, saya juga yakin bahawa sorak dan sorai itu juga bergema dan tepukan yang bergemuruh mengiringi ucapan beliau. Tetapi hakikatnya pada hari ini ialah daripada Rancangan Malaysia Yang Pertama sampailah Yang Kelapan, kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM800 bilion dan ditambah dengan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM220 bilion.

Apa yang menariknya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi masalah kepada kita dan yang menyayat hati kita semua ialah bila angka keramat 30% pemilikan ekuiti bumiputera terpaksa lagi diheret kembali ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan ini telah menjadi satu mitos. Realitinya angka keramat itu, 30% pemilikan ekuiti orang Melayu yang diharapkan oleh DEB telah menjadi satu mitos, tidak menjadi satu kenyataan dan dibawa kembali ke Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu dan dimasukkan dalam visi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang menjadi petualang terhadap gagalnya DEB ini? Di manakah silapnya? Siapakah yang menjadi duri dalam daging? Dan siapakah yang menjadi pengkhianat kepada perjuangan negara ini? Saya merujuk kepada satu jurnal yang dihasilkan oleh fakta '*genuine confusion*' yang dikeluarkan oleh UNDP, No. 0.492, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang menjadi masalahnya lagi dalam negara kita? Kita telah habis RM800 bilion, ditambah sekarang dengan RM220 bilion. Bukankah yang menguasai pentadbiran negara ini ialah orang Melayu? Bukankah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia orang Melayu? Bukankah pentadbiran awam negara ini dimonopoli orang Melayu? Bukankah semua IPTA negara ini dikuasai oleh orang Melayu? Bukankah menteri besar di Semenanjung Malaysia semuanya orang Melayu? Bukankah Yang Dipertuan Agong dan raja di negara ini semuanya orang Melayu? Bukankah majoriti Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri terdiri daripada orang Melayu? Di manakah silapnya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya merasakan telah sampai pada hari ini, untuk kita sebagai wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini untuk membuat satu muhasabah yang telus, yang jujur dan berani untuk memperakui siapakah sebenarnya menjadi pengkhianat kepada perjuangan ini. Adakah Melayu telah membunuh bangsanya sendiri yang menyebabkan kita masih lagi gagal untuk mencapai apa yang dihasratkan di hari pertama selepas tragedi 13 Mei berlaku ialah untuk merapatkan jurang antara kaum yang diakui oleh pakar-pakar ekonomi termasuk yang masih hidup pada hari ini, Prof. Diraja Ungku Aziz yang mengatakan terjadinya tragedi malang itu adalah disebabkan oleh perbezaan pendapatan antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya sahabat saya. Dalam pemikiran Yang Berhormat, di manakah Yang Berhormat akan meletakkan orang seperti saya ini yang daripada kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak? Kalau di Sarawak, kami adalah mungkin dalam lingkungan 60% daripada penduduk Sarawak. Jadi dalam hujah-hujah Yang Berhormat, di mana tempat kami?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, jangan bimbang. Yang saya maksudkan ialah kita melihat kepada gambaran yang lebih besar, visi yang lebih besar iaitu pencapaian bumiputera yang sebenarnya yang saya maksudkan tanpa mengira agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak merangka dasar untuk membawa agihan kekayaan yang lebih merata kepada seluruh kaum bumiputera tetapi pengganti beliau telah menukarkan dasar ini kepada dasar yang bermatlamat mewujudkan segelintir kaum bumiputera yang kaya-raya. Kita harus akui hakikat ini. Jangan kita lagi berjuang untuk memperjuangkan slogan, *managing the slogan*, dengan izin, *managing the symbol*. Sudah sampai pada hari ini, generasi pada hari ini, generasi Malaysia ini kita mesti berani melangkah ke hadapan untuk kita *managing the substance*. Kita mesti berani untuk menyatakan yang benar, siapakah sebenarnya petualang dalam masalah yang kita hadapi pada hari ini, yang menyebabkan bumiputera pada hari ini masih jauh ketinggalan dalam negara ini.

50 tahun orang Putih meninggalkan negara kita. 50 tahun mereka telah keluar dari negara kita. Kenapa pendapatan bumiputera masih lagi yang paling rendah dalam negara kita. Ini persoalan yang mesti kita jawab dengan penuh tanggungjawab, kita lempar sentimen apa yang berlaku pada hari ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyebut tentang laporan daripada *United Nation Human Development Report* sebentar tadi yang jurnalnya ditulis oleh penulis yang disebut oleh Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah penulis tersebut telah meletakkan perbezaan jurang pendapatan Malaysia berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini pada tahun 1999, 1970 berbanding dengan sekarang. Boleh Yang Berhormat *elaborate*, kembangkan perkara tersebut?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya akan sampai ke tahap itu, Insya-Allah. Apa yang berlaku pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua ialah lahirlah segelintir jutawan dan *billionaire* bumiputera yang rapuh seperti Halim Saad, Anuar Othman, Tajuddin Ramli dan lain-lain.

Apabila negara dilanda dengan krisis kewangan tahun 1997, 1998, usahawan yang rapuh ini semuanya rebah dan membawa bersama-sama mereka harta kaum bumiputera yang diamanahkan kepada mereka. Kalaulah Allahyarham Tun Abdul Razak layak digelar Bapa Pembangunan, apakah hari ini kita berani dengan segala fakta, dengan segala maklumat yang kita ada, mengatakan bahawa Tun Mahathir Mohamed bekas Perdana Menteri kita bersama-sama dengan bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin layak dipanggil Bapa Ekonomi koronisme Malaysia. Terpujulah kepada sejarah untuk mengadili mereka Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua apa yang menjadi musuh, setelah saya meneliti beberapa jurnal yang dilaporkan dalam kita membicarakan tentang masalah ini. Maka ada empat musuh utama yang menyebabkan gagalannya Dasar Ekonomi Baru. Yang pertama gagalannya apa yang dinamakan sistem penyampaian yang dikaitkan dengan amalan rasuah yang tidak berkesudahan. Yang kedua gagalannya apa yang dikatakan '*redistribution of wealth*' iaitu gagalannya kita menyampaikan dan mengagihkan kekayaan negara kepada setiap rakyat yang ada dalam negara kita. Yang ketiga wujudnya jurang ekonomi yang masih melebar antara kaum. Yang keempat tahap perpaduan yang semakin kritikal dalam negara kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita mahu mengakuinya atau tidak, maka saya sangat serius bila melihat apabila tahap perpaduan ini sampai ke tahap yang paling kritikal di mana sembilan orang menteri menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Malaysia. Ini satu hal yang saya rasa perlu diambil sebagai satu perkiraan yang penting, satu indikator yang akan menentukan tahap perpaduan dalam negara kita.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya tertarik dengan apa yang telah dibincangkan, yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tentang pandangan-pandangan. Di sana ada beberapa perkara yang menghalang pencapaian bumiputera yang sekian lama belum lagi sampai kepada 30 % ekuitinya dan di sana disebut penghalang-penghalang besar. Apakah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bersetuju bahawa, Malaysia ini tidak pernah diperintah oleh parti-parti lain. Tidak pernah diperintah oleh parti PAS, tidak pernah diperintah oleh DAP, tidak pernah diperintah oleh sosialis dan lain-lain parti. Oleh kerana ia diperintah oleh UMNO dan

Barisan Nasional. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa, apakah Yang Berhormat boleh meletakkan kalau tidak kesemua kesalahannya itu, di atas bahu-bahu mereka inilah sebenarnya. Ia menjadikan bumiputera tergolong daripada golongan-golongan duafa bukan sahaja daif tetapi 'afdu duafa' yang paling daif di negara ini. apakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya daripada Pasir Mas. Saya bersetuju dengan kenyataan itu dan kita pada hari ini mestilah berani. Peranan yang dimainkan Parti Pembangkang, peranan yang dimainkan oleh parti-parti dalam kerajaan itu sendiri, pada hari ini kita mestilah berani untuk mengakui dan mencari siapakah pengkhianat yang sebenarnya. Saya bersetuju dengan ucapan rakan-rakan daripada *backbencher* sebelum ini bahawa Perdana Menteri Malaysia dengan ucapannya itu tidak boleh dibiarkan keseorangan. Dia mesti dibantu, dia mesti diberikan segala input untuk dia bertindak, untuk menjayakan apa yang dia telah sebut dalam Dewan yang mulia ini. saya daripada PAS, saya bersedia untuk bekerja untuk membanteras, untuk memerangi pengkhianat kepada negara ini Insyallah demi kepentingan negara.

[Tepuk]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih sahabat saya daripada Kubang Kerian. Saya meneliti ucapan sahabat saya ini daripada awal. Saya tengok dia bercanggah dengan ucapan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Ketua Pembangkang. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak bersetuju langsung soal tidak cukup 30% ini di bawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Dia kata kenapa mesti dibawa? Ini adalah tidak patut sebab sudah lepas. Sementara sahabat saya daripada Kubang Kerian pula meminta supaya ianya diteruskan kerana ada masalah-masalah yang telah kita hadapi dan saya yakin dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menyatakan kenapa ia berlaku demikian. Ekonomi krisis, soal liberalisasi, soal kebocoran yang sama-sama kita perangi dan saya menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang mengatakan bahawa beliau ingin bersama untuk turut memastikan bahawa kebocoran ini tidak berlaku.

Soalan saya, penjelasan yang saya hendak tanya ialah, apakah Yang Berhormat hendak 30% ini disambung terus atau tidak atau ianya perlu jadi 50%, tambah lagi, daripada 30% jadi 50% atau 70%, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Kalau mengikut ajaran Islam Tuan Yang di-Pertua, kekayaan negara ini sebenarnya milik kita semua, milik rakyat.

Tetapi Islam juga mengajar untuk kita membela kaum yang lemah, kaum '**mustrafil**' kaum yang ditindas, maka inilah perjuangan kita bersama. Kita mahu semua yang hidup dalam negara kita ini, sama ada yang telah dipersetujui dengan dasar kontrak sosial itu hidup dan terus hidup, generasi demi generasi yang dapat kita bahagikan, agihan kekayaan mengikut keperluan dan haknya adalah menjadi tanggungjawab kita bersama, terima kasih sahabat saya daripada Ketereh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tetapi dua hal sekejap.. sekejap, habiskan ini . Tetapi dua hal yang membingungkan. Pertama dalam bidang ekonomi, kita masih jauh ketinggalan. Ini satu angka yang tidak boleh kita pertikaikan dalam kita membincangkan soal ekonomi pada masa akan datang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit, sikit saja Nanti sudah terlepas. Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebagai orang UMNO, saya hendak salahkan PAS. Sebab saya bagi contoh kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat baru sepenggal Alhamdulillah kita bersyukur. Cuba Yang Berhormat perhatikan, di mana juga ada kekuatan PAS ataupun PAS memerintah, di situlah kegagalan orang Melayu. Saya bagi contoh di Kelantan, okey, Kelantan PAS memerintah pada hari ini. Apa yang ada di Kelantan? Tidak ada apa, pelabur takut masuk di Kelantan, tanya sendiri Yang Berhormat bagi Ketereh dan beberapa rakan yang lain. Cuba tengok di Johor, apabila PAS tidak kuat di Johor, Johor maju pada hari ini. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya punca yang menyebabkan, kita UMNO ini terpaksa tumpukan kepada segala perbuatan PAS yang tidak begitu betul, terpaksa kita habiskan masa hendak perbetulkan dengan menghadapi PAS ini, maka sebab itulah kita ketinggalan sedikit dalam memperbetulkan masalah orang Melayu ini, apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, politik ini bukan macam main bola. Main bola ini padang sebelah-sebelah. Politik ini kita kena ambil pendekatan yang holistik. Saya hendak sebut sebuah buku Tuan Yang di-Pertua, bagaimana suatu empayar yang telah dibuat oleh Shagun Tokugawa ini. Sebuah buku yang bertajuk dengan izin 'Samurai and Silk: A Japanese and American Heritage' yang ditulis oleh Haru Maksukata . Ini bangsa yang perlu kita teladani. Bangsa yang telah

maju ke hadapan, yang jenama mereka, kereta mereka dan mereka boleh beli pasaran dunia dengan kekuatan ekonomi mereka. Kalau kita berhujah dengan mengatakan suatu kes Kelantan diperintah oleh PAS kerana itu mundur, saya hendak tanya sejak bila Sarawak ini diperintah oleh PAS? Dan Sabah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi contoh di mana adanya PAS.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Di mana adanya PAS, kita perintah Kelantan yang ada pada hari ini. Kita memerintah dengan segala apa yang ada pada kita. Kita perintah Terengganu dahulu, tetapi kita ibarat diikat kaki tangan suruh berenang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah, apabila tidak menguntungkan PAS, salahkan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum, kali kedua ini. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh? Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana telah menerima apa yang telah saya sebutkan tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat, saya mengikuti ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat juga seorang pejuang bangsa, pejuang agama. Yang Berhormat sebut tadi, 50 tahun kita merdeka, kita juga harus bersyukur, walaupun kita masih belum mencapai matlamat 30% dari segi ekonomi dan juga dari segi lain-lain. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita juga mendapat nikmat daripada hasil kemerdekaan dari segi pendidikan, kesihatan, pembangunan dan sebagainya.

Kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara jiran kita yang sudah 100 tahun merdeka tetapi masih lagi kemunduran, kelaparan, kemiskinan dan sebagainya. Dan, satu lagi faktor saya ingat, kegagalan ini adalah disebabkan, sejarah harus kita ingat, sejarah Hang Tuah, Hang Jebat, sejarah kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. Ini adalah disebabkan oleh pertelingkahan di antara sesama kita menyebabkan ia juga menyekat kejayaan dari kita mencapai dasar ekonomi baru. Di samping itu juga

disebabkan oleh pengkhianatan orang-orang yang kita harap, yang kita telah beri peluang untuk menolong tetapi mereka gagal mencapai matlamat dan harapan yang telah diberikan kepada mereka.

Jadi, bagi sayalah kita harus juga melihat bahawa kebaikan, kenikmatan yang kita dapat hari ini kalau hendak dibandingkan dulu dan walaupun kita masih mengejar untuk mencapai matlamat itu tetapi kita harus bersyukur juga dengan kejayaan. Kita lihat *student* yang ada hari ini, saya ingat zaman kita dahulu kita tidak mampu Yang Berhormat untuk hendak menjejak kaki ke Kuala Lumpur. Kalau kita cermin pun, Tuan Yang di-Pertua, kita belah, pasal dulu cermin dia jenis buka sendiri, kita orang kampung mana kita tahu. Kadang-kadang masuk-masuk terkepit. Jadi, sekarang ini sudah berjaya, jadi Yang Berhormat bersetuju tidak dengan pandangan saya? Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, sahabat saya daripada Jerai. Saya boleh bersetuju kalau kita menoleh sejenak ke belakang kita mungkin lebih baik daripada sebelum merdeka tetapi apa yang saya bicarakan pada hari ini ialah bila angka keramat itu tidak sampai dan saya suka untuk mengulangi tadi apa yang disebut dalam buku ini tadi, bangsa Jepun, kita baca satu jurnal yang sangat mustahak apabila banjir kereta-kereta dari Korea ke pasaran dunia. Apabila Jepun memanggil suatu persidangan Parlimen yang mengarahkan satu jawatankuasa dibentuk, mereka memilih *the best brain*, dengan izin, di kalangan mereka. Bila mereka mengeluarkan apa yang mereka kaji dalam *research* mereka, mereka tidak mengatakan mereka puas hati dengan apa yang ada pada hari ini.

Sedangkan mereka telah membeli dunia dengan *Honda*, mereka membeli dunia dengan *Toyota*, mereka membeli dunia dengan *Fujitsu*, *Matsushita*. Di tahap itu pun mereka hari ini tidak sekali-kali merasa puas dengan apa yang mereka ada. Saya merasakan orang Melayu dan kita semua mesti belajar dengan sikap yang ada pada hari ini, yang dimiliki oleh orang-orang Jepun. Maka dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada tajuk di mana satu lagi ancaman yang paling besar yang akan menggagalkan Rancangan Malaysia Yang Kelapan ini dan ada empat Rancangan yang berjalan selari, Wawasan 2020, Dasar Wawasan Negara, Rangka Rancangan Jangka Panjang yang Ketiga dan termasuklah Rancangan Malaysia Yang Kesembilan adalah bila ada pihak yang sekarang ini sedang berunding dengan pihak Amerika Syarikat untuk menandatangani apa yang dikatakan FTA dengan Amerika Syarikat.

Dan, kita telah pun selesai menandatangani perjanjian FTA dengan Jepun, satu perjanjian yang sangat ditentang oleh negara-negara yang faham, negara-negara yang

mereka sifatkan perjanjian yang berat sebelah, perjanjian yang akan membunuh masa depan sektor pertanian, sektor pembuatan dalam negara mereka. Dan hari ini, hari ini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang begitu sibuk sekali mengatur rundingan demi rundingan untuk Malaysia menandatangani perjanjian ini dan ini adalah merupakan musuh yang sangat besar akibatnya dan implikasinya kepada negara kita apabila kita bersedia untuk menandatangani perjanjian ini.

Tidakkah cukup pegawai-pegawai daripada MTEN, Jabatan Perdana Menteri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan UPU yang mahir, ekonomi kita di mana? Adakah kerajaan juga mendengar nasihat daripada mereka semua tentang bahaya FTA ini? Dan, rakyat seperti Thailand sebagai contoh, mereka faham, petani di Thailand faham bagaimana kesan dan akibat apabila negara bersedia untuk menandatangani perjanjian ini dengan Amerika Syarikat. Oleh itu saya mengharapkan kalau kita benar ikhlas dan jujur, kalau kita tidak mahu menjadi suatu moto yang ditulis oleh sejarah akan datang bahawa Melayu ini membunuh orang Melayu sendiri. Maka, saya mengharapkan bahawa kita mesti sama-sama memerangi supaya perjanjian FTA ini tidak akan berlaku dalam negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesannya bukan sedikit. Kalaulah orang lain boleh memberikan kita pelbagai fakta, risiko yang berlaku termasuklah apa yang saya dapati dari *third world network* yang berpusat di Pulau Pinang, *Sunny Yaw Red Smith* berkata FTA ini boleh disifatkan sebagai penjajahan ekonomi oleh Amerika Syarikat terhadap Malaysia. Kita telah 50 tahun ditinggalkan oleh penjajah. Kita ditinggalkan oleh penjajah, 50 tahun kita merdeka kita tidak capai apa yang kita mahu., hari ini kita bersorak bersurai untuk meraikan RMK-9, kita menjadi juara dalam menyuarakan apa yang kita mahu yang terbaik untuk negara tetapi ada pihak, ada menteri sendiri yang hari ini membuat kerja-kerja untuk membolehkan Amerika Syarikat menjajah ekonomi negara kita dan apa kesannya terhadap negara kita.

Saya telah membuat soalan bertulis, saya telah membuat ucapan dalam sesi yang lalu, apa kesannya mendesak menteri supaya mendedahkan apakah kesan FTA. Kita dengan Jepun apa kesannya kepada kita, apa faedahnya kepada kita jangka pendek dan jangka panjang?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya cukup hairan, adakah pakar-pakar ekonomi negara tidak memberikan nasihat ataupun nasihat mereka tidak didengari oleh kerajaan yang ada pada hari ini apa kesannya? Orang lain bertungkus-

lumus menanam padi, kita bercakap pasal petani, kita wakil rakyat bercakap pasal penoreh getah, kita bercakap pasal pekebun kecil, apa yang boleh kita dapat dengan FTA pada Jepun? Jepun memberikan kita kelonggaran, Malaysia boleh eksport buah, buah apa yang kita hendak eksport? *[Disampuk]* Kita makan limau Mandarin, kita makan limau dari Siam, laici dari Siam, semuanya kita import. Apa yang kita hendak eksport dan apa faedahnya perjanjian ini demi masa depan negara. Saya mahu menteri yang berkenaan menjawab persoalan ini dengan jujur di dalam Dewan yang mulia ini. Sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat ini mengatakan bahawa FTA memberi kesan yang buruk dan juga FTA memberi kesan yang negatif kepada ekonomi negara. Tujuan utama mengadakan sesuatu FTA bagi sesebuah negara ialah untuk mengurangkan kos ataupun harga sesuatu barang di mana sesebuah negara itu mempunyai *competence advantage*.

Sebagai contoh, kalau kita boleh mengeluarkan barang-barangan yang baik dan *high quality*, kalau kita jual di negara lain dengan harga yang lebih tinggi, kalau kita ada FTA dengan Amerika Syarikat, kita jual di negara Amerika Syarikat dengan murah sedikit ini bermakna menambahkan permintaan barang-barang tersebut, maka pendapatan rakyat di sini ataupun pengeluar-pengeluar di sini mendapatkan perniagaan yang baik dan lumayan dan begitu juga di Amerika Syarikat. Saya tidak nampak apa-apa kesannya. Kalau kita hendak cakap produk-produk pertanian mungkin di dalam FTA kita boleh menggariskan apakah produk ataupun *item-item* yang kita boleh mempunyai *competence advantage* baru kita masuk dalam FTA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau tidak ada kita tidak payah. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya daripada Puchong. Sebagai contoh, bila kita sain *agreement* ini dengan Amerika Syarikat, Jerai bercakap pasal padi, Yang Berhormat Mulia Arau bercakap pasal pertanian. Kita mesti faham bahawa barang-barang pertanian Amerika Syarikat.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa maksudnya padi dengan *let say* baja, kalau kita tidak ada *competence advantage* jangan mahu masuk dalam *item* itu. So, itu bukan dalam FTA dengan Amerika Syarikat, itu maksud saya.

Kita mesti masuk dengan produk-produk yang kita boleh jual di luar negara dengan kos yang munasabah, baru kita masuk dalam FTA. Kerana dalam FTA, kita boleh mengadakan satu senarai barang-barang dengan harga tertentu dengan *structure tax* yang tertentu, itu yang saya maksudkan dengan FTA. Kalau kita tak faham apa itu FTA, kita tak boleh cakap apakah kesan dia, negatif dan juga melemparkan tuduhan demi tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong bukan minta penjelasan, Yang Berhormat Puchong berikan penjelasan kepada Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ekonomi ada dua segmen Tuan Yang di-Pertua, ada makro dan ada mikro. Dan Amerika Syarikat bila mempelawa FTA ini kepada Malaysia sudah tentu mereka mahu untung, keuntungan yang mereka mahu. Sebagai contoh, bila barang mereka masuk dalam negara kita, barang-barang pertanian sebagai contoh, padi, gandum, Amerika Syarikat kongresnya mengawal subsidi barang pertanian mereka. Kita tidak boleh masuk, kita eksport beras, apa yang boleh kita nak eksport kepada Amerika Syarikat? Kita nak jual barang kita, kejuruteraan yang ada dalam pertanian kita, adakah kita mampu untuk menangani barangan mereka? Ini yang kita perdebatkan Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya melihat bahawa FTA ini mesti dikaji secara holistik, bukan hanya pada satu aspek perjanjian itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya nak buat teguran. Teguran itu adalah masa cukup, boleh gulung.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Akhir sekali, saya minta dua atau tiga minit. Akhir sekali, saya nak masuk kepada apa yang dinamakan modal insan. Kalau kita menyebut tentang *human capital* untuk mewujudkan apa yang dinamakan “K Society”. Masyarakat yang berilmu, kita mahu supaya, apabila kita membicarakan tentang gagalannya kita mencapai matlamat kita, kita tidak mahu jadi orang Melayu dan bangsa Malaysia yang tidak ada manusiawi. Apabila kita menyebut tentang modal insan, kita jangan lupa dua aspek yang lain, iaitu tentang apa yang disebut dalam perbahasan-perbahasan yang berbentuk intelektual iaitu tentang komponen yang mesti diambil kira bila kita mahu melahirkan modal insan.

Kita tidak boleh hanya bergantung kepada IQ sahaja, tidak boleh bergantung kepada hanya satu aspek. Kita mesti juga bergantung kepada EQ, *emotional intelligence* dan juga penemuan baru yang sangat penting adalah tentang SQ iaitu *spiritual intelligence*. Modal insan tidak akan dapat tercapai dan berdiri dengan sendiri tanpa adanya *spiritual capital*, modal kerohanian yang mesti dimiliki oleh setiap orang dalam negara kita. Maka saya dengan ini meminta supaya Kementerian Pendidikan Tinggi supaya dapat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: supaya dapat kita menyerapkan ketiga-tiga elemen ini supaya modal insan yang bakal lahir 5 tahun dan 10 tahun yang akan datang, akan menjadi insan ataupun manusia yang jelas manusiawi, bukannya manusia yang tinggi ilmunya, yang tinggi pangkatnya, tinggi kedudukannya tetapi membunuh mangsa sendiri yang insya-Allah kita akan dapat capai kalau ketiga-tiga komponen ini kita ambil kira, sebagai fenomena yang penting dalam pendidikan kita pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang hujung sekali, Kuala Krai.

3.44 ptg.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan RMK-9 yang merangkumi pembangunan holistik.

Saya juga mengambil kesempatan di sini bagi pihak Kelantan dan khususnya Kuala Krai merakamkan setinggi pujian dan tahniah kerana telah berjaya membentangkan satu Universiti Darul Naim. Dan kita berserulah baru tadi Kubang Kerian telah bangun dah beliau telah nyatakan beliau akan bersama, dan saya seru kalau dahulu dia membangun bersama Islam, sekarang kita seru supaya dia membangun bersama BN, insya-Allah.

Saya tidak merangkumi, saya tidak merasa ragu untuk menyatakan di sini bahawa RMK-9 berjaya menjangkau Malaysia ke tahap yang diimpikan pada tahun 2020 ataupun lebih awal lagi, insya-Allah. Kita berharap apa yang dirancang akan dilaksanakan sepenuhnya supaya hasilnya dapat dinikmati sepenuhnya oleh segenap

lapisan masyarakat. Pengajaran dari pelaksanaan RMK-8 perlu dijadikan iktibar serta panduan di dalam menguruskan RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan mahukan rakyat bermentaliti kelas pertama ataupun *first class mentality*. Ini mestilah rakyat yang sihat, maka di sini saya ingin menyentuh mengenai dengan kesihatan yang perlu mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bersama kita pada petang ini. Isunya adalah bilangan dan tenaga pakar di hospital ramai tetapi tidak ada peralatan di seluruh negara. Contohnya yang saya boleh berikan adalah di tempat Parlimen saya iaitu di Kuala Krai, yang merupakan hospital yang kedua terbesar di negeri Kelantan. Hanya perkhidmatan kesihatan kepada penduduk termasuk bukan sahaja Jajahan Kuala Krai tetapi juga Gua Musang dan insya-Allah sekarang ini Jeli bila terbina jambatan Dabung. Jumlah penduduk adalah sekitar 500 ribu orang, kita ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sikit?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya, tahniahlah pasal Universiti Darul Naim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang dia sentuh perkara berkaitan hospital.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia masuk juga ini Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah kepada rakyat Kelantan kerana dapat sebuah menara gading yang baru sebagai lambang kemegahan perjuangan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya nak tanya Yang Berhormat, universiti ini diperolehi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan kalau boleh biarkan Yang Berhormat selesaikan masalah hospital.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tadi sebut pasal universiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hospitallah dia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh ya pasal universiti tadi? Ya, saya nak tanya apakah universiti ini diperolehi atas perjuangan PAS atau perjuangan tulen UMNO dan Barisan Nasional. Minta sedikit penjelasan Yang

Berhormat supaya pelajar-pelajar kita di sini dan seluruh rakyat Kelantan nampak perjuangan Barisan Nasional. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Larut. Memang tepat kerana inilah perjuangan kita daripada UMNO, walaupun PAS telah impikan benda ini dengan nama Darul Naim, tetapi malangnya impian itu tidak tercapai. Akhirnya Barisan Nasional juga dapat. Terima kasih Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bermakna kalau selagi PAS memerintah, selagi tu tak majulah Kelantan ya?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, insya-Allah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini sebagai satu maklumat penting kepada rakyat Kelantan, supaya pandai-pandailah lepas ini untuk ...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Itulah saya seru tadi supaya PAS membangun bersama BN, bukan bersama Islam lagi. Islam tu memang hak kita, kita bangun sentiasa insya-Allah. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krai. Saya menghormati pandangan dan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai. Tinggal lagi saya terkilan apabila Yang Berhormat Kuala Krai mengatakan bahawa, "Kita jangan membangun bersama Islam".

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Saya kata, "Kita membangun bersama Islam kerana hak kita Islam dah", tetapi saya seru supaya membangun dengan BN sekali.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Itu yang kedua.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tidak kata, "Tidak membangun bersama Islam kerana kita memang Islam, kita sentiasa dengan Islam", salah tadi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang Berhormat tak faham, minta tarik balik.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tidak tarik balik, itu yang maksud saya. Saya kata, "Islam itu hak kita sedia ada", kita bukan nak kata, "Tidak membangun bersama Islam", kita mesti Islam.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Semua orang dalam Dewan ni mendengar bahawa, “Kita tidak mahu membangun bersama Islam”, kemudian Yang Berhormat kata, “Kita mahu membangun bersama BN”.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tak, tak dengar, kita kata, “Kita memang Islam, kita membangun bersama Islam tetapi sementara itu kita mesti membangun bersama BN”.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya bersetujulah Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, ya terima kasih. Salah tadi, jadi nak tarik ke kerana fahaman saya itu memang begitu, kita memang Islam, kita sentiasa bersama Islam, kita Islam dari bawah lagikan? Jadi saya seru supaya PAS mari bersama membangun dengan BN pula. Terima kasih Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya bersetuju.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Saya tidak lari daripada itu, kita sama-sama Islam.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya menyokong kerajaan nak buat universiti.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ha, yang itu okey.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bukan sahaja di Kelantan, di Malaysia ini pun orang Kelantan juga belajarnya, di mana-mana pun orang Kelantan penuh di universiti. Tak ada masalah, nak memerintah Kelantan, Kerajaan BN buat pergi pembangunan, tak ada masalah. Kita memerintah, Kerajaan BN menyokong, tidak ada masalah.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Pasir Mas. Kalau dah begitu okeylah, sama-sama kita teruskan membangun.

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, tak apalah Yang Berhormat, mereka pun dah terasa dah tu di atas perjuangan Barisan Nasional.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Larut. Tuan Yang di-Pertua, RM1.3 bilion adalah peruntukan untuk hospital-hospital baru dan saya menyeru supaya peruntukan ini dapat disalurkan kepada semua seluruhnya khususnya kepada Kuala Krai. Kita ingin mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan yang ditunjukkan oleh pihak kementerian kerana telah menyediakan tenaga pakar yang boleh dikatakan memuaskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Apakah selepas kemenangan Barisan Nasional di Pengkalan Pasir dalam Parlimen Pasir Masaya, Yang Berhormat nampak bahawa banyak lagi projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan, yang akan diturunkan ke kawasan terutamanya di Kelantan ini. Apa pandangan Yang Berhormat selepas kita menang di Pengkalan Pasir? Kemungkinan kita akan menang lagi sekiranya diadakan pilihan raya yang lain.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Larut. Ya, itulah yang memang kita harapkan supaya kerajaan akan dapat memberi banyak lagi peruntukan-peruntukan ini yang RM77 bilion dikhususkan kepada negeri Kelantan. Dulunya RM3.5 bilion kalau tidak salah saya, sekarang lebih daripada itu. Inilah tujuannya supaya dapat diperuntukkan kepada kawasan-kawasan yang baru menang terutama sekali di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, namun yang menjadi masalahnya ialah sama ada tidak mempunyai peralatan ataupun kalau ada tidak mencukupi. *Complaint* yang diterima daripada mereka ialah tidak boleh menjalankan tugas yang diberikan kerana tiadanya peralatan tersebut. Kita ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai sama ada perancangan prasarana kelengkapan yang rapi telah dibuat sebelum tenaga pakar dihantar bertugas di sesebuah hospital. Saya juga ingin menyentuh mengenai isu doktor, kerajaan yang *locum* sedang hangat diperkatakan sekarang ini.

Saya amat bersetuju dengan pihak Kementerian untuk membenarkan doktor-doktor kerajaan menjalankan *locum*. Hasil perbincangan saya dengan beberapa orang doktor pakar terutama sekali di Kuala Krai sebenarnya bukanlah *locum* yang menjadi punca kepenatan dan seterusnya menjejaskan prestasi kerja tetapi *on call* yang terpaksa dihadapi oleh setiap doktor yang bertugas. Bayangkan doktor *on call* terpaksa bertugas selama 32 jam tanpa henti dengan bayaran elaun yang tidak setimpal. Kita semua boleh jangka risiko yang boleh berlaku akibat bertugas secara terus menerus. Di mana-mana sektor industri pun kita menghadkan pekerja bertugas secara berterusan sehingga 12 jam sehari sahaja. Tetapi doktor ada yang kena bertugas *on call* dengan izin sebanyak dua hingga tiga kali seminggu. Sepatutnya selepas *on call* diberikan cuti rehat sebelum memulakan tugas untuk hari yang berikutnya. Kalau terpaksa kerja pun, bayarlah dengan setimpal, kata mereka. Kepada sesiapa yang merungut bolehlah cuba untuk tidur selama 32 jam, untuk tidak tidur selama 32 jam dalam dua atau tiga hari

seminggu. Selepas itu, tengok sama ada boleh kendalikan tugas harian seperti biasa ataupun tidak, kata mereka.

Walaupun tugas seorang doktor itu mulia dan ikhlas dan tidak sepatutnya bermotifkan wang semata-mata tapi dalam zaman yang semua benda memerlukan duit, sesiapa pun tidak akan puas hati kalau menerima bayaran yang tidak setimpal dengan kerja yang mereka lakukan. Kesimpulannya, prestasi kerja mereka terjejas bukan kerana isu *locum* tetapi bebanan tugas *on call* yang terpaksa dipikul dengan bayaran yang tidak setimpal. Jadi kata mereka, janganlah kecoh dengan kebenaran kerajaan untuk memberikan kebenaran *locum* kepada mereka ini, doktor. Berilah peluang kepada doktor kerajaan untuk menjana pendapatan tambahan kerana kalau nak harapkan gaji, memang tidak setimpal dengan tugas dan tempoh pengajian yang telah dilalui oleh doktor-doktor ini.

Jika kita buat perbandingan, tidak ada yang persoalkan guru-guru yang mengadakan kelas tuisyen selepas masa kerja. Pelajar yang mengikuti kelas tuisyen tersebut mungkin merupakan anak murid mereka di sekolah yang mana boleh menimbulkan konflik kepentingan antara ringgit Malaysia dan tanggungjawab tapi mereka ini tidak merungut. Tetapi tidak ada rungutan dari mana-mana persatuan pengguna mengenai hal ini. Ini mungkin kerana Persatuan Guru adalah lebih kuat berbanding dengan Persatuan Doktor. Kita minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Persatuan Doktor supaya lebih terbela seperti mana yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Persatuan Guru-guru yang begitu lantang memperjuangkan nasib ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka juga menyentuh dengan penggunaan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Di sini saya ingin berucap mengenai penggunaan pengaliran bahasa Inggeris di sekolah di kawasan luar bandar yang perlu diterapkan dengan lebih berkesan lagi kerana mata pelajaran bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar yang kedua, dan merupakan bahasa yang pertama di seluruh negara. Maka sudah pastilah kita perlu memperkasakan lagi bahasa ini lebih-lebih lagi sekarang ini yang merupakan pengajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Dan pihak Kementerian perlulah menghantar lebih ramai lagi guru-guru yang berbahasa Inggeris di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang masih lagi terdapat kekurangan guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kawasan luar bandar dan ada sesetengah sekolah masih lagi belum terdapat guru yang mengajar dalam bahasa Inggeris dan ada yang

tidak ada langsung. Bagaimana satu contoh, di kawasan Parlimen saya iaitu di Sekolah Kebangsaan Bahagia namanya, satu guru pun tidak ada yang mengajar bahasa Inggeris. Jadi nama saja sekolah itu Sekolah Kebangsaan Bahagia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, sila Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Ini berkaitan dengan pengajaran bahasa Inggeris. Rasa saya bahasa Inggeris telah menjadi satu mata pelajaran teras agak lama tetapi sehingga kini kita belum dapat mengatasinya. Jadi boleh atau tidak Yang Berhormat bagi Kuala Krai cuba memberi bagaimanakah kaedahnya untuk kita mengatasi masalah ini.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Satu pandangan yang kita hendak ketengahkan, inilah yang saya katakan pengkhususan mengajar bahasa Inggeris ini harus diberi guru-gurunya tepat sekali di luar bandar. Dan saya akan teruskan ucapan ini, terima kasih Lipis kerana kita ke situ, Insya-Allah.

Sekarang masih lagi terdapat kekurangan guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kawasan luar bandar yang mana saya katakan tadi ada sesetengah sekolah belum ada satu guru pun yang mengajar bahasa Inggeris.

Pencapaian rendah dalam bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah di kawasan luar bandar juga menyebabkan peluang untuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh tidak tercapai. Satu sekolah di kawasan saya iaitu Sekolah Kebangsaan Kuala Krai yang mana muridnya mendapat 4A dalam mata pelajaran lain, 12 orang tetapi yang 12 orang ini malangnya bahasa Inggerisnya B, jadi mereka tak dapat ke asrama penuh. Mana-mana yang lain, 4A tapi bahasa Inggerisnya semua B, inilah sebagai contoh. Maka sudah tentulah perkara ini menyebabkan mereka ini terkandas untuk mengikuti ataupun menceburi bidang-bidang tertentu apabila dewasa kelak. Mereka-mereka ini adalah dari luar bandar.

Di Sekolah-sekolah Kebangsaan terdapat juga guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris yang tidak mempunyai *option* dalam bidang berkenaan serta tidak mempunyai latihan yang cukup. Sebagai contohnya mereka mengajar dengan campur aduk, setengah Inggeris, setengah Melayu. Ini tidaklah mencapai matlamat yang dikehendaki oleh pihak kerajaan.

Perkara ini jugalah yang menyebabkan murid-murid di kawasan luar bandar tidak mampu untuk menguasai bahasa ini dengan baik dan berkesan. Ibu bapa di kawasan-

kawasan luar bandar juga tidak mempunyai asas dalam penggunaan bahasa Inggeris. Maka sudah tentulah perkara ini juga boleh menyebabkan kemerosotan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan anak-anak mereka.

Selain itu, ada sesetengah guru yang dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar tetapi hanya datang untuk mendaftarkan diri kemudian minta untuk ditukarkan di sekolah-sekolah di kawasan bandar dan dengan mudah mereka melepaskan diri dari mengajar di sekolah tersebut dengan alasan yang tidak munasabah dan namanya beberapa minggu kemudian pergi ke bandar, balik. Ini haruslah pihak kementerian mengambil berat supaya guru-guru ini tidak nama sahaja dihantar tetapi mereka akan bertugas di luar bandar. Selagi tidak ada satu ketetapan yang tepat dan tegas sudah tentulah perkara ini akan berulang walaupun Rancangan Malaysia Kesembilan akan diteruskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sila saudara Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Tadi Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan guru-guru yang ditukar ke luar bandar sekejap selepas menerima jawatan pertukaran kemudian ditukar balik ke bandar semula. Adakah Yang Berhormat sedar, guru-guru ini sebenarnya adalah guru-guru yang latar belakangnya orang-orang kuat UMNO ataupun isteri-isteri kepada pemimpin UMNO yang demikian? *[Dewan menjadi gamat seketika]*

Kalau pemimpin PAS.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak apalah. Apa salahnya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:sudah tentulah kalau ditukar di luar bandar lama duduk sana. Sampai dua tiga empat lima enam tahun hendak balik tidak boleh lagi. Tapi kalau UMNO dia sedar bahawasanya yang ditukar itu rupa-rupanya kena anak pemimpin UMNO....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah marah pada UMNO.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:atau isteri kepada pemimpin UMNO, maka ditukar balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak apalah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Inilah perangai UMNO. Yang Berhormat sedar tidak perkara ini?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Ada yang menyeluruh tetapi bukan semua termasuk yang PAS pun kadang-kadang itu dapat juga. Terima kasih saudara.

Ibu bapa di kawasan luar bandar juga tidak mempunyai asas - saya sudah sebutkan tadi. Guru-guru pakar di dalam bahasa Inggeris iaitu dipanggil, dengan izin, *key personal* tidak dapat menjalankan tugas dengan baik seperti mana guru-guru pada tahun 70-an dan 80-an dahulu. Sekarang ini *key personal* kita rasa kalau ada pun tidak mencukupi. Di sekolah-sekolah sekarang juga, tidak wujud kumpulan sebaya yang merangkumi tujuh lapan buah sekolah di mana dalam satu kumpulan ini guru-guru dapat berbincang untuk membuat *brainstorming* ke arah peningkatan mutu bahasa Inggeris itu sendiri. Kempen-kempen untuk meningkatkan lagi bahasa Inggeris juga kurang tidak seperti dahulu, umpamanya minggu bahasa Inggeris, bulan bahasa Inggeris, dialog, drama dan sebagainya yang dahulu begitu lantang kita dengar dari sekolah-sekolah ini.

Guru besar-guru besar juga semakin kurang membuat pemantauan terhadap guru-guru yang mengajar kerana sibuk dengan kursus-kursus yang dihadiri hingga menyebabkan kemerosotan guru-guru. Ibu bapa selalu bersungut bila pergi hendak jumpa guru besar, kursus. Pergi minggu kedua, kursus. Jadi, kursus begitu banyak sekali sedangkan di sekolah-sekolah bila mereka pergi gurunya tidak ada. Dan, ini kita harap tidak akan berlaku kursus yang berterusan kerana rungutan daripada ibu bapa bila hadir hendak jumpa guru besar atau penolongnya tidak ada kerana berkursus. Bagus berkursus itu kita ucapkan syabas dan terima kasih kerana ini akan menambahkan pengetahuan dan ilmu tetapi kalau asyik berkursus sahaja tetapi kerjanya untuk bertemu dengan ibu bapa dan sebagainya kurang, ini patut dihalusi.

Nazir-nazir juga tidak bebas untuk membuat pemantauan sekarang seperti dahulu. Selain itu, Kementerian Pelajaran perlu menyalurkan peruntukan kepada sekolah-sekolah luar bandar supaya peningkatan dalam penggunaan bahasa Inggeris ini dapat diperluaskan lagi. Saya mencadangkan agar kerajaan juga perlu membuat penubuhan pusat-pusat latihan bahasa Inggeris di kawasan luar bandar di mana mereka yang mengajar yang terdiri daripada guru-guru yang mempunyai latihan, pengalaman mereka perlu dibayar elaun khas bagi menggalakkan untuk tinggal di kawasan luar bandar.

Pengambilan murid-murid untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa Inggeris diambil dari kalangan mereka yang mencapai tahap 1, 2, 3 dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Inggeris. Manakala pelajar yang memperoleh tahap 4, 5, 6 tidak dapat mengikuti kursus ini, umpamanya di luar bandar dan mereka ini untuk mendapat 1, 2, 3 jauh sekali. 4, 5, 6 langsung diketepikan. Ini sudah tentulah menjejaskan masa depan mereka dan juga menyebabkan pencapaian murid-murid terus berjaya akan terbantut di luar bandar ini.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terdapat 27 maktab di seluruh negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sila saudara.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita semua tahu bahawasanya bahasa Inggeris di negara kita ini kita belajar mungkin sejak daripada lahir daripada perut ibu. Maknanya sudah lama. Itu pun kita menghadapi masalah untuk mendapatkan guru-guru untuk mengajar terutama di sekolah rendah dan di luar bandar.

Apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya masalah ini ditambah lagi dengan pengajaran bahasa Mandarin, bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Apakah prospek ataupun masa depan murid-murid dan guru yang akan mengendalikan kursus-kursus bahasa Tamil dan Mandarin di sekolah kebangsaan ini? Pandangan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, itu sudah pun kerajaan mengutarakan supaya mengadakan pelajaran ini dan kita menyokong kerana pengajaran ini tidak kira apa bangsa pun asal kita dapat belajar maka itulah tujuannya kita berilmu.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 27 maktab di seluruh negara tetapi hanya sembilan maktab yang mengambil kursus dalam bahasa Inggeris. Seramai 50 orang sahaja yang mengikuti kursus dalam bidang ini. Pencapaian yang rendah juga menyebabkan pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah yang tidak ada kelulusan untuk mendapatkan pekerjaan, khusus di luar negara dan kita harapkan supaya perkara ini dapat dibetulkan untuk kepentingan anak-anak di luar bandar. Mereka akan sentiasa ketinggalan kerana untuk hendak dapat 1, 2, 3 jauh sekali, sedangkan 4, 5, 6 pun sudah

kredit dan saya rasa perkara ini harus diberi kelonggaran kerana ini pun sudah menjadi satu kepujian dalam bahasa Inggeris. Bila mereka ini hendak ambil TESL mereka telah awal lagi telah diketepikan. Maka peluang untuk mereka ke luar negara sudah tersingkir. Begitu jugalah maktab yang saya katakan tadi, 27 maktab di seluruh negara bayangkan hanya sembilan sahaja yang mengambil kursus dalam bahasa Inggeris dan ini harus diperbanyakkan lagi.

Pelajar-pelajar yang dihantar ke luar negara perlulah dikaji terlebih dahulu tentang kursus-kursus yang akan diikuti. Ini adalah bagi mengikut keperluan negara apabila mereka tamat pengajian nanti dan ini pihak kementerian harus mengkaji supaya keperluan negara dapat ditentukan lebih awal.

Pengajaran dalam bahasa Arab yang saudara sebut tadi begitu juga dalam bahasa Mandarin harus dipanjangkan waktu, dan kalau ada bahasa Arab ini harus dipanjangkan waktu kerana negara kita kebanyakannya adalah yang beragama Islam. Peruntukan perlu disalurkan untuk meningkatkan lagi pencapaian dalam bidang ini kerana akhlak anak-anak kita akan musnah bila mana mereka ini tidak cukup pelajaran terutama sekali dalam pengajaran Islam yang berteraskan bahasa Arab ini. Saya kira kalaulah anak-anak ini diterapkan dengan pengajaran bahasa Arab juga maka mereka ini akan berakhlak tinggi seperti mana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mahukan insan yang betul-betul mempunyai akhlak yang tinggi dan murni.

J-QAF fardu ain dapat membantu murid-murid membaiki akhlak dan bahasa antarabangsa apabila ke luar negara maka tentunya asas agama adalah perlu dititikberatkan. Gejala-gejala sosial, rasuah tentunya dapat dielakkan bilamana murid-murid akan mendapat ilmu yang berteraskan Islam dan bahasa Arab ini.

Saya harap penggunaan bahasa Arab di sekolah-sekolah dapat diterapkan dengan sepenuhnya seperti mana bahasa Inggeris. Saya menyokong atas saranan Yang Amat Berhormat.

4.11 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana dapat memberikan saya peluang untuk membahaskan usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah, terima kasih dan syabas yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri untuk membenteng dan menunaikan Rancangan

Malaysia Kesembilan kepada semua lapisan rakyat bagi membina tamadun menjulang martabat negara.

Inti pati slogan ini kena tepat kepada tempatnya bagi kita dapat memantapkan bangsa Malaysia suatu bangsa Malaysia yang tiada jurang perbezaan, di antara suku kaum mahupun kepercayaan agama dapat hidup bersama-sama untuk memartabatkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu:

- (i) Kepercayaan kepada Tuhan;
- (ii) Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
- (iii) Keluhuran Perlembagaan;
- (iv) Kedaulatan Undang-undang; dan
- (v) Kesopanan dan Kesusilaan.

Suatu bangsa yang penuh dengan bertamadun sebagai taman bunga yang subur menghijau disinari cahaya mata hari pagi, yang indah dengan tumbuhan berbilang-bilang jenis bunga-bunga berwarna-warni yang harum wangi lagi cantik dan indah dipandang. Inilah hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita agar polarisasi kaum sama ada di sekolah, di institusi pengajian tinggi, di tempat-tempat kerja mahupun di bandar-bandar dan desa-desa bukan lagi suatu kekangan hidup malahan suatu bangsa Malaysia yang bertamadun hidup bersama-sama dengan aman damai serta harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang kita menuju misi nasional, tentunya rangka-rangka yang merangkumi lima teras utama yang dijelaskan dengan terangnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri penuh dengan dugaan dan cabaran-cabaran kita. Dengan erti kata *sense of belonging* atau adakah kita mempunyai sikap kekitaan. Tentu sekali dengan adanya dalam sanubari kita sikap kekitaan ini, saya percaya dan yakin kita akan berkehendakkan segala-galanya baik-baik belaka dan dapat memastikan manfaat pembangunan diri serta sekeliling kita sama-sama kita rasai dan nikmati secara adil dan saksama.

Tumpuan kita dalam dekad ini ialah kerajaan serta swasta dan perseorangan adakah kita sudah bersedia, *are we ready of gear now?* Dengan izin bagaimana dengan sistem penyampaian, bolehkah kita pasti bahawa sikap, itu kerja mereka, itu tidak beruntung bagi saya atau itu hanya berfaedah kepada mereka. Bolehkah perkataan seperti ini diketepikan dan dianggap sebagai sejarah. Yang penting *we serve our nation*, dengan izin.

Kita berkhidmat untuk negara dengan penuh integriti. Maka soalan kita hidup dengan *carrot* dan *steak* tidak lagi wujud dengan izin tetapi *we lives with full integrity*, dengan izin.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Silakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar. Apabila Yang Berhormat bagi Sepanggar menyebut tentang, "Itu bukan kerja saya, itu kerja dia..." dan sebagainya tadi. Saya ingin melihat sama ada Sepanggar setuju atau tidak dengan saya tentang sikap pelaksanaan kepada dasar anggota kerja kerajaan umpamanya. Saya yakin kesemuanya melaksanakan tugas masing-masing.

Kesemuanya *perform*, kesemuanya berprestasi tetapi mereka lebih mementingkan kelompok mereka. Maksudnya *they perform their duty but none of them are actually managing a product*, pengurusan produk ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya perbandingan antara pengurusan produk dengan melaksanakan tugas tadi ialah mereka gagal untuk mengenal pasti, siapakah pelanggan mereka sebenarnya yang mana pelanggan tadi boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

- (i) pelanggan dalaman; dan
- (ii) pelanggan luaran.

Umpamanya di dalam suatu unit pengeluaran, seorang pekerja ini akan mempunyai pelanggan dalamannya dalam konteks TNB umpamanya pekerja di bahagian perkhidmatan atau di bahagian *service*, pelanggannya adalah pekerja di Bahagian Pemasangan Jangka. Jika mereka gagal mengenal pasti siapakah pelanggan dalaman mereka, maka penyampaian perkhidmatan tadi tidak akan dapat menepati kehendak dan cita rasa pelanggan.

Begitulah seterusnya penyampaian perkhidmatan ini perlulah mengenal pasti dengan tepat siapakah sebenarnya pelanggan luaran mereka yang hendak menepati setiap perkhidmatan itu menepati cita rasa mereka. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya jika saya katakan sebenarnya jentera di dalam perkhidmatan kerajaan ini gagal membezakan di antara menguruskan produk, menguruskan perkhidmatan dengan menjalankan tugas.

Semua buat kerja, saya buat kerja saya. Ini bukan kerja saya, itu kerja dia dan sebagainya. Akhirnya penyampaian yang mendukacitakan kepada pelanggan-pelanggan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang saya setuju dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. *The wrong has to be punished but the good deed will be rewarded*, dengan izin. Kesalahan atau kegagalan mesti diberi hukuman setimpal dan kejayaan harus dihadaikan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita bersama membangun dan sama-sama dapat menikmati arus pembangunan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menyebut tentang sistem penyampaian ataupun *delivery system* ini, adakah Yang Berhormat faham bahawa dalam sektor kerajaan terutamanya seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, yang patut diberi ganjaran atau diberi *reward*, diberi *reward* yang patut dihukum diberi hukuman.

Tetapi yang menjadi masalah di dalam sektor pekerjaan ini ialah biasanya yang penghormatan itu cepat, diberi perkhidmatan cemerlang, diberi itu dan diberi ini. Tetapi yang menjadi kesukaran ialah untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan. Prosedurnya terlalu panjang kadang-kadang menyukarkan mengambil tindakan akibatnya banyak tindakan tidak diambil ke atas mereka yang cuai dan ini berlaku di mana-mana.

Sering kita dengar yang terbaru sebagai contoh misalnya memberi perkhidmatan asas ini berlaku kepada seorang penduduk di kawasan saya sendiri. Pergi daripada Hospital Batu Gajah dirujuk kepada Hospital Besar Kuala Lumpur. Orang ini, pesakit ini dirujuk oleh Hospital Batu Gajah untuk mendapat rawatan pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur. Dia bertolak waktu malam kerana orang ini orang miskin yang tidak mempunyai kemampuan untuk menginap di Kuala Lumpur.

Sampai di Hospital Kuala Lumpur, menunggu daripada pukul 8.00 pagi sampai pukul 2.00 petang tidak mendapat apa-apa *treatment*, dengan izin sedangkan dia dirujuk oleh Hospital Batu Gajah ini. Dia menunggu dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 2.00 petang, sedangkan sistem yang dihebahkan oleh Menteri Kesihatan ialah tidak lebih

daripada 90 minit mesti mendapat rawatan. Alangkah kecewanya orang ini sedangkan dia sudah berada sampai subuh-subuh, tetapi menunggu mulai 8.00 pagi sehingga pukul 2.00 petang. Sehingga dia mengetuk bilik doktor pakar ini barulah dia diberi layanan. Itu pun dia dirujuk balik. Kamu ini dari Ipoh maka kamu pergi balik ke Ipoh. Hamba Allah ini pergi balik ke Ipoh.

Inikah *delivery system* yang kita harapkan daripada kerajaan, terutama memberikan perkhidmatan kepada mereka yang daif, yang tidak mampu dan miskin? Sila bagi pandangan Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Memang inilah masalah kita di mana *system delivery* ataupun sistem penyampaian kita ini tidak begitu prihatin kepada kehendak kita sebagai rakyat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Dalam kita bersama-sama membangun dan bersama-sama dapat menikmati arus pembangunan, memang kerajaan khasnya yang menjawat dalam jawatan perkhidmatan penyampaian yang berkuasa dan memegang tonggak kepimpinan supaya tidak mengabaikan tanggungjawab yang dipikulnya tetapi menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan belas kasihan. Peruntukan yang berjumlah 220 ribu bilion ringgit, kita kongsi bersama menikmatinya. Rakyat Sabah sama-sama dapat berkongsi bersama hasil negara dengan diperuntukkan Ringgit Malaysia berjumlah 16,908 bilion. Bagi pihak rakyat Sabah khasnya rakyat Sepanggar saya ingin menyampaikan ucapan syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan yang dipimpin bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tambahan lagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM51 *million* hasil daripada pendapatan FELDA diperuntukkan kepada Sabah untuk membasmi kemiskinan dengan Sabah yang digelar termiskin sekali di antara 14 negeri termasuk Wilayah Persekutuan walhal negeri Sabah pada ketika tahun 60-an dan 70-an digelar sebagai negeri terkaya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bila tersiar berita wanita dengan ketuk ketampi, maka dengan cepat dan segera kerajaan mengambil tindakan dengan menubuhkan satu badan penyiasat tetapi bila pemimpin serta Ahli-ahli Parlimen dari Sabah menyuarakan bertubi-tubi, tahun demi tahun mengenai kes pendatang orang asing daripada Indonesia, Filipina dan Pakistan dengan tanpa diproses dengan undang-undang. Tiba-tiba menjadi rakyat Malaysia dan diisytiharkan sebagai rakyat bumiputera yang mendapat keistimewaan lebih daripada peribumi Sabah. Bila saya bertanya di Dewan

yang mulia ini, langkah-langkah kerajaan untuk mengenal pasti bancian di Sabah yang di mana penduduknya naik sebanyak 4 kali ganda berbanding dengan negeri-negeri lain, saya tiba-tiba menerima jawapan bertulis dengan huruf besar "TIDAK BENAR".

Sudah sampai masanya, pihak kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerja bersama Yang Amat Berhormat untuk menekan dan mendesak agar satu badan penyiasat ditubuhkan untuk menyiasat kenaikan bancian penduduk serta pengeluaran sijil kelahiran dan kad pengenalan sebagai warga negara Malaysia. Semua pihak termasuk Suhakam telah pun menyuarakan keraguan mereka terhadap penambahan penduduk ini. Tambahan baru-baru ini, beberapa orang kanak-kanak asing yang tidak mempunyai dokumen ditolak tidak diterima balik ke Filipina oleh kerajaan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada tidak ada had dan tidak akan menakutkan penjenayah-penjenayah mengenai kesalahan pengeluaran serta pengedaran *Mykad* atau IC. Sebab sabit kesalahan memiliki pengeluaran serta pemalsuan kad pengenalan hanya dihukum *fine* sebanyak tidak lebih daripada RM20 ribu ataupun hukuman penjara tidak lebih daripada tiga tahun. Sedangkan kesalahan ini tentu berkaitan dengan ancaman menggugat keselamatan serta kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa seramai 400 ribu orang asing yang telah diisytiharkan sebagai rakyat Malaysia di Sabah yang dikeluarkan dengan sijil kelahiran serta kad pengenalan yang menggunakan butiran H05 dan kemudian ditukar kepada kad pengenalan *Mykad* dengan menggunakan kod 12 atau 49 supaya dimulakan penyiasatan dan diambil tindakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rakyat Malaysia yang menyertai penglibatan serta melibatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi kita tidak lihat keterampilan mengenai penglibatan bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli di Semenanjung. Kita harap agar kerajaan dapat mengambil keprihatinan serta tindakan resolusi yang sebanyak 13 resolusi dari Kongres Ekonomi Bumiputera Minoriti 2005 yang diadakan di PWTC pada 7hb dan 8hb Februari tahun lalu yang telah disampaikan kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan memohon kepada Kerajaan Pusat dan kementerian masing-masing agar kami di kawasan Sepanggar dapat diperuntukkan serta ditunaikan permohonan-permohonan Rancangan Pembangunan dan pembaik pulih yang telah kita sampaikan terlebih awal dahulu kepada pihak-pihak berkenaan sama ada di Kerajaan Pusat mahupun di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.

Infrastruktur: Perhubungan jalan raya, untuk melaksanakan pembaik pulih Jalan Inanam dan Jalan Rungis yang telah diperuntukkan pada tahun lalu, pembaik pulih serta membubuh tar bagi jalan luar bandar. Jalan-jalan Kokol, Poring-poring yang sepanjang 15 kilometer, Jalan Tempulai Natai dan Bunsut 14 kilomerter, Jalan Kolonsi Pulutan 4 kilometer, Jalan Kawakantindai yang menghubungkan dua daerah Kota Kinabalu dan Penampang 7 kilometer, Jalan Babagun Tokik 7 kilometer, jalan-jalan perhubungan kampung seperti Jalan Natai, Tolongan, Jalan Sinagang, Lawan Mondo, Jalan Tombongon Natai supaya dapat diluluskan pembinaan juga dengan sungai-sungai yang melibatkan punca banjir lumpur pada 7hb Julai tahun lalu.

Sungai-sungai Telipuk, Sungai Tebobon, Sungai Kembirian Dambai, Sungai Menggatal dan Sungai Daro juga dipohon diambil perhatian untuk membina jalan lintas Kiansong Inanam untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan ini dan juga Jalan KKIP Telipuk, Kiukokol, Kiulokkos dan Ranau yang telah diperuntukkan sejak RMK-7 dan RMK-8 tetapi hingga sekarang belum dapat dilaksanakan. Maka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita minta harap-haraplah agar pelaksanaan ini dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Sepanggar

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Sepanggar. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dalam teras ketiga iaitu sama rata dalam pembangunan seimbang serta memastikan manfaat pembangunan dinikmati rakyat secara adil dan saksama. Saya bukan sahaja kawasan Yang Berhormat tetapi saya minta juga di Kelantan di mana jalan-jalan raya sudah lama yang mana sudah berusia 15 tahun. Saya tidak marah kepada PAS walaupun ia memerintah. Ia ada nafsu hendak buat jalan, minta maaf Yang Berhormat Pasir Mas. Dia ada nafsu hendak buat jalan tetapi duit tidak ada. Sebab itu saya mencadangkan selain daripada kawasan Yang Berhormat, saya seru juga supaya projek-projek jalan ini dirasai dan dinikmati oleh rakyat Kelantan walaupun ia diperintah oleh Parti Pembangkang. Saya selaku khususnya wakil rakyat Pasir Puteh

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ada bersedia untuk berucap?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ada, tetapi ini permintaan bersama. Takut terlupa nanti dalam kita punya cadangan Yang Berhormat ini teras

ketiga, jelas. Terima kasih. Setuju tak? Khususnya Parlimen Pasir Puteh, jangan Pasir Mas lah.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya bersetuju dan saya mohon supaya dimasukkan ke dalam ucapan saya bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi bukan diberikan keutamaan, ya? Yang mana satu mustahak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:...Sepanggar mustahak atau Pasir Puteh?

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Sepanggarlah yang mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik,baik.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kawasan Sepanggar yang di pinggir bandar raya Kota Kinabalu mempunyai penduduk tempatan yang berhijrah dari kampung-kampung khasnya dari pendalaman Sabah. Tambahan pula orang-orang asing kononnya yang dipanggil sebagai rakyat Malaysia, mereka ini semuanya duduk sebagai setinggan di kawasan tanah lapang yang dimiliki oleh kerajaan dan perseorangan yang sukar dikawal di kawasan-kawasan pinggir sungai, jalan-jalan raya dan pantai-pantai laut yang sangat mencemarkan bukan sahaja udara dan pandangan kita tetapi juga mencemarkan dan menggugat kebersihan serta kesihatan kita dengan sampah sarap yang bertaburan. Maka kita serta kerajaan dan kementerian ingin memohon menjalankan bancian setinggan dengan tepat dan betul supaya kerajaan dapat merancang perumahan-perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk permohonan bantuan kepada kementerian bagi pembinaan semula SK St. Cathrine yang dibina sejak awal tahun 70-an. Ini telah diisytiharkan oleh pihak JKR dan DBKK tidak selamat diduduki. Begitu juga dengan SM Bandar Raya yang mendapat tambahan murid yang lebih, bangunan sekolah yang tidak dapat menampung tambahan murid dan dengan ini saya juga memohon agar tambahan bangunan serta bangunan asrama dapat dilaksanakan. Begitu juga dengan bangunan-bangunan yang dibina dengan menggunakan kayu papan seperti sekolah-sekolah SK Kokol, SK Gudon, SK Unggun, SK 'Melawak', SK Rampaian, SK 'Kebabu' haruslah dibaikpulih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Untuk mengurangkan perbelanjaan bagi guru-guru untuk mempertingkatkan tahap kebolehan serta pengajaran, guru-guru ini selalu di hantar ke Semenanjung, maka kita mohon agar Institusi Aminuddin Baki dapat diperuntukkan di Sabah, khususnya di Sepanggar yang mempunyai kawasan di KKIP bagi maksud pendidikan tinggi ini.

Saya juga ingin mencadangkan agar sekolah-sekolah bermula dari Sekolah Kebangsaan mewajibkan murid-murid untuk menyertai pasukan beruniform serta guru-guru yang dilatih dengan kepakaran pasukan berseragam agar mereka dapat meresapkan disiplin dan integriti yang baik dalam pembangunan kemahiran serta minda. Untuk menggalakkan rakyat terus belajar seumur hidup dan bagi rakyat untuk mendapat kemudahan dan buku-buku rujukan pihak kita telah memohon agar sebuah bangunan perpustakaan yang dilengkapi dengan buku-buku bacaan dan rujukan dapat diperuntukkan di Sepanggar. Begitu juga dengan permohonan kami supaya dapat diperuntukkan bangunan Giat MARA untuk membantu rakyat, khususnya muda mudi di Sepanggar supaya dapat memperoleh kemahiran dalam bidang yang mereka gemari.

Menyentuh mengenai keselamatan, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dan pembinaan Balai Polis Inanam yang telah diperuntukkan dengan anggota kakitangannya sehingga ini belum ada bangunan. Saya syorkan agar kerajaan beli sahaja satu bangunan apartmen yang sudah sedia daripada Koperasi Kakitangan Kerajaan di Bambangan, Inanam. Peruntukan rancangan balai polis di kawasan Sepanggar, saya juga ingin mencadangkan agar ditempatkan di kawasan setingan berhampiran dengan Kampung Unggun agar balai polis ini dapat ditempatkan. Begitu juga dengan mendapat kelulusan dan kebenaran daripada pihak Bukit Aman di mana pembinaan sebuah pondok polis di Indah Permai, pemaju telah sedia untuk membina dan memberi kelengkapan, satu-satunya rancangan mesra rakyat. Ini kita mohon agar pihak Bukit Aman dapat melulus dan membenarkan untuk pelaksanaannya.

Kementerian juga dapat mencepatkan pembinaan pusat Tentera Laut Diraja Malaysia di Sepanggar yang kedua besarnya di Malaysia, tentunya ini adalah pusat Tentera Laut Diraja yang sekurang-kurangnya dapat meyakinkan rakyat dengan menjaminkan keselamatan di pesisiran laut yang meluas di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya memohon peruntukan tambahan anggota polis di pekan Telepok yang didiami oleh orang-orang asing yang sudah mempunyai

kewarganegaraan Malaysia. Ramai setingan daripada Pulau Gaya yang dipindah ke Kampung 'Beronuan' tetapi disebabkan punca pencarian nafkah yang tidak bersesuaian di mana pada asalnya setingan ini di pulau adalah nelayan dan dipindahkan ke kawasan pertanian, maka mereka sudah balik ke tempat asal mereka di pulau dan yang tinggal sekarang ialah saudara mara yang datangnya dari Phillipine. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan.

4.37 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan RMK-9, sebuah misi unggul ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat di pelbagai peringkat negara ini meletakkan harapan yang cukup tinggi agar misi nasional ini tercapai. Kejayaan RMK-9 adalah titik permulaan ke arah negara Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju dan membangun pada tahun 2020 dengan megah dan bergaya.

Seperti kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, untuk negara ini mencapai status negara maju pada tahun 2020, 40 peratus penduduk negara ini harus berilmu, berpendidikan tinggi serta berkemahiran. Justeru itu hasil kerajaan berusaha menambahbaikkan sistem pendidikan negara adalah sangat dialu-alukan sebagaimana yang termaktub dalam teras kedua ke arah merealisasikan misi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, semasa RMK-8, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM24,172 bilion ataupun bersamaan 14.2 peratus dari jumlah peruntukan RMK-8 kepada Kementerian Pelajaran. Begitu juga kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang diperuntukkan sebanyak RM13,554 juta atau bersamaan 8 peratus jumlah keseluruhan RMK-8 menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa komited dalam memantapkan pendidikan dalam negara ini.

Manakala dalam RMK-9 pula, sekali lagi kita melihat kerajaan memperuntukkan sebanyak 16 bilion, 963 bilion dan dicampur pula lagi dengan 6 bilion - 235 daripada inisiatif pembiayaan swasta. Menjadikan peruntukan Kementerian Pelajaran berjumlah 23 bilion. Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan Tinggi diperuntukkan 16 bilion ditambah dengan inisiatif pemberian swasta berjumlah 1 bilion – 548, di mana menjadi peruntukan keseluruhan RMK-9 untuk Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah 17 bilion lebih. Jika kita gabungkan kedua-duanya Tuan Yang di-Pertua, untuk pelajaran

dan pendidikan sahaja, kerajaan akan membelanjakan sebanyak 40 bilion atau 18.5% daripada jumlah peruntukan RMK-9 yang dianggarkan berjumlah 220 bilion. Walau bagaimanapun saya sedikit terkilan kerana setelah membaca buku RMK-9, setelah meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau semasa membentangkan dalam RMK-9. Saya tidak nampak kerajaan memberikan perhatian ke atas rintihan, di atas kesusahpayahan orang Melayu, orang bumiputera yang berkecimpung dalam industri pendidikan atau lebih ringkas dikenali sebagai IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerajaan tidak sedar atau tidak menyedari beberapa banyak jumlah orang Melayu dan bumiputera yang terlibat dalam industri pendidikan swasta ini. Sahabat saya Dr. Adham Baba malah Menteri Pendidikan Tinggi saya rasa cukup arif perkara ini, kerana saya turut membantu beberapa orang sahabat yang memiliki IPTS menyampaikan masalah-masalah yang mereka hadapi, yang cukup kritikal. Mungkin kerajaan juga tidak sedar bahawa jumlah pelaburan yang dilaburkan oleh orang Melayu dan bumiputera dalam industri pendidikan ini juga cukup *significant* angkanya. Kenapa rintihan dan keluhan mereka tidak diberikan perhatian yang sewajarnya? Ini yang menjadi persoalan dan tanda tanya.

Saya melihat dalam RMK-9 tidak ada pendekatan yang jelas, yang kerajaan akan ambil untuk menangani nasib orang Melayu yang pada mulanya diberikan galakan oleh kerajaan berkecimpung dalam industri pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh saya menerima pagi tadi..

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan. Sebelum Labuan pergi jauh saya memahami rintihan di bawah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan bagi jalan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bagi jalan. Penjelasan, takut nanti ada *conflict of interest* kerana saya tahu bahawa Ahli Parlimen Labuan ini merupakan salah seorang daripada yang menjalankan IPTS di Labuan. Sama ada Labuan kena *declare interest* dalam salah satu kolej di Labuan. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sahabat saya ini Tuan Yang di-Pertua, takkanlah hendak *declare interest*. Saya belum sampai lagi. Kalau saya ceritakan mungkin dia akan meleleh air mata. Bagaimana saya terjebak dalam industri yang saya tidak pernah berminat ini sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya terima satu memorandum tadi pagi daripada 19 kolej bersekutu. Kolej-kolej ini merangkumi hampir seluruh negeri. Terdapat 19 dan kesemuanya milik Melayu dan bumiputera. Selangor juga ada, Pulau Pinang juga ada, Pahang juga ada, Terengganu pun ada dalam kolej

bersekutu ini yang menghadapi masalah yang cukup kritikal. Saya hendak jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, masalah kolej-kolej kepunyaan orang Melayu dan bumiputera yang cukup jelas. Saya sudah nyatakan kepada kementerian bahawa mereka tidak mempunyai pelajar. Pelajar tidak mendapat tajaan. Itu satu perkara pokok yang telah dimaklumkan kepada kementerian. Yang kedua.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi laluan Labuan

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sekejap. Saya akan bercakap dulu baru dia dapat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kolej-kolej ini hanya mengendalikan kursus-kursus yang ditawarkan oleh UiTM. Maka tidak salahlah kolej-kolej ini diberikan perhatian oleh kerajaan kerana tertubuhnya UiTM pun ialah untuk membantu orang Melayu dan bumiputera di negara ini. Namun apa yang mendukacitakan hingga ke hari ini bukan saya seorang seperti yang Beluran katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlibat dalam industri ini bila mana sebuah kolej swasta hendak ditutup pada tahun 2003, matan Menteri Pelajaran pada waktu tersebut meminta jasa baik saya, bagaimana untuk menyelamatkan kolej yang ada 700 pelajar ada yang tahun satu, tahun dua, tahun tiga tidak tahu hendak ke mana dan tidak ada orang di negeri Sabah pada masa itu yang sanggup menanggung beban tersebut. Saya melihat bahawa yang terlibat ini semua orang Melayu. Maka saya menawarkan diri membantu.

Saya melaburkan hampir RM3 juta untuk mengambil alih kolej tersebut. Bukan sedikit Beluran. Saya tidak berminat kalau bukan kerana orang Melayu dan bumiputera terlibat dalam hal tersebut. Jadi jangan disalahertikan bahawa ada *conflict of interest*. Sehingga hari ini pun sebenarnya kalau orang kata saya mabuk atau pening kepala mungkin kerana dari hari pertama mengambil alih kolej tersebut, jangankan untung saya terpaksa menanggung kerugian RM100 ribu lebih setiap bulan. Saya sudah mengadu dengan matan menteri ini. Dulu menteri sekarang matan menteri.

Saya sudah tujukan 'PNL' kerana komoditi sesebuah kolej swasta ialah pelajar. Pelajar yang tidak mencukupi, orang yang belajar *simple arithmetic* pun boleh buat kira-kira. *Not enough student, college can never survive*. Bagaimana kita boleh *survive* kerana kerajaan pun mempunyai banyak IPTA-IPTA yang tumbuh macam cendawan

setiap tahun. Jadi bila mana ada kolej-kolej swasta orang Melayu diminta memberikan galakan untuk berkecimpung *at the same time* kerajaan tidak mempunyai sistem yang *consistent* untuk membantu mereka. Kepada orang lain industri ini *lucrative*. Ada yang sampai mencapai tahap kolej universiti. Tetapi kerajaan sampai hari masih tidak mampu melakukan banyak, kerana mereka ini walaupun ditawarkan status kolej universiti masih mempromosikan ijazah, diploma, universiti-universiti luar. Walaupun di antara syaratnya mereka harus gugurkan. Tetapi oleh sebab mereka bertegas dan tidak mahu bertolak ansur, kerajaan akhirnya memberikan mereka tempoh lanjutan lagi selama lima tahun. Ini menyebabkan banyak IPTS-IPTS bumiputera yang hari ini bukan lagi nazak, saya ingat sudah koma.

Dalam memo yang saya terima, ini cukup mengejutkan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bera, Bera.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Institut Yayasan Pulau Pinang, kalau aku bagi kamu, Larut mengamuk, raja mengamuk. Puchong saya tidak kisahlah. Saya bagi Larut dahulu, kemudian sahabat saya Bera.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagilah Bera dia baru masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *You last.*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya amat bersimpatilah. Pertama, inilah jadi masalah kita apabila bertukar tangan, kepimpinan, kementerian. Memang sesuatu akan berlaku. Ini tidak dapat kita elakkan, oleh kerana masing-masing ada cara, pemikiran dan juga panduan. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Labuan katakan tadi, beliau menghadapi masalah apabila berlakunya pertukaran pemimpin, makna menteri dalam kementerian yang berkenaan dan saya dapat lihat bahawa banyak IPTS ini akan gulung tikar.

Jadi persoalannya ialah tidak ada satu perasaan tanggungjawab untuk menyelamatkan IPTS ini sebagaimana yang digambarkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan. Tetapi adakah Yang Berhormat bagi Labuan bersetuju perancangan sewaktu mewujudkan IPTS ini. Saya memang akui bahawa perasaan, semangat Yang Berhormat bagi Labuan sebagai contohnya untuk membantu menempatkan lagi lebih

ramai masyarakat kita, golongan yang memerlukan pengajian, terutamanya mereka yang tidak ada peluang untuk melanjutkan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi awam.

Jadi, apakah Yang Berhormat melihat bahawa perancangan ketika mewujudkan IPTS ini tidak dibuat secara yang lebih mantap kerana kita tahu bahawa kita tidak dapat lihat bilangan IPTS yang wujud di dalam negara kita ini dan mereka perlu melalui persaingan di antara satu dengan lain. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Labuan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya bersetuju bahawa sebenarnya kerajaan bilamana memperkenalkan IPTS, setelah wujudnya IPTA, saya fikir tidak mempunyai sistem yang konsisten. Apatah lagi, bila pada mulanya dibuka di mana bumiputera dan non-bumiputera terpaksa *compete each other* dalam keadaan padang yang sama rata. Sudah jelas IPTS bumiputera dan Melayu tidak akan mampu bersaing disebabkan beberapa faktor. Yang pertamanya, IPTS bumiputera dan Melayu ini, yang akan masuk ialah mereka yang gagal masuk ke IPTA dan kebanyakan mereka adalah pelajar di luar bandar yang tidak berkemampuan.

Jika dibandingkan yuran IPTA dengan IPTS, baik bumiputera atau bukan bumiputera, sudah jelas mereka tidak akan masuk IPTS sehingga satu waktu mereka diterima untuk masuk ke dalam IPTA. Yang jelasnya, Kementerian Pendidikan Tinggi sehingga hari ini, belum lagi mempunyai dasar yang betul-betul firm, ataupun yang boleh membantu IPTS Melayu dan bumiputera.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau begitu, apa akan jadi nasib kepada pelajar-pelajar ini sekiranya IPTS ini ditutup? Ini perkara yang besar, ya. Masa depan pelajar-pelajar yang berada di dalam IPTS ini, nasib mereka.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, apakah Yang Berhormat setuju supaya mesej ini sampai kepada kerajaan, terutama Kementerian berkenaan untuk mengambil tindakan yang segera, bukan hanya untuk Yang Berhormat, tetapi untuk semua yang terlibat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih. Saya akan jawab bersekali dengan Yang Berhormat bagi Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bera sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Labuan. Kalau kita lihat banyak agensi-agensi kerajaan juga menaja pelajar-pelajar ke IPTS dan saya kira saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Labuan bahawa terdapat banyak IPTS swasta, bumiputera yang sekarang di dalam keadaan yang nazak dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat setuju, kalau kita minta supaya agensi-agensi kerajaan, perbadanan-perbadanan kerajaan misalnya, GLC-GLC misalnya bumiputera yang menaja pelajar-pelajar ini, menghantar pelajar tajaan mereka ke IPTS swasta bumiputera. Sebab saya ambil contoh, FELDA misalnya, mereka menaja 500 pelajar tetapi mereka menghantar ke Lim Kok Wing dan tidak menghantar kepada IPTS bumiputera. Nampaknya IPTS bumiputera tidak mendapat sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang sepatutnya membantu bumiputera di dalam soal ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Labuan...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Labuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Lebih kurang sama sahaja Yang Berhormat. Jawab sekali.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekalilah dengan Puchong, ya.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya perhatikan sebenarnya. Saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Labuan dan juga Yang Berhormat bagi Bera. Saya perhatikan sebenarnya banyak juga daripada IPTS yang dibuka ini, dari segi pengurusan yang sebenarnya dia lebih kepada sumber kewangan sedangkan dari segi persiapan mereka, mereka tidak mempunyai pengalaman untuk menguruskan dari segi pendidikan ini. Sebab, saya kenal ada beberapa orang sahabat saya yang keluar daripada pentadbiran biasa tetapi cuba untuk membuka IPTS ini dengan harapan dia mendapatkan sedikit kewangan daripada mengendalikan pelajar-pelajar ini.

Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, jawabkan sekali supaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi, kementerian ini, teliti betul-betul. Mereka yang memohon ini, untuk buka IPTS ini bukan sekadar hendak cari duit. Pastikan supaya mereka ini ada pengalaman, ada kebolehan mengurus dan ada pengalaman dari segi

pendidikan supaya IPTS mereka hidup dan mereka dapat pendapatan dan pelajar-pelajar yang masuk ke IPTS ini sudah pun berjaya. Sila Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Labuan, saya hendak bagi satu idea untuk kebaikan Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Dato', Dato', Yang Berhormat bagi Jerai, sahabat. Bagi saya jawab tiga sekali dahulu. Kalau tidak, saya tidak ingat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat bagi Larut kata tadi, apa akan jadi nasib kepada pelajar Melayu dan bumiputera yang ada di IPTS. Itulah antara punca kenapa saya terjebak dalam industri pendidikan hari ini kerana jika tidak mereka mungkin tidak akan habis menyiapkan program diploma yang hanya tiga tahun diperlukan untuk UiTM. Seperti sahabat saya daripada Bera yang mengatakan bahawa GLC-GLC patut menaja. Seperti saya katakan tadi, dua perkara pokok yang telah diberitahu kepada Kementerian Pendidikan, ketiadaan pelajar dan ketiadaan tajaan. Memang wajar jika mereka lakukan. Kalau FELDA mungkin FELDA bersebab kenapa mereka menghantar 500 ini kepada Lim Kok Wing.

Saya rasa jika perkara ini dimaklumkan, saya percaya ayahanda saya, Yang Berhormat Menteri di sebelah sana akan membantu kerana beliau terbilang dan cukup terkenal dengan semangat membantu orang Melayu ini. Cuma, mungkin perkara ini tidak pernah disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri di sebelah sana. Tetapi hari ini, saya mengambil peluang kerana beliau duduk di depan saya, saya akan laungkan kuat-kuat apa yang diperlukan oleh IPTS Melayu untuk ditolong oleh menteri-menteri yang duduk di kementerian-kementerian, di Kabinet Kerajaan Malaysia hari ini supaya jangan IPTS ini, biar saya bacakan sebentar Yang Berhormat bagi Jerai, ya.

Ini bukan main-main. INPEN Internasional Selangor sudah tutup. UNICOP Koperasi Polis, CEO dia kata lampu merah. Kolej Shah Putera saya nampak membelanjakan hampir RM20 juta, membuat pinjaman sudah mula bermasalah. Kolej Politech Mara Bangi, Politech MARA Cheras, Kuantan, Kota Bharu, Kolej Teknologi Yayasan Alor Gajah. Yang paling menarik, ini paling kritikal Tuan Yang di-Pertua. Institut Yayasan Bumiputera Pulau Pinang, pemiliknya Yayasan Pulau Pinang sudah mengisytiharkan akan tutup bulan Mei 2006 kalau tidak ada pelajar dihantar ke kolej mereka.

Baitulmal menghadapi masalah yang sama. Kolej Islam Johor sama. Ini adalah gabungan 19 kolej Melayu bumiputera bernaung di bawah bendera UiTM tetapi Kementerian Pendidikan Tinggi sampai hari ini, walau dimaklumkan secara bertulis dan lisan, masih gagal memaklumkan kepada kerajaan cara mana membantu mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan, menyentuh tentang ketidakseimbangan sosioekonomi dan ini juga salah satu di antaranya.

Apa faedahnya besok kita berkata, nelayan dapat bot baru, enjin baru, orang Melayu berkecimpung dalam industri pendidikan, tutup kedai, lingkup, pelajar bertempiran mencari tempat untuk meneruskan pendidikan mereka. Jumlah mereka untuk 19 *colleges* ini, saya rasa lebih 3,000 ke 4,000 pelajar. Jumlah tenaga pengajar sahaja mungkin melebihi 2,000 orang. Jadi bayangkanlah jika kerajaan tidak memberikan perhatian serius, apa akan jadi? Jadi saya memohon dengan usaha kerajaan....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Puchong bangun Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: ... memantapkan sistem pendidikan negara ini, saya mohon Kementerian Pendidikan Tinggi yang baru, yang saya cukup kenal secara peribadi memberikan perhatian khusus ke arah menangani perkara ini. Puchong, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Janji bagi Jerai, tapi Puchong.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sekalilah, sekali.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Puchong dululah, Puchong, Puchong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, nakal, nakallah.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, sila duduklah Jerai. Sekejap lagi dia bagilah tu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Tadi saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Labuan ini macam rasa sedih, sayu. Macam tak ada harapanlah untuk IPTS ini, khasnya untuk IPTS kaum bumiputera ini. Tetapi sedarkah Yang Berhormat, baru-baru ini kita pun tahu kita ini hendak capai satu negara yang maju, kita mestilah mempunyai jumlah penduduk sekurang-kurangnya 60% ada berpendidikan tinggi. Baik, setakat ini negara kita hanya 29%, Tuan Yang di-Pertua. Maka potensinya, tinggi.

Maka, cara sekarang ini ialah bagaimana kita boleh menguruskan. Saya yakin dan percaya mengapa Kementerian Pengajian Tinggi ini memberikan lesen-lesen kepada IPTS, kerana mungkin untuk mengurangkan kos pendidikan ataupun kos menguruskan pendidikan, khasnya pendidikan di pengajian tinggi. Maka di sini, saya hendak dapatkan sedikit pandangan dari Yang Berhormat, sekarang ini dalam negara kita ini, IPTS mengeluarkan graduan-graduan tertentu. IPTS sama. IPTS bumiputera, *non-bumiputera, almost the same course*, dengan izin.

Ini bermakna, kita ini dari segi penawarannya, bagi saya adalah berlebihan. Maka, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat, supaya mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi mesti memberi satu dasar yang jelas bahawa penggunaan tenaga kita ini dalam negara mesti ada jelas. Sebagai contoh, dalam tahun 2020 ini, kita memerlukan berapa ramai peguam, doktor, engineer dan seterusnya? Dan, selepas itu kita agihkan tanggungjawab ini.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ya, okeylah, okeylah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tanggungjawab ini kepada semua IPT-IPT.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang mana baik kepada Yang Berhormat, baiklah kepada saya. Tapi biar saya jelaskan lagi..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: So, saya haraplah IPTS, Yang Berhormat, dapat lebih ramai belajar selepas ini. *[Ketawa]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat, biar saya jawab sedikitlah. Saya ingat Yang Berhormat melihat daripada perspektif yang berbeza. Saya katakan tadi, jumlah pelajar untuk masuk ke IPTA berlimpah-ruah banyaknya, kerana yuran dan tajaan hampir-hampir automatik. Persoalannya, untuk mereka masuk ke IPTS terutamanya IPTS bumiputera, satu, ialah tajaan, kedua, yuran di antara IPTA dan IPTS bagai langit dengan bumi bezanya. Itu sudah dua faktor yang cukup memberikan mereka kurang berminat untuk masuk ke IPTS dan menunggu walau 5 tahun akan datang untuk mereka diterima masuk ke IPTS.

Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, kerana kerajaan meletakkan asas 200 ribu pelajar kepada UiTM pada tahun 2015 untuk membina kampus-kampus UiTM yang baru supaya rancangan tersebut dibatalkan. Ada baiknya kerajaan gunakan dana tersebut, mungkin dia punya *cost saving* jauh lebih banyak dengan membantu 19 kolej bersekutu ini dijadikan sebagai kampus-kampus untuk menampung 100 ribu pelajar tambahan yang diamanahkan oleh kerajaan.

Kenapa, Tuan Yang di-Pertua? Pertama, modul kurikulum disediakan oleh UiTM. Saya tidak cakup universiti lain. Saya cuma hendak sentuh UiTM kerana inilah memorandum yang diberikan kepada saya oleh Kolej Unikop. Kedua, peperiksaan, gred dan sebagainya, dibuat oleh UiTM. Jadi, yang disediakan oleh kolej gabungan atau bersekutu adalah kemudahan tempat belajar, infrastrukturnya dan tenaga pengajar.

Dan, ini pun ada masalah mengikut laporan gabungan ini. Mengeluarkan diploma, ijazah UiTM pun Kementerian Pengajian Tinggi masih membenarkan LAN mengenakan bayaran. Bermakna, mesti mendapat akreditasi lagi daripada LAN. Sedangkan sijil yang dikeluarkan ialah sijil IPTA, bukan IPTS. Jadi, di sini kita nampak *standard*. Di sini kita nampak ada satu sistem yang tidak teratur dalam Kementerian Pengajian Tinggi itu sendiri. *May b,e* dengan izin, mereka *confuse*, keliru. Tidak tahu apa hendak dibuat. Terlalu banyak bijak pandai, cerdik pandai, sehingga benda-benda yang kecil mereka tidak nampak, kepada saya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Beluran bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya mohon mencadangkan kepada kerajaan supaya UiTM, Menteri Pengajian Tinggi gunakan kuasa tolong kolej orang Melayu dan bumiputera ini. Arahkan UiTM hantar 1,000 pelajar untuk setiap kolej.

Insya-Allah, 19 kolej Melayu bumiputera ini akan *survive* dan apa yang diilhamkan ataupun apa yang diimpikan oleh Perdana Menteri pada tahun 2020, Insya-Allah orang Melayu akan *significant* penglibatannya dalam sektor perniagaan. Apa juga sektor termasuk pendidikan. Jika tidak, Tuan Yang di-Pertua saya mahu Kementerian Pengajian Tinggi maklumkan di Dewan yang mulia ini berapa banyak kolej universiti milik bumiputera dan bukan bumiputera yang telah dinaiktarafkan. Itu sahaja ukuran bahawa Kementerian Pengajian Tinggi gagal dalam melahirkan orang Melayu dan bumiputera untuk berjalan seiring dengan yang bukan bumiputera.

Dasar, Tuan Yang di-Pertua, dasar, bukan lain, dasar. Ini semua, kalau kerajaan ada kesungguhan seperti sekarang, pelbagai misi disebut dalam RMK-9, kalau tidak di peringkat pelaksanaannya menjalankan dengan bersungguh-sungguh, ia juga akan gagal. Beluran. Jangan tanya pasal saya ada kolej lagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Labuan. Apakah Yang Berhormat tidak melihat bahawa yang dihadapi oleh sebahagian kolej-kolej ini sebahagian besar disebabkan oleh keterbukaan kementerian dalam memberikan lesen

kelonggaran untuk menubuhkan kolej-kolej. 270 buah kolej sekarang ini yang telah dibenarkan beroperasi. Apakah dalam keadaan sekarang ini, Yang Berhormat tidak melihat bahawa perlu dikonsortiumkan dan pendekatan bahawa UiTM memberikan kepada kolej-kolej yang sedia ada merupakan satu bentuk konsortium yang harus difikirkan di peringkat dasar oleh kementerian.

Tetapi saya melihat bahawa ada juga kolej-kolej bumiputera yang berjaya, Universiti Tun Abdul Razak umpamanya. Universiti di Sabah, for example yang ditubuhkan 3 tahun dahulu. Sekarang sudah penuntutnya mencecah 2 ribu lebih orang pada ketika ini dan sedang bertambah pada setiap semester. Ada juga kolej-kolej lain juga mendapat tempat. Adakah disebabkan oleh daya tarik terhadap kolej itu sendiri juga merupakan faktor yang harus dilihat oleh kolej-kolej swasta yang lain? Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang pertama, saya bersetuju dengan saudara Yang Berhormat tentang pengeluaran lesen-lesen IPTS yang seperti cendawan. Yang mungkin longgar atau mungkin berlaku sedikit kecuaihan di pihak bahagian pelesenan sehingga yang tidak memenuhi syarat yang beroperasi di rumah-rumah kedai juga dinobatkan sebagai kolej dan institut. Ini patut dikaji oleh Kementerian Pengajian Tinggi bahawa sebenarnya tidak hanya dengan memohon beroperasi daripada kedai satu tingkat, maka jadilah dia institut. Dan, jika inilah jadinya, maka kualiti institut tersebut akan tercemar. Manakala tentang perbezaan Universiti Tun Razak, ini jauh. Ia daripada sebuah institut sudah naik taraf kepada universiti. Ia tidak sama dengan kolej gabungan yang bermasalah yang mengeluarkan ijazah dan diploma IPTA lain. Universiti UNITAR, ia mengeluarkan diploma dan degreenya sendiri. Sudah jelas modus operandinya, marketingnya tidak sama. Tuan Yang di-Pertua, okay last, saya hendak berpindah subject.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya begitu meneliti alasan-alasan yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Labuan tadi. Daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Labuan bahawa terutamanya IPTS yang mempunyai program *twin* dengan UiTM, saya agak hairan kenapa kerajaan masih enggan untuk memberi bantuan, khususnya menempatkan pelajar-pelajar di IPTS yang berkenaan.

Saya percaya sebagai orang yang begitu prihatin kepada masalah ini tentu Yang Berhormat sudah mendapat sedikit gambaran daripada pihak kementerian. Apakah yang menjadi kekangannya? Adakah kerana kementerian tidak mempunyai dana untuk

membantu mereka ini atau sebab-sebab lain kerana saya nampak dari segi kualiti, dari segi pemeriksa, dari segi kurikulum dan sebagainya, pensyarah sudah lengkap. Sebab itu mereka mendapat kepercayaan UiTM dan mendapat lesen daripada LAN. Jadi adakah dana yang menjadi punca kepada masalah yang tidak dibantu ini? Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cukup berterima kasih. Saya bersetuju seperti Yang Berhormat katakan bahawa alasan untuk membantu cukup. Kalau Yang Berhormat tanya kenapa, jawapan peribadi saya ialah tidak ada kesungguhan daripada mereka yang duduk di atas sebagai pemimpin di kementerian itu sendiri. Saya telah mengadu dengan SUPAR sebelum matan menteri bersara, jawapan yang saya terima ialah, "Kita usahakan". Mereka cuba usahakan tetapi hendak menolong secara bersembunyi-semunyi.

UPU dengan teorinya, kementerian dengan teorinya dan UiTM dengan teorinya. *At last* masa berlalu, kolej-kolej tersebut bertambah nazak. Saya sudah katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, harus direkodkan 19 kolej gabungan yang hari ini bernaung di bawah payung UiTM sudah berada dalam keadaan setengahnya nazak, yang setengah lagi akan sampai ke peringkat koma dan jika ini berlaku, saya ingat akan keluar di muka-muka surat depan. Inilah hadiah kerajaan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan, menuju misi nasional, 19 kolej bersekutu milik Melayu dan bumiputera lingkup, tutup kedai. Kerana apa? Kerana Kementerian Pendidikan Tinggi tidak mempunyai satu *solution* yang terkini untuk menyelesaikan masalah mereka yang cukup kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit, ini perkara lama, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh tentang pengangkutan awam. Saya berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan. Cuma saya sampai hari ini masih lagi tidak faham atau mungkin saya juga termasuk dalam bab keliru bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Labuan pada tahun 2004, kalau saya tidak silap, beliau telah menyentuh tentang masalah pengangkutan awam yang melibatkan dua tempat di negeri Sabah, di Menumbok dan juga di Labuan yang hanya mempunyai satu feri yang rosak, mati di tengah jalan, ditarik oleh kapal tunda udang dan sebagainya, mendapat liputan meluas akhbar-akhbar tempatan, TV3 datang, TV1 datang, Menteri Wilayah Persekutuan, sekarang sudah yang kedua, tetapi sampai hari ini saya tidak nampak sebarang penyelesaian.

Saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, orang nombor satu dalam negara telah meminta supaya perkara ini

diselesaikan, malah dibenarkan supaya ada lagi feri yang mengangkut daripada dua kawasan ini untuk kebaikan rakyat, *good for the consumer* dilaksanakan, apa sebenarnya lagi yang dapat saya lakukan untuk meminta Kementerian Pengangkutan melihat perkara ini. Alasan yang diberikan menyedihkan. Kerajaan Negeri Sabah tidak membenarkan feri mendarat di Menumbok.

Saya sampai mencadangkan satu cadangan yang tidak masuk akal. Saya kata kalau begitulah keadaan yang berlaku, dalam Malaysia pun kita perlukan kebenaran, ada baiknya Labuan minta supaya feri tersebut berhenti di tengah laut, kita hantar feri lain angkut untuk bawa ke Labuan. Kalau sudah itulah semangat kenegerian yang timbul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memohon dan merayu, ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengarahkan supaya dilihat. Ini pengangkutan awam ini. Jangan nanti kita seperti cakap tidak serupa bikin.

Sehingga hari ini, dua tahun. Saya tidak tahulah kalau yang mengarahkan itu saya, mungkin 20 tahun akan datang pun tidak akan diberikan perhatian. Saya menyeru, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Pengangkutan menyegerakan masalah ini dengan berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah, selesaikanlah apa juga kepincangan-kepincangan yang melibatkan *agreement* dua pihak di antara operator sekarang dan yang akan datang supaya kepentingan orang awam terjaga dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang akhir sekali, saya juga meminta, Tuan Yang di-Pertua supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, hasrat Labuan ingin muncul sebagai salah satu lagi kawasan yang terlibat dengan industri *oil and gas* dan petrokimia mendapat sokongan daripada kerajaan. Mungkin ramai yang tidak tahu kerana mereka menganggap IOFC kepada Labuan tidak bermakna terutama kepada penduduknya kerana mereka yang berurus niaga IOFC ini tidak pernah pun bermalam di Labuan.

Tetapi sebelum Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada 1 April 1984, Labuan memang telah berkecimpung dengan cergasnya dalam industri perkhidmatan *oil and gas* dan juga petrokimia. Jika di Terengganu ada Kemaman Supply Base, di Kepulauan Borneo cuma ada Labuan Supply Base sahaja. Tetapi oleh kerana dinobatkan sebagai IOFC, maka perkara-perkara pokok tentang teras ekonomi Labuan telah tidak diberikan perhatian sewajarnya.

Saya menerima jawapan bertulis daripada kementerian MITI yang mengatakan bila saya bertanya bagaimanakah cara untuk merencanakan ekonomi setempat, “Oh, Labuan tidak dinobatkan sebagai pulau pembuatan dan perkilangan”. Tetapi mereka mengatakan ada mengeluarkan beberapa lesen yang melibatkan aktiviti *oil and gas*. Saya lihat jawapan yang diberikan tanpa membuat kajian terperinci. Saya mohon dan merayu kepada kerajaan, terdapat 70 lebih jabatan di Labuan yang boleh memberikan maklum balas yang tepat supaya apa-apa juga perancangan dan pembangunan yang dirancang mengambil kira pandangan dan pendapat *end user* supaya projek-projek tersebut tidak menjadi *white elephant* dan menjadi ruang untuk pembangkang mengkritik kita bilamana berlaku sesuatu keadaan seperti pilihan raya dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Dengan yang demikian, saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong.

5.18 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya pada petang ini dan minta maaf tadi tengah hari saya ada mesyuarat, sudah janji dengan Tuan Yang di-Pertua hendak bagi saya awal daripada ini. *[Disampuk]* Ada bincang, ada bincang kerana perbincangannya khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada setengah jam. Jadi yang setengah jam itu, insya-Allah, saya akan gunakan sebaik mungkin. Saya terus kepada Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan pertama saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah merangka dasar perancangan yang amat baik sekali untuk memenuhi kehendak negara, untuk melonjak lagi ke peringkat yang lebih maju untuk menunaikan janji-janji dalam Wawasan 2020.

Kita sebagai sebuah negara, hendak maju bukan sahaja di bidang infrastruktur ataupun prasarana dan ekonomi, tetapi juga kita hendaklah maju di bidang minda dan budaya. Jadi penekanan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menepati wawasan ini iaitu tidak guna kita mengadakan ekonomi yang maju, tidak guna kita mengadakan prasarana yang indah dan elok, tidak guna kita mempunyai semua kemudahan yang bertahap antarabangsa ataupun global, kalau budaya dan minda

masyarakat Malaysia itu tidak terbimbing, tidak terasuh dan dibina menjadi masyarakat yang betul-betul dalam dunia yang pertama.

Jadi dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, semua tekanan ataupun misi teras penumpuan yang telah dibuat, dirangka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu perlu mendapat sambutan, sokongan dan kerjasama semua pihak. Jangan suruh Perdana Menteri mimpi seorang dan disokong ahli-ahli politik. Kalau pegawai kerajaan tidak berdiri bersama di belakangnya, termasuk pembangkang, kalau masyarakat Malaysia tidak berdiri bersama di belakangnya, kita jangan pada satu ketika nanti habisnya Rancangan Malaysia Kesembilan menuding jari kepada kerajaan, menuding jari kepada Perdana Menteri, menuding jari kepada Barisan Nasional mengatakan bahawa kita tidak *deliver* dengan izin apa yang kita janji pada hari ini. pokok pangkalnya Tuan Yang di-Pertua, kita mesti bekerjasama untuk merealisasikan mimpi yang telah di laksana dan ditulis di dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kalau kita gagal jangan marah orang lain. Kita tanya diri kita sendiri di mana letaknya kegagalan itu. Saya cukup bersetuju..

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...ramai Yang Berhormat sebut tadi, siapa yang menggagalkan Rancangan Malaysia Kesembilan dan terasnya, kita gagalkan dia dalam hidupnya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, saya ingat apa yang dibawa oleh Yang Berhormat ini adalah merupakan sesuatu yang cukup penting kepada kita, membina manusia, membina upaya manusia. Lebih payah, lebih mudah sebenarnya kita membina jambatan daripada membina manusia ini. Apa pandangan Yang Berhormat, sebab kepayahan kita hendak membentuk dari segi tasawufnya, *world viewnya*, cita rasanya, nilainya serba macam lagi. Apakah cadangan Yang Berhormat untuk memastikan kita benar-benar mencapai dari segi mindanya. Bekas Perdana Menteri kita mengatakan bahawa 22 tahun dia tidak berjaya membina minda, mengalih minda kita ini. Apakah resipi yang barangkali ada pada Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Santubong ini?

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang menumpukan perhatian saya kepada pembinaan *human capital* dalam Bahasa Melayunya iaitu modal insan. Terima kasih. Modal insan

ini kita mesti melihat daripada semua aspek, semua aspek. Aspek keperibadiannya, aspek kerohaniannya, aspek tingkah lakunya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ... dan aspek membudayakan ilmunya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang mengambil serius dalam setiap program kerajaan apatah lagi Rancangan Malaysia Kesembilan yang menuju kepada tahun 2020. Apakah Yang Berhormat melihat sistem pentadbiran, kita tahu setakat kita mengadakan mesyuarat, tetapi yang penting ialah pelaksanaannya lebih berkesan menuju kepada sasarannya. Apakah kita ingin meminta Ketua Setiausaha Negara orang yang merupakan pegawai yang paling tinggi supaya melihat sistem yang ada pada masa ini, terutama sekali dari segi pertindihan, agensi-agensi yang mungkin boleh disatukan supaya kita tidak hanya mengambil masa untuk bermesyuarat kerana yang penting ialah pelaksanaannya dan juga keberkesanannya projek-projek yang hendak dilaksanakan itu. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya gerakan ini perlu dilakukan dengan lebih segera secara besar-besaran untuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini benar-benar tercapai dan terlaksana.

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita melihat rancangan Wawasan 2020 mesti sampai kepada matlamatnya, kepada sasarannya dalam masa 30 tahun apabila dilancar dahulu. Kita telah tamat fasa pertama 15 tahun. Ini kita melonjak ke fasa yang kedua. Kalau kita gagal kali ini oleh kerana apa sahaja rintangan dan hambatan, sama ada dari segi prosedurnya, daripada segi pertindihannya Jabatan Kerajaan daripada masalah sumber insan yang kita sebutkan - Perdana Menteri sebutkan 'mentality in the box' yang kurang berfikir 'outside the box' ini, yang boleh menggagalkan apa sahaja impian kerajaan, impian ahli politik termasuk impian Perdana Menteri melonjak ke hadapan lagi, kita kena ubahkan minda dan pandangan mereka ini dahulu di peringkat jabatan dan di peringkat kerajaan.

Kerajaan mesti berani bercakap dengan pegawainya, jangan menteri buat keputusan hari ini, esok pegawai *over turn* keputusan menteri besok hari. Jadi di mana

letaknya kuasa menteri? Yes sir, kata siri televisyen di England, *yes minister*. Balik daripada itu dia buat cerita lain, inikah coraknya pentadbiran negara? Kita kena ubah semua ini. saya boleh tunjuk Tuan Yang di-Pertua bahawa ada berlaku keputusan menteri, apabila sampai peringkat pegawai berlandaskan teknikal, berlandaskan birokrasi, berlandaskan perundangan, berlandaskan prosedur tidak jadi dilaksanakan bertahun-tahun. Masalahnya kenapa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita tidak melihat bahawa, undang-undang ini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Santubong.....

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: prosedur ini.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Santubong

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...format ini adalah buatan kita sendiri, kenapa tidak diubah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Santubong boleh tambah sedikit? Apakah Yang Berhormat bagi Santubong setuju supaya ketua-ketua jabatan ini turun ke padang dan melawat setiap projek yang hendak dilaksanakan sampai mengeluarkan hasilnya, sampai dipastikan bahawa projek tersebut benar-benar telah dapat dilaksanakan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Tiba masanya pegawai kerajaan daripada KSNnya turun ke bawah. Kalau Perdana Menteri boleh pergi ke kawasan Parlimen kenapa KSN tidak boleh pergi kawasan Parlimen? Kalau menteri boleh datang ke pendalaman Kapit, Belaga dan sebagainya, kenapa KSU tidak boleh pergi? Kalau Ketua Menteri boleh pergi teluk pesuk negeri ini, kenapa kalah dengan izin dan *Director General* ataupun pegawai-pegawai kanan ini pergi ke tempat itu melihat sendiri, kenapa satu-satu perkara tidak berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Berhormat Datuk Dr. Wan, mengikut pengalaman saya, yang cukup... Yang Berhormat bagi Santubong, ya. Kerana saya hendak menghormati Ijazah Kedoktoran beliau, tahniah. Mengikut pengalaman saya, yang cukup bahaya ialah prejudis peribadi pegawai-pegawai yang melaksanakan polisi-polisi kerajaan. Kadang-kadang mereka ini dengan izin, *they walk where angels fear to treat*. Mereka kadang-kadang berlebih-lebihan interpretasi mereka. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: “Patah sayap bertongkat paruh” kata Perdana Menteri. Tidak siapa berani melawan kalau kita di dalam jiwa dan hati kita hendak memulakannya. Orang yang gagal ialah orang yang memikir dirinya gagal. Jadi kalau kita fikir pada hari ini, saya tidak kira dia budak pejabatkah, atau KSU, kalau dia memikir dia gagal pada hari ini, kalau dia fikir dia prejudis hari ini, kalau dia tidak hendak buat hari ini, dia tidak akan buat bila-bila masa pun. Jadi Yang Berhormat bagi Sri Aman saya cukup setuju. Jangan bersifat pilih kasih, jangan bersifat prejudis, saya pun tidak tahu di mana letaknya jadi prejudis ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh dua teras sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung besok.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Insyallah saya akan sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan di tangguhkan pada pukul 5.30 petang.